

'Daripada Abdullah bin 'Amr Radhiallahu 'anhuma bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassallam bersabda:
"Dikatakan kepada pembaca Al-Quran:
Bacalah dan naiklah, bacalah sebagaimana kamu membacanya di dunia. Sesungguhnya tempat kamu (di Syurga) adalah pada ayat terakhir yang kamu bacakannya".
[Riwayat Abu Daud (nombor 1464)]

KEBAWAH DYMM BERKENAN MENERIMA MENGADAP



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Ketua Pengarah Pertubuhan Makanan dan Pertanian Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (FAO), Tuan Yang Terutama Dr. Qu Dongyu serta rombongan FAO. Foto : Muhammad Asri Awang Haji Abas. *Lihat muka 2.*



Berita Utama



JPM harga 146 pegawai, kakitangan bersara

Muka 7



MEMBINCANGKAN isu keselamatan makanan, memperkukuh kerjasama serantau

Muka 8

Tekankan kepimpinan berkesan, perkukuh pembangunan kompetensi



Oleh : Haniza Abdul Latif

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 23 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam, bertitah menegaskan kepentingan bagi mengemudi landskap ekonomi dan tenaga yang semakin dinamik, khususnya dalam mengurus cabaran ketidakstabilan geopolitik, serta keperluan kekal berdaya saing, berdaya tahan dan tangkas demi melindungi nilai jangka panjang.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah penutup di Mesyuarat Lembaga Pengarah Syarikat Brunei Shell Petroleum Sendirian Berhad Ke-418 dan Mesyuarat Lembaga Pengarah Syarikat Brunei Shell Marketing Sendirian Berhad Ke-196 bagi Suku Pertama bagi Tahun 2026. Foto : Mohammad Hasif Matzin.

Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengurniakan titah tersebut semasa berkenan mempengerusikan Mesyuarat Lembaga Pengarah Syarikat Brunei Shell Petroleum Sendirian Berhad (BSP) Ke-418 dan Mesyuarat Lembaga Pengarah Syarikat Brunei Shell Marketing Sendirian Berhad (BSM) Ke-196 bagi Suku Pertama bagi Tahun 2026 yang berlangsung di bangunan Jabatan Perdana Menteri (JPM), di sini.

>> Muka 3



40 pohon ditanam sempena Hari Bumi 2026

Muka 9





RENCANA

BUKU artifak budaya, rentas tradisi generasi sepanjang zaman

Muka 27

Kebawah DYMM berkenan menerima mengadap



KEBAWAHA Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa berkenan menerima mengadap Ketua Pengarah Pertubuhan Makanan dan Pertanian Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (FAO), Tuan Yang Terutama Dr. Qu Dongyu serta rombongan FAO (kiri dan kiri sekali).

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin
Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit,
Muhammad Asri Awang Haji Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 23 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, petang tadi

berkenan menerima mengadap Ketua Pengarah Pertubuhan Makanan dan Pertanian Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (FAO), Tuan Yang Terutama Dr. Qu Dongyu serta rombongan FAO.

Semasa Majlis Mengadap tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda

Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah menekankan kepentingan inovasi, adaptasi dalam menghadapi perubahan iklim serta pengukuhan kerjasama serantau dalam membangunkan sektor makanan yang lebih mampan dan berdaya saing bagi mencapai tahap sara diri, bukan sahaja bagi Negara Brunei Darussalam bahkan bagi rantau

Asia Pasifik secara keseluruhannya.

Seterusnya, baginda juga bertitah mengalu-alukan kerjasama dan bantuan daripada FAO, khususnya dalam sektor pertanian dan akuakultur, selaras dengan usaha mencapai pembangunan sektor makanan yang berdaya tahan.

Tuan Yang Terutama Dr. Qu Dongyu berada di negara ini bagi menghadiri Persidangan di Peringkat Menteri-menteri

semasa Sesi Ke-38 Persidangan Serantau bagi Asia dan Pasifik (APRC) di negara ini pada 23 hingga 24 April 2026.

Turut hadir pada Majlis Mengadap ialah Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin; Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos; dan Setiausaha Tetap, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Dayang Hajah Tutiaty binti Haji Abdul Wahab.

WAKTU SEMBAHYANG										
APRIL MASHI	HARI	ZULKAEDAH HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
25	SABTU	7	4.41	4.51	6.10	6.33	12.19	3.34	6.26	7.37
26	AHAD	8	4.40	4.50	6.10	6.33	12.19	3.34	6.26	7.37
27	ISNIN	9	4.40	4.50	6.10	6.33	12.19	3.34	6.26	7.38
28	SELASA	10	4.40	4.50	6.09	6.32	12.19	3.35	6.26	7.38
29	RABU	11	4.39	4.49	6.09	6.32	12.19	3.35	6.26	7.38
30	KHAMIS	12	4.39	4.49	6.09	6.32	12.19	3.35	6.26	7.38
1	JUMAAT	13	4.38	4.48	6.09	6.32	12.18	3.35	6.26	7.38

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
	SABTU	AHAD	ISNIN
Bandar Seri Begawan	34 26 °C 	34 26 °C 	33 25 °C
Pekan Bangar	34 26 °C 	34 26 °C 	32 25 °C
Pekan Tutong	34 26 °C 	34 26 °C 	33 25 °C
Kuala Belait	34 26 °C 	34 26 °C 	33 25 °C

Wallahualam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi
www.mef.gov.bn

SIDANG PENGARANG 25 APRIL 2026

Jangan mudah menyebarkan aib orang lain

SEBAGAI orang Islam, kita hendaklah sentiasa menjaga adab dan etika ketika berbicara seperti yang sudah diajarkan oleh Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Ini kerana tidak sedikit orang berdosa kerana tidak mengawal tutur katanya. Begitu juga ada yang tercela kerana terjebak dengan tutur kata sendiri dan malah ada yang bermusuhan kerana tutur kata dan bicara yang tidak terkawal.

Sepertimana yang ditekankan menerusi Khutbah Jumaat minggu ini, betapa besarnya nilai persaudaraan dalam agama Islam sehingga kita dianjurkan untuk saling menjaga kehormatan dan menutup aib serta keburukan sesama kita. Sesungguhnya aib adalah sesuatu yang tidak boleh didedahkan atau disebarkan sewenang-wenangnya kepada orang lain. Namun begitu, kita sering lalai dan melupakan peringatan ini. Tanpa disedari, kita kerap mendedahkan keaiban orang lain, sedangkan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah memberikan amaran tegas terhadap perbuatan tersebut. Tidakkah kita bimbang jika Allah Subhanahu Wata'ala membuka aib kita pula di dunia mahupun di akhirat kelak?

Ramai dalam kalangan manusia lalai daripada menilai kekurangan dan dosa sendiri, sebaliknya sibuk mencari-cari kesalahan orang lain. Sedikit sahaja terlihat keaiban seseorang, maka ia segera memperkatakan dan menyebarkan tanpa rasa bersalah. Lebih menyedihkan, dengan kemudahan media sosial pada hari ini, hanya dengan hujung jari, aib seseorang boleh tersebar luas dan menjadi tular dalam sekelip mata. Di manakah letaknya rasa takut kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala? Tidakkah kita khuatir jika Allah Subhanahu Wata'ala membuka aib kita pula satu hari nanti? Kemuliaan dan kehebatan seseorang insan bukanlah semata-mata kerana dirinya, akan tetapi kerana Allah Subhanahu Wata'ala telah menutup aib seseorang itu dengan limpahan kasih sayang-Nya. Berapa ramai daripada kalangan kita yang kelihatan mulia di mata manusia, sedangkan jika Allah Subhanahu Wata'ala membuka walaupun sedikit sahaja aib kita, nescaya hilanglah segala pujian dan penghormatan.

Maka pelihara dan jagalah aib saudara kita sebagaimana kita mengharap agar Allah Subhanahu Wata'ala memelihara dan menjaga aib kita. Janganlah kita menjadi orang yang sanggup membuka dan menyebarkan keaiban orang lain kerana azab dan ancaman Allah Subhanahu Wata'ala amat berat terhadap orang yang suka mendedahkan keaiban.

Marilah kita sama-sama berusaha untuk sentiasa menjaga setiap tutur kata dan tingkah laku kita daripada melafazkan perkataan dan melakukan perbuatan yang boleh mengundang dosa dan kemurkaan Allah Subhanahu Wata'ala. – **Ketua Penyuntingan (Ad)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

pelita.brunei@information.gov.bn | 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 2381004 | www.pelitabrunei.gov.bn

دربیتکن اوله جابتن قراغن. جابتن قردان منتري دان دچیتق اوله قرینت قلس سنديرين برحد، نگارابروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

TEKANKAN KEPIMPINAN BERKESAN, PERKUKUH PEMBANGUNAN KOMPETENSI

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor/Morshidi,
Mohammad Hasif Matzin



>> Muka 1

Semasa mengurniakan titah penutup, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, turut menekankan keutamaan berterusan terhadap keselamatan, kepimpinan

berkesan dan pembangunan kompetensi, termasuk pengukuhan bakat, keupayaan organisasi serta budaya kerja berprestasi tinggi.

Penekanan ini titah baginda, adalah penting bagi memastikan kelestarian jangka panjang serta menyokong aspirasi negara.

Terdahulu, keberangkatan tiba



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat mempengerusikan Mesyuarat Lembaga Pengarah Syarikat Brunei Shell Petroleum Sendirian Berhad Ke-418 dan Mesyuarat Lembaga Pengarah Syarikat Brunei Shell Marketing Sendirian Berhad Ke-196 bagi Suku Pertama bagi Tahun 2026 yang berlangsung di bangunan Jabatan Perdana Menteri (atas, kiri dan bawah kiri).

Kebawah Duli Yang Maha Mulia dijunjung oleh Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah; dan Timbalan Menteri (Tenaga) di JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Mohamad Azmi bin Haji Mohd. Hanifah, selaku ahli-ahli Lembaga Pengarah Syarikat BSP

dan Syarikat BSM.

Mesyuarat tersebut turut membincangkan prestasi operasi, keselamatan, kewangan, dan pembangunan tenaga manusia bagi Syarikat BSP dan Syarikat BSM.

Mesyuarat tersebut juga dihadiri oleh pihak-pihak berkepentingan termasuk Shareholder Directors yang

mewakili Kerajaan Kebawah DYMM; Shell plc, serta ahli-ahli kepimpinan daripada BSP dan BSM.

Mesyuarat tersebut menandakan berakhirnya sesi Mesyuarat-mesyuarat Lembaga Pengarah-pengarah Syarikat-syarikat Brunei Shell Joint Venture (BSJV) Companies bagi Suku Pertama Tahun 2026.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima junjung ziarah (kanan). Sementara gambar bawah kiri dan bawah kanan, antara yang hadir pada mesyuarat berkenaan.



MENGAMALKAN PERSPEKTIF JANGKA PANJANG, PERTIMBANGKAN KITARAN PASARAN TERKINI



Oleh : Aimi Sani

Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit, Mohammad Hasif Matzin



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat mempengerusikan Mesyuarat Lembaga Pengarah Syarikat Brunei LNG Sendirian Berhad Ke-229 dan Mesyuarat Lembaga Pengarah Syarikat Brunei Gas Carriers Sendirian Berhad Ke-115 bagi Suku Pertama Tahun 2026 (atas kiri, atas kanan dan bawah kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 22 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mempengerusikan Mesyuarat Lembaga Pengarah Syarikat Brunei LNG Sendirian Berhad (BLNG) Ke-229 dan Mesyuarat Lembaga Pengarah Syarikat Brunei Gas Carriers Sendirian Berhad (BGC) Ke-115 bagi Suku Pertama Tahun 2026, hari ini.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Bangunan Jabatan Perdana Menteri (JPM) dijunjung oleh Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah dan Timbalan Menteri (Tenaga) di JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Mohamad Azmi bin Haji Mohd. Hanifah selaku Ahli-ahli

Lembaga Pengarah Syarikat BLNG dan Syarikat BGC.

Pada permulaan mesyuarat, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah.

Baginda telah mengiktiraf prestasi kukuh serta kemajuan yang dicapai pada tahun 2025, khususnya dalam memastikan kecekapan operasi, kedudukan kewangan yang berdaya tahan, serta komitmen terhadap keselamatan.

Sehubungan itu, baginda dalam titah, juga menekankan kepentingan untuk mengekalkan prestasi ini sepanjang tahun 2026, khususnya mengambil kira landskap tenaga global pada masa kini dibelenggu ketidaktentuan geopolitik dan harga minyak yang tidak stabil.

Baginda turut menegaskan bahawa tekanan luar ini memerlukan kewaspadaan, ketahanan dan pertimbangan yang berhemah di semua peringkat organisasi. Mesyuarat juga membincangkan perkara-perkara penting seperti prestasi operasi, keselamatan, kewangan dan pembangunan

tenaga manusia, serta strategi jangka panjang bagi Syarikat BLNG dan Syarikat BGC.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia seterusnya menegaskan keperluan untuk mengamalkan perspektif jangka panjang, termasuk mempertimbangkan kitaran pasaran terkini dan pergerakan jangka pendek.

Terdahulu, mesyuarat

dimulakan dengan bacaan doa dan dihadiri oleh pihak-pihak berkepentingan termasuk Shareholder Directors yang mewakili Kerajaan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam; Shell plc dan Mitsubishi Corporation serta ahli-ahli kepimpinan daripada BLNG dan BGC.

Kebawah DYMM seterusnya akan mempengerusikan Mesyuarat Lembaga Pengarah-pengarah Brunei Shell Petroleum Sendirian Berhad (BSP) Ke-418 dan Mesyuarat Lembaga Pengarah-pengarah Brunei Shell Marketing Sendirian Berhad (BSM) Ke-196 bagi Suku Pertama Tahun 2026 pada Khamis, 23 April 2026.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima junjung ziarah (kiri). Manakala gambar bawah, antara yang hadir pada mesyuarat tersebut.



KOMITED MEMPERKUKUH SISTEM MAKANAN MELALUI INOVASI SAINS, TEKNOLOGI

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit,
Mohd. Sahrizal Haji Said

JERUDONG, Khamis, 23 April. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri bersabda, bagi Negara Brunei Darussalam (NBD), keselamatan makanan merupakan keutamaan negara dan juga tanggungjawab serantau bersama.

Sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, sebagai sebuah negara yang peka terhadap kerentanan akibat gangguan rantaian bekalan global dan cabaran yang sentiasa berubah, negara menitikberatkan kepentingan memperkukuh kerjasama serantau di bawah rangka kerja Pertubuhan Makanan dan Pertanian.

"Sejajar dengan wawasan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk meningkatkan daya tahan negara melalui peningkatan tahap sara diri, kita komited untuk memperkukuh sistem makanan melalui inovasi dalam sains dan teknologi makanan, memajukan amalan pertanian mampan serta membangunkan rantaian nilai hiliran.

"Pada masa yang sama, kita juga perlu memastikan sokongan teknikal dan persekitaran yang kondusif tersedia bagi mengurangkan kerentanan, meningkatkan kecekapan dan membuka akses pasaran yang lebih luas kepada para petani, nelayan dan pengeluar," sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota pada Majlis Perasmian Sesi

Ke-38 Persidangan Serantau Pertubuhan Makanan dan Pertanian Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (FAO) bagi Asia dan Pasifik (APRC) yang berlangsung di The Empire Brunei, hari ini.

Duli Yang Teramat Mulia bersabda lagi, kita juga sentiasa menyedari akan tanggungjawab sebagai penjaga sumber semula jadi, termasuk hutan, sebagai sebahagian daripada pendekatan pembangunan yang lebih menyeluruh, di mana kita terus meneroka pendekatan berasaskan alam semula jadi dalam menyokong komitmen kelestarian jangka panjang.

Terdahulu DYTM bersabda melahirkan rasa syukur berpeluang berhimpun sempena Sesi Ke-38 FAO APRC. DYTM turut mengalu-alukan kehadiran para Menteri, ketua-ketua delegasi serta para peserta ke NBD yang mencerminkan tujuan bersama dan tanggungjawab kolektif untuk menjamin masa depan keselamatan makanan bagi rakyat dan rantau kita.

"Kita berhimpun pada waktu yang amat penting. Sistem makanan di rantau kita sedang berdepan tekanan yang semakin meningkat. Perubahan iklim kini telah menjejaskan cara kita menanam dan penghasilan makanan. Ekosistem semula jadi semakin terjejas dan rantaian bekalan kekal terdedah kepada gangguan," sabda DYTM.

Sabda DYTM, tekanan-tekanan ini paling dirasai oleh para petani, nelayan dan komuniti yang mata pencarian mereka bergantung kepada keputusan yang kita lakukan. Kita sabda DYTM, tidak boleh mengabaikan konflik geopolitik yang berterusan di Timur Tengah, yang terus mengganggu perdagangan global dan

pasaran tenaga. Ketegangan ini, bersama perkembangan global yang lain sabda DYTM, menambah tekanan kepada sistem makanan di seluruh Asia dan Pasifik.

DYTM bersabda lagi, fenomena ini mengingatkan kita tentang keperluan mendesak untuk meningkatkan daya tahan serta memperkukuh kerjasama, bagi melindungi keselamatan makanan rakyat kita. Dalam konteks ini sabda DYTM, keselamatan makanan mesti kekal sebagai teras utama usaha kolektif kita.

"Pada masa ini, keselamatan makanan bukan lagi sekadar aspek bekalan. Ia melibatkan akses. Ia berkaitan dengan pemakanan dan ia berkaitan dengan usaha membina daya tahan bersama, agar sistem kita cukup kukuh bukan sahaja untuk masa kini tetapi juga untuk generasi akan datang," sabda DYTM.

DYTM bersabda, perkara ini memerlukan kita memperkasa para pengeluar, menyokong wanita dan belia serta meningkatkan pelaburan dalam inovasi merangkumi sektor pertanian, perikanan dan perhutanan. Yang lebih penting, ia memerlukan kita untuk bekerjasama.

"Tiada satu pun negara di rantau ini mampu menangani cabaran ini secara bersendirian. Aspirasi bersama kita adalah jelas; untuk membina sistem makanan yang berdaya tahan, inklusif dan mampan demi generasi akan datang," sabda DYTM.

DYTM bersabda, cabaran yang dihadapi adalah besar, namun ia boleh diatasi serta kemajuan memerlukan pembangunan ekonomi dan pengurusan sumber yang bertanggungjawab bergerak seiring, bukan saling bersaing. Sabda DYTM lagi, kesediaan untuk bertindak dan komitmen untuk bertindak bersama akan menentukan masa depan rakyat kita.

Melalui kerjasama yang lebih erat, perkongsian pengetahuan dan pembangunan kapasiti, DYTM yakin rantau



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan mengurniakan sabda pada Majlis Perasmian Sesi Ke-38 Persidangan Serantau Pertubuhan Makanan dan Pertanian Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (FAO) bagi Asia dan Pasifik (APRC).

kita mampu membina masa depan makanan yang lebih berdaya tahan, inklusif dan mampan, untuk rantau ini dan juga dunia.

DYTM berharap agar persidangan ini menghasilkan keputusan yang bermakna, praktikal dan berkekalan. Para petani, komuniti dan generasi yang akan datang berhak mendapat yang terbaik.

Sebelum mengakhiri sabda, DYTM bersabda menzahirkan ucapan selamat bermesyuarat kepada semua perwakilan dan melahirkan harapan agar semua dapat memperkukuh hubungan kerjasama dan membawa kita lebih hampir ke arah masa depan yang lebih terjamin dan mampan bagi Asia dan Pasifik.

Platform menilai kemajuan, kongsi pengalaman praktikal



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan berangkat ke Majlis Perasmian Sesi Ke-38 Persidangan Serantau Pertubuhan Makanan dan Pertanian Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (FAO) bagi Asia dan Pasifik (APRC) (atas dan kanan).

JERUDONG, Khamis, 23 April. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan berangkat ke Majlis Perasmian Sesi Ke-38 Persidangan Serantau Pertubuhan Makanan dan Pertanian Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (FAO) bagi Asia dan Pasifik (APRC), hari ini.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah di The Empire Brunei dijunjung oleh Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin dan Ketua Pengarah FAO, Tuan Yang Terutama Dr. Qu Dongyu.

Majlis dimulakan dengan nyanyian Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam dan seterusnya bacaan Doa Selamat dibacakan oleh Ketua Hakim



Syarie, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Salim bin Haji Besar.

Sementara itu, Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dalam sembah alu-aluannya menyebarkan bahawa persidangan ini berlangsung pada saat yang semakin mencabar bagi rantau kita.

Sembah Yang Berhormat, kita berdepan dengan kesan gabungan perubahan iklim, tekanan terhadap sumber, serta rantaian bekalan global yang

terus berkembang dan cabaran-cabaran ini memerlukan bukan sahaja pertimbangan yang teliti tetapi juga iltizam kolektif.

"Tanggungjawab bersama kita adalah jelas, iaitu untuk memperkukuh keselamatan makanan dan memastikan masa depan yang lebih berdaya tahan bagi rantau kita. Ini memerlukan kita bukan sekadar bertukar pandangan, tetapi juga memajukan penyelesaian praktikal yang terselaraskan serta mampan dilaksanakan," sembah Yang Berhormat.

Selaku Menteri-menteri, sembah Yang Berhormat lagi, kita

diamanahkan untuk memastikan bahawa perbincangan menghasilkan keputusan yang jelas dan bermakna, yang responsif terhadap keutamaan nasional sambil mengukuhkan kerjasama serantau.

Dalam melaksanakan hal ini, sembah Yang Berhormat, keputusan kita mestilah pragmatik dari segi pendekatan, inklusif dari segi perspektif dan berpandangan jauh dari segi hala tuju. Ini penting bagi mencerminkan kepelbagaian rantau kita sambil memajukan matlamat bersama.

>> Muka 6

>> Muka 5

Yang Berhormat juga menyebarkan, persidangan ini menyediakan platform penting untuk kita menilai kemajuan, berkongsi pengalaman praktikal serta memperkukuh kerjasama dalam bidang pertanian, perikanan dan perhutanan.

"Usaha kolektif kita akan menyumbang secara bermakna ke arah pencapaian Matlamat Pembangunan Mampan, khususnya dalam memperkukuh keselamatan makanan, meningkatkan daya tahan dan memperbaiki taraf hidup di seluruh rantau Asia dan Pasifik.

"Di Negara Brunei Darussalam (NBD), negara kekal komited untuk memajukan sistem agromakanan yang mampan, berdaya tahan dan berpandangan ke hadapan serta berharap untuk memperkukuh kerjasama dengan semua pihak dalam usaha bersama ini," sembah Yang Berhormat.

Teras kepada perbincangan ini, sembah Yang Berhormat lagi, ialah satu objektif bersama: membina sistem agromakanan yang berdaya tahan, inklusif dan mampan untuk generasi masa kini dan akan datang.



Walaupun agenda yang perlu dilaksanakan adalah luas, Yang Berhormat yakin bahawa dengan berpandukan tujuan bersama dan semangat kerjasama, perbincangan kita akan menghasilkan keputusan yang bermakna dan berpandangan ke hadapan.

Yang Berhormat berharap, persidangan ini bukan sahaja memperkukuh kerjasama kita, malah menegaskan semula iltizam kolektif kita untuk mencapai kemajuan yang nyata dan berkekalan demi rakyat dan rantau kita.

Pada majlis itu, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota juga berkenan mengurniakan sabda perasmian bagi membuka secara rasmi APRC Ke-38.

Majlis turut diisikan dengan ucapan yang disampaikan oleh Ketua Pengarah FAO yang antara lain menekankan kepentingan kerjasama antarabangsa dalam memperkukuh sektor agrimakanan dan memastikan keterjaminan makanan global.

Duli Yang Teramat Mulia kemudian dijunjung bagi Santap Ringan sebelum dijunjung bagi Sesi Sembah Kenal bersama Ketua-ketua Delegasi Negara-negara Anggota FAO. Sebelum berangkat meninggalkan majlis, DYTM berkenan menyertai sesi bergambar ramai.

NBD, melalui Kementerian

YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan ketika menyampaikan sembah alu-aluan.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan menyertai sesi bergambar ramai (atas). Sementara gambar bawah, antara yang hadir pada majlis tersebut.

Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, buat julung kalinya menjadi tuan rumah bagi Sesi Ke-38 FAO APRC. Persidangan ini menyediakan platform rasmi bagi Menteri-menteri dan pegawai kanan untuk membincangkan isu keselamatan makanan serta merangka hala tuju strategik bagi meningkatkan kerjasama serantau dan kesepaduan dalam sektor pertanian di peringkat global.

Persidangan ini secara lazimnya diadakan setiap dua tahun dan dihadiri oleh 46 buah Negara Anggota FAO. Pemilihan NBD sebagai tuan rumah bagi persidangan kali ke-38 ini, merupakan suatu penghormatan, memandangkan ini adalah julung kali negara menjadi tuan rumah.

Penganjuran ini membuka peluang kepada NBD untuk mempamerkan keunikan tradisi, makanan dan sektor pertanian di peringkat antarabangsa, di samping memperkukuh jaringan

kerjasama dengan Negara-negara Anggota FAO. APRC tahun 2026 turut bertepatan dengan Sambutan Ulang Tahun Ke-80 Penubuhan FAO.



Pelajar JIS capai keputusan cemerlang 58th Annual Chemistry Olympiad 2026



TURUT memenangi Pusingan 1, 58th Annual Chemistry Olympiad 2026, pertandingan berprestij yang dianjurkan oleh Royal Society of Chemistry (RSC) ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkihah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkihah Mu'izzaddin Waddaulah.

JERUDONG, Rabu, 22 April. - Jerudong International School (JIS) dengan bangganya meraikan pencapaian cemerlang para pelajarnya dalam Pusingan 1, 58th Annual Chemistry

Olympiad 2026, pertandingan berprestij yang dianjurkan oleh Royal Society of Chemistry (RSC).

Seramai 19 pelajar telah mengambil bahagian, dan setiap seorang berjaya

■ Siaran Akhbar dan Foto : Jerudong International School

meraih anugerah. Ini termasuk lima Anugerah Emas, 11 perak dan tiga gangsa, menyaksikan pencapaian kolektif yang luar biasa yang mencerminkan kecemerlangan individu serta kekuatan penyediaan akademik sekolah.

Keputusan ini meletakkan pelajar JIS dalam kalangan peserta terbaik di peringkat global. Anugerah Emas hanya dicapai oleh 8.5 peratus daripada lebih 17,000 peserta di seluruh dunia, dengan salah seorang pelajar JIS, Sherlin Loveline Gnanarathinam, berada dalam kelompok 2 peratus teratas. Selain itu, penerima Anugerah Perak berada dalam 25.4 peratus teratas calon di peringkat antarabangsa.

Anugerah Emas telah dimenangi oleh Joel Jai, Joshua Hung, Lemuel Dhanushan Chinniah, Sherlin Loveline Gnanarathinam dan Shin Khant Lin.

Manakala Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkihah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkihah Mu'izzaddin Waddaulah juga berkenan memenangi Anugerah Perak diikuti Ampuan Muhammad Shahibul Dzakwan Ampuan Haji Sukarni, Ethan Sumbang, Syed Abdul Rahman Syed Azmal, Nerissa Tan,

Rosaline Rahman, Sai Anyana, Sing Ying Shim, Awangku Umar Pengiran Md. Fakhru Amiruddin, Abdul Mateen El-Wali bin Fakhruddin dan Wan Sin Chong.

Anugerah Gangsa telah dianugerahkan kepada Mohammad Danial Aqil Mohammad Aliza, Muhammad Danish Luqman Saidin Hidayat dan Steve Thomas.

Beberapa pelajar yang menerima anugerah merupakan pelajar tajaan biasiswa di JIS, termasuk Joshua Hung, Nerissa Tan dan Wan Sin Chong (Kementerian Pendidikan) serta Ampuan Muhammad Shahibul Dzakwan Ampuan Haji Sukarni (Kementerian Hal Ehwal Ugama).

"Kami amat berbangga dengan para pelajar atas prestasi cemerlang mereka dalam Chemistry Olympiad ini. Melihat setiap peserta memperoleh anugerah, serta adanya pelajar yang berada dalam kalangan terbaik dunia, adalah satu pencapaian yang luar biasa," ujar Pengetua Eksekutif JIS, Nicholas Sheehan.

"Keputusan ini bukan sahaja mencerminkan kecemerlangan akademik mereka, malah juga sifat ingin tahu, komitmen dan kesungguhan mereka untuk mencabar diri pada tahap tertinggi," tambahnya.

Oleh: Aimi Sani
Foto: Mohammad Hatral
Hazmi Awang Abdul Hamid

MELANCARKAN, MEMANTAPKAN PERJALANAN MUSABAQAH



HADIR menyaksikan latihan penuh musabaqah tersebut ialah Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II. Juga hadir, Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi dan Yang Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama.

BERAKAS, Khamis, 23 April. - Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi akan diadakan selama tiga hari berturut-turut bermula Isnin malam Selasa, Selasa malam Rabu dan Rabu malam Khamis iaitu pada 10, 11 dan 12 Zulkaedah 1447 Hijrah bersamaan 27, 28 dan 29 April 2026 Masihi bertempat di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas bermula pukul 7.15 malam. Musabaqah pada tahun ini membawa tema 'Mengukuhkan Pembelajaran Al-Quran dan Menghayati Ajarannya'.

Sehubungan itu, bagi melancarkan dan memantapkan perjalanan Majlis Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1447H / 2026M pagi tadi diadakan latihan penuh bertempat di Dewan Plenary, ICC, Berakas.

Hadir sama bagi menyaksikan latihan tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan Tahun 1447H / 2026M dan Menteri di

Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof selaku Penasihat Bersama Jawatankuasa Tertinggi Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan Tahun 1447H /

2026M. Juga hadir, Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Turut hadir, Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap Kementerian-kementerian berkenaan serta ahli-ahli jawatankuasa kerja yang lain. Seramai 12 peserta terdiri daripada enam peserta qari dan enam peserta qariah akan bertanding di Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian

Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1447H / 2026M. Musabaqah tahun ini dikendalikan bersama oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Pendidikan, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi dan Datastream Digital Sdn. Bhd. (DST).

JPM hargai 146 pegawai, kakitangan bersara



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II ketika menyampaikan sijil dan plak penghargaan kepada salah seorang pesara (kanan). Manakala gambar atas, Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II dan juga Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II bergambar ramai bersama para pesara yang diraikan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 23 April. - Jabatan Perdana Menteri (JPM) telah meraikan seramai 146 pegawai dan kakitangan JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya yang telah bersara terdiri daripada 73 lelaki dan 73 perempuan berlangsung di Dewan Bankuet JPM, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penyampaian Sijil Persaraan JPM dan Jabatan-jabatan di Bawahnya bagi Tahun 2024 ialah Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof dan Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah yang menyampaikan sijil dan plak penghargaan kepada para pesara yang diraikan.

Terdahulu, Pemangku

Setiausaha Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di JPM, Pengiran Haji Raffizanna bin Pengiran Haji Razali yang juga selaku Pengerusi Majlis dalam ucapan penghargaannya berkata hari ini, kita menyaksikan satu penghijrahan yang bukan sekadar perpisahan biasa tetapi sebuah peralihan yang penuh makna dan kemuliaan.

Menurut Pengiran Haji Raffizanna, persaraan bukanlah penyudah, melainkan ia adalah penghijrahan seorang penjawat awam yang telah berjaya memikul tugas yang dinilainya bukan semata-mata, malah amanah yang perlu digalas dengan penuh tanggungjawab, keikhlasan dan dedikasi yang tidak pernah rapuh.

"Seperti mana hijrah membawa erti perpindahan menuju sesuatu yang lebih baik dan lebih bermakna, begitulah persaraan ini

insyaaAllah membawa tuan-tuan dan puan-puan kepada babak kehidupan yang baru, yang telah diperoleh dengan titik peluh, pengorbanan dan khidmat bakti yang tulus ikhlas.

"Ini terserlah jelas sepanjang perkhidmatan yang telah dilalui, setiap tugas yang ditandai tidak sekadar memenuhi deskripsi kerja semata-mata. Malah lebih dari itu, ia adalah penunaian amanah kepada negara, amanah kepada rakyat dan amanah kepada Allah Subhanahu Wata'ala," jelasnya.

Pengiran Haji Raffizanna seterusnya menambah, itu juga selaras dengan tuntutan Islam bahawa tiada sesuatu yang lebih mulia daripada seorang hamba yang menunaikan amanahnya dengan jujur dan bersungguh-sungguh.

Katanya lagi, segala jasa dan bakti yang telah dicurahkan selama ini adalah catatan yang tidak akan



Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Mohammad Hatral
Hazmi Awang Abdul Hamid,
Mohammad Hasif Matzin

terhapus. Ia akan kekal terukir dalam sejarah perkhidmatan negara, dalam hati rakan-rakan sekerja dan yang paling utama, dalam kehidupan rakyat.

"Kami ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga di atas segala sumbangan, pengorbanan dan khidmat bakti yang telah tuan-tuan dan puan-puan hulurkan selama ini.

"Setiap keputusan yang dibuat dengan bijaksana, setiap cabaran yang dihadapi dengan tenang, dan setiap tugas yang ditunaikan dengan penuh amanah - semuanya tidak berlalu begitu sahaja tanpa meninggalkan kesan yang mendalam," katanya.

Terdahulu, majlis dimulakan

dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid Masjid Ash-Shaliheen, Awang Haji Muhd. Izzat Izzuddin bin Begawan Khatib Dato Paduka Haji Emran. Kemudian diteruskan dengan tayangan video aktiviti-aktiviti selepas bersara oleh pesara-pesara JPM yang terdahulu.

Majlis ini diadakan sebagai tanda penghormatan dan penghargaan kepada pegawai-pegawai dan kakitangan yang telah menabur bakti dengan memberikan masa, tenaga dan perkhidmatan selama menjalankan tugas dalam Perkhidmatan Awam, khususnya di JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya.



YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan semasa mempengerusikan Mesyuarat peringkat menteri bagi Persidangan Serantau Pertubuhan Makanan dan Pertanian Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (FAO) bagi Asia dan Pasifik (APRC) Sesi Ke-38 (atas dan kanan).

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad, Aimi Sani
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

JERUDONG, Jumaat, 24 April. - Negara Brunei Darussalam (NBD) melalui Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP), telah diberi penghormatan menjadi tuan rumah bagi Persidangan Serantau Pertubuhan Makanan dan Pertanian Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (FAO) bagi Asia dan Pasifik (APRC) Sesi Ke-38.

Persidangan tahunan berkenaan merupakan platform rasmi bagi menteri-menteri pertanian, Ketua Pengarah FAO, dan pegawai kanan daripada 46 buah negara anggota untuk membincangkan isu keselamatan makanan dan memperkukuh kerjasama serantau.

Penganjuran julung kali oleh NBD bertepatan dengan Sambutan Ulang Tahun Ke-80 penubuhan FAO.

Selain itu, ia turut menyediakan peluang strategik untuk mempamerkan keunikan tradisi, produk tempatan serta pembangunan sektor pertanian negara, di samping memperkukuh jaringan kerjasama di peringkat serantau dan global.

Mesyuarat peringkat menteri dipengerusikan oleh Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin.

Sepanjang persidangan berkenaan, Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan menekankan bahawa kehadiran para menteri mencerminkan komitmen bersama ke arah memperkukuh keselamatan makanan (*food security*) dan memajukan sistem agromakanan yang mampan (*sustainable agrifood systems*).

MEMBINCANGKAN ISU KESELAMATAN MAKANAN, MEMPERKUKUH KERJASAMA SERANTAU



Yang Berhormat turut menggariskan cabaran global yang semakin kompleks termasuk ketidakpastian iklim (*climate variability*) dan gangguan rantaian bekalan yang memerlukan penyelesaian praktikal, inovatif dan bersepadu selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan (Sustainable Development Goals). Usaha berkenaan penting dalam membina sistem agromakanan yang berdaya tahan, inklusif, dan mampan (*resilient, inclusive, and sustainable*) demi kesejahteraan generasi masa depan.

Antara topik utama yang dibincangkan termasuk perkara dasar dan kawal selia, pembiayaan dan pelaburan, pandangan strategik, serta inisiatif 'Dari Ladang ke Pasaran' melalui penyelarasan piawai kesihatan tumbuhan dan keselamatan makanan.

Sesi peringkat menteri dalam persidangan APRC Ke-38

berkenaan dilaksanakan melalui format Ministerial Roundtables yang menggalakkan dialog interaktif dan perkongsian pengalaman secara langsung antara ketua-ketua delegasi.

Antara tajuk utama yang diketengahkan ialah Memacu Pendekatan Bioekonomi Mampan di Asia dan Pasifik.

Sesi berkenaan memberi peluang kepada para menteri untuk membincangkan strategi dalam mempercepatkan transformasi sistem agromakanan melalui inovasi dan kerjasama teknikal serta dasar yang inklusif.

Persidangan berkenaan dijangka memupuk persefahaman yang lebih mendalam serta mengukuhkan semangat kesepadan serantau dalam kalangan negara anggota Asia-Pasifik. Keputusan yang dimuktamadkan di Bandar Seri Begawan bakal menjadi pemangkin kepada transformasi

sistem agromakanan yang lebih berdaya tahan dan mampan.

Kerajaan NBD menzahirkan penghargaan atas kerjasama padu semua pihak dan berharap agar segala hasil perbincangan berkenaan dapat diterjemahkan kepada impak yang nyata demi kesejahteraan rakyat serta keterjaminan makanan (*food security*) di seluruh rantau berkenaan. Persidangan peringkat menteri berlangsung selama dua hari bermula pada 23 hingga 24 April 2026.

Sebagai sebahagian daripada program persidangan, Majlis Malam Penghargaan turut diadakan di Tarindak D'seni sebagai tanda penghormatan kepada para menteri dan perwakilan antarabangsa.

Selain itu, program lawatan turut diadakan bagi memberi peluang kepada delegasi-delegasi untuk mengenali dengan lebih dekat keunikan dan pembangunan NBD.

Musabaqah Membaca Al-Quran Peringkat Akhir bermula 27 April ini

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 23 April. - Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi akan diadakan selama tiga hari berturut-turut iaitu pada hari Isnin malam Selasa, Selasa malam Rabu, dan Rabu malam Khamis, 10, 11 dan

12 Zulkaedah 1447 Hijrah bersamaan 27, 28 dan 29 April 2026 Masihi bertempat di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, bermula pukul 7.15 malam.

Peserta Qari yang akan bertanding di Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1447H/2026M

ialah Awang Ahmad Zulwaqar bin Haji Suhaili; Pengiran Muhd. Amirul Aiman bin Pengiran Haji Marjuki; Awangku Adi Nazri bin Pengiran Haji Jofri; Awang Haji Hazwan bin Haji Salim; Awang Mohammad Ayob bin Ali dan Awang Ahmad Naufal bin Haji Nor Asman.

Manakala, Peserta Qariah ialah Dayangku Siti Ummi Syazana binti Pengiran Haji Marjuki; Dayang Amal Nazirah binti Haji Asmat; Dayang Nur Amal Atiqah @ Aida binti Haji Sudirman; Dayangku Alma Hazirah binti Pengiran Haji Jofri; Dayang Nureen binti Mohd. Salleh dan

Dayang Nurhaneyah binti Nordin.

Tema Musabaqah pada tahun ini 'Mengukuhkan Pembelajaran Al-Quran dan Menghayati Ajarannya'. Musabaqah tahun ini dikendalikan bersama oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Pendidikan, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, dan Datastream Digital Sdn. Bhd. (DST).

Orang ramai adalah dialu-alukan untuk hadir memeriahkan majlis ini bagi ketiga-tiga malam berturut-turut dengan mengenakan kod pakaian iaitu Cara Melayu bagi lelaki,

manakala Baju Kurung dan bertudung bagi perempuan. Sehubungan dengan itu, orang ramai adalah disaran untuk membuat pendaftaran kehadiran melalui kod QR yang disediakan.

Semoga kita tergolong dalam kalangan yang sentiasa mendampingi Al-Quran dan memperoleh syafaatnya di akhirat kelak.

Orang ramai boleh menyaksikan siaran langsung majlis ini melalui RTB Perdana, RTB Sukmaindera, RTBGo dan juga rangkaian radio ialah Nasional FM, Nur Islam dan Pilihan FM.



MUSABAQAH MEMBACA AL-QUR'AN
BAHAGIAN DEWASA PERINGKAT AKHIR KEBANGSAAN
TAHUN 1447 HIJRAH / 2026 MASIHI

تېما : مغوكوهكن قميلاجرن القران دان معحياتي اجرين
Tema : Mengukuhkan Pembelajaran Al-Qur'an dan Menghayati Ajarannya

ISNIN (MALAM SELASA), SELASA (MALAM RABU),
RABU (MALAM KHAMIS)

10 HINGGA 12 ZULKAEDAH 1447H /
27 HINGGA 29 APRIL 2026M

7.15 MALAM

DEWAN PLENARY,
PUSAT PERSIDANGAN ANTARABANGSA, BERAKAS

Pengendali Bersama: MTIC, DST, RTB, RTBGo, Nasional, RTB, RTBGo, Pelita Brunei

Ikuti Siaran Langsung di: RTB, RTBGo, Nasional, RTB, RTBGo, Pelita Brunei

2382525 / 2382301 / 2382302 | WWW.MORA.GOV.BN | KHEU.BRUNEI



MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

- 'Peranan Masyarakat Dalam Melindungi Kemudahan Awam'. Tarikh Tutup : 29 April 2026
- 'Nilai Masa Dalam Membentuk Kejayaan Individu'. Tarikh Tutup : 6 Mei 2026
- 'Peranan Pengguna Jalan Raya dalam Mengurangkan Kemalangan'. Tarikh Tutup : 13 Mei 2026

TERMA DAN SYARAT :

- Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
- Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
- Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :
pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi BND75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

40 POHON DITANAM SEMPENA HARI BUMI 2026



MUARA, Rabu, 22 April. - Bagi memeriahkan lagi Sambutan Hari Bumi 2026, Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRe), Kementerian Pembangunan dengan sokongan Kumpulan Isteri Menteri-menteri Kabinet, Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap dan Ahli Bersekutu mengadakan Acara Penanaman Pokok dan Pembersihan Pantai Coastal Marvel yang berlangsung di Taman Rekreasi Pantai Muara, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada acara tersebut ialah Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid.

Sempena Hari Bumi tersebut sebanyak 40 pohon pokok telah ditanam iaitu 26 pohon Pokok Ketapang dan 14 pohon Pokok Khaya. Sementara itu, sejumlah 230.4 kilogram (kg) sisa sampah

telah berjaya dikutip oleh lebih daripada 100 peserta, di mana sebanyak 130.3kg daripadanya adalah sisa plastik.

Terdahulu, acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat, diikuti dengan taklimat keselamatan. Acara kemudiannya diteruskan dengan sesi pemanasan badan dan *brisk walk* sebelum memulakan aktiviti penanaman pokok dan Kempen Kebersihan Coastal Marvel di sepanjang persisiran pantai berkenaan.

Setiap 22 April setiap tahun, masyarakat global termasuk Negara Brunei Darussalam akan menyambut Hari Bumi yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan menggalakkan penglibatan semua lapisan masyarakat dalam memelihara alam sekitar.

Dengan tema, 'Our Power, Our Planet', Sambutan Hari Bumi pada tahun ini memfokuskan kepada peranan kolektif orang ramai,



YANG Berhormat Menteri Pembangunan hadir selaku tetamu kehormat acara dan seterusnya menyertai aktiviti *brisk walk* (atas) sebelum memulakan aktiviti penanaman pokok (atas kiri). Manakala gambar bawah, suasana ketika berlangsungnya kempen pembersihan berkenaan.

komuniti-komuniti dan organisasi-organisasi dalam sama-sama mengekalkan usaha-usaha menjaga dan melindungi alam sekitar. Maklumat lanjut mengenai kempen ini turut dikongsikan di laman Instagram rasmi JASTRe di @jastre.bn.

Turut hadir semasa kempen tersebut ialah wakil-wakil daripada Kumpulan Isteri Menteri-menteri Kabinet, Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap dan Ahli Bersekutu, Setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Pembangunan, ketua-ketua jabatan, divisyen, unit serta pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



Meneroka peluang kerjasama, bertukar pandangan masa depan sektor maritim

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi



REPUBLIK SINGAPURA, Rabu, 22 April. - Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha, mengetuai delegasi dan penyertaan Negara Brunei Darussalam (NBD) dalam Singapore Maritime Week (SMW) dan EXPO 2026 yang berlangsung dari 20 hingga 24 April 2026.

Reruai maritim NBD di EXPO berkenaan diketuai oleh Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam (MPABD), dengan penyertaan Muara Port Company Sdn. Bhd. (MPC) dan Muara Maritime Services (MMS) dalam mempamerkan inisiatif terkini negara dalam bidang maritim, pelabuhan dan digital, sambil

melibatkan dengan pihak berkepentingan industri bagi meneroka peluang kerjasama serta bertukar pandangan mengenai masa depan sektor maritim.

Penyertaan secara kolaboratif oleh pemain industri maritim negara turut mengesahkan komitmen bersama negara dalam memperkukuh kerjasama maritim antarabangsa serta memajukan sektor maritim yang berdaya tahan dan bersedia untuk masa hadapan. Ini merupakan penyertaan pertama MPABD dalam EXPO SMW.

Dianjurkan oleh Maritime and Port Authority of Singapore, SMW 2026 pada tahun ini menandakan edisi ke-20 dan telah dirasmikan oleh Acting Minister of Transport and Senior Minister of State for



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi hadir mengetuai delegasi dan penyertaan Negara Brunei Darussalam dalam Singapore Maritime Week dan EXPO 2026 (atas dan kiri).

Finance of Singapore, Jeffrey Siow. Dengan tema 'Actions Meet Ambition', acara berkenaan menghimpunkan lebih daripada 20,000 peserta daripada hampir 80 buah negara dan wilayah, termasuk para menteri, pegawai kanan kerajaan, pemimpin industri dan profesional maritim, untuk bertukar pandangan mengenai cabaran bersama serta meneroka laluan praktikal untuk masa depan perkapalan antarabangsa.

Pada Majlis Perasmian SMW 2026, Singapore Maritime Lecture telah disampaikan oleh Deputy Prime Minister and Minister for Trade and Industry of 1 Singapore, Gan Kim Yong. Syarahan berkenaan menekankan kepentingan kerjasama, inovasi dan kemampuan dalam membentuk

fasa seterusnya pembangunan maritim global.

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi turut menyertai Meja Bulat Menteri secara tertutup yang diadakan bersempena SMW 2026, bertemakan 'Future Ready Maritime - Opportunities and Challenges Ahead', yang dipengerusikan oleh Jeffrey Siow.

Mesyuarat Meja Bulat berkenaan menghimpunkan para menteri dan ketua organisasi maritim dari 10 buah negara untuk membincangkan bidang utama termasuk keselamatan, pendigitalan dan kerjasama kawal selia.

Dalam Mesyuarat Meja Bulat berkenaan, Yang Berhormat, antara lain, menegaskan semula sokongan NBD terhadap sistem maritim

antarabangsa berasaskan peraturan yang dilaksanakan secara seragam bagi memastikan laluan selamat kapal-kapal serta perlindungan kepada para pelaut.

Yang Berhormat juga menekankan kepentingan mengekalkan hubungan maritim yang mampan dan berdaya tahan bagi melindungi rantaian bekalan global serta keselamatan tenaga.

Turut hadir sebagai sebahagian daripada delegasi NBD, Timbalan Setiausaha Tetap (Pengangkutan) di MTIC, Awang Haji Mohammad Salihin bin Haji Aspar; Ketua Eksekutif MPABD, Kapten (B) Zil Husam bin Haji Abdul Rahman; bersama pegawai kanan dari Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) dan MPABD.

LAWATAN TINJAU PEMBANGUNAN PENDIDIKAN, PERKUKUH KERJASAMA DUA HALA



YANG Berhormat Menteri Pendidikan selaku Presiden Majlis Menteri-menteri Pendidikan Asia Tenggara semasa lawatan kerja ke Malaysia (atas). Sementara gambar kanan, Yang Berhormat Menteri Pendidikan semasa kunjungan hormat kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan Malaysia.



dan pintar.

Pusat ini juga menyumbang kepada pembangunan Pendidikan Khas di rantau Asia Tenggara melalui latihan komprehensif, penyelidikan, dan program kesedaran komuniti.

Lawatan seterusnya diikuti dengan kunjungan ke Rangkaian SEAMEO bagi Perubatan Tropika dan Kesihatan Awam (SEAMEO Tropical Medical and Public Health, TROPED Network, Malaysia) di Shah Alam, Selangor yang turut disertai oleh wakil-wakil dari Pusat Serantau SEAMEO bagi Pendidikan Sains dan Matematik (SEAMEO Regional Centre for Education in Science and Mathematics, RECSAM).

Adapun, fungsi utama SEAMEO TROPED Malaysia adalah dalam penyediaan pendidikan, latihan dan penyelidikan dalam bidang perubatan tropika dan kesihatan awam di rantau

ini.

Manakala SEAMEO RECSAM pula giat dalam mempromosikan dan meningkatkan pendidikan sains dan matematik dalam kalangan Negara Anggota SEAMEO termasuk melalui aktiviti penyelidikan dan pembangunan bagi memperkukuh pedagogi dan dasar, serta merangka dan melaksanakan program pembangunan profesional berkualiti tinggi dalam bidang pendidikan sains dan matematik.

Yang Berhormat turut berpeluang untuk mengadakan lawatan ke Sekolah Menengah Kebangsaan Malim, Melaka dan Pusat PERMATA Kurnia, Kuala Lumpur di mana beliau menerima taklimat mengenai keperluan pendidikan khas, membuat tinjauan amalan bilik darjah inklusif serta pendekatan pengajaran khusus, dan memperoleh pemahaman

mengenai program intervensi awal serta perkhidmatan sokongan bagi pelajar dengan keperluan kepelbagaian pembelajaran.

Lawatan kerja tersebut diakhiri dengan kunjungan hormat kepada Menteri Pendidikan Malaysia, Yang Berhormat Puan Fadhlina Sidek, bagi membincangkan kerjasama dua hala antara kedua-dua negara.

Sepanjang lawatan kerja tersebut, Yang Berhormat Menteri Pendidikan Negara Brunei Darussalam turut diiringi oleh Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam, Dr. Shamsiah Zuraini Kanchanawati binti Haji Tajuddin, selaku Pengerusi Mesyuarat Pegawai Kanan SEAMEO bagi tempoh 2024-2026, serta pegawai-pegawai dari Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pendidikan

KUALA LUMPUR, MALAYSIA, Khamis, 23 April. - Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh telah menamatkan lawatan kerja ke Melaka dan Kuala Lumpur, Malaysia pada 20 hingga 23 April 2026.

Selaku Presiden Majlis Menteri-menteri Pendidikan Asia Tenggara (Southeast Asian Ministers of Education Organisation, SEAMEO) bagi tahun 2025-2027, Yang Berhormat Menteri Pendidikan memegang peranan penting dalam mempromosikan kerjasama dalam kalangan Negara Anggota SEAMEO dengan melakukan kunjungan hormat kepada Ahli-ahli Majlis SEAMEO dan

mengadakan lawatan rasmi ke Pusat/Rangkaian Serantau SEAMEO.

Semasa lawatan kerja ke Malaysia, Yang Berhormat berkesempatan untuk mengadakan lawatan ke Pusat Serantau SEAMEO bagi Keperluan Pendidikan Khas (SEAMEO Regional Centre for Special Educational Needs, SEN) di Melaka.

Semasa lawatan tersebut, Yang Berhormat juga berpeluang untuk mendengarkan taklimat mengenai fungsi pusat tersebut termasuk kepakaran dalam pembangunan pendidikan bagi individu yang mengalami masalah penglihatan, masalah pendengaran, kesukaran pembelajaran serta individu berbakat

Pameran ketengahkan hubungan istimewa Brunei, Republik Rakyat China

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor/Morshidi



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa hadir pada majlis berkenaan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 22 April. - Pameran Bertema 'Tides Rising in the East' Picturesque Zhejiang (Brunei) dibuka dengan meriah sempena Sambutan Ulang Tahun Ke-35 Hubungan Diplomatik antara Republik Rakyat China dan Negara Brunei Darussalam bertempat di Dewan An-Naura, Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanalk Bolkiah, di ibu negara petang tadi.

Pameran bertema 'Tides Rising in the East' Picturesque Zhejiang (Brunei), anjuran Jabatan Kebudayaan, Radio, Televisyen dan Pelancongan Wilayah Zhejiang, dengan sokongan Kedutaan Republik Rakyat China di Negara Brunei

Darussalam, serta dianjurkan bersama oleh Brunei-China Belt and Road Association telah dirasmikan dengan penuh meriah.

Berteraskan imejan utama 'pasang surut', pameran ini memaparkan secara sistematis warisan sejarah mendalam Zhejiang sebagai salah satu pusat penting tamadun maritim Republik Rakyat China serta daya hidupnya dalam membina kekuatan sebagai wilayah maritim moden melalui persembahan budaya, pertunjukan rakyat, dan pengalaman interaktif warisan budaya tidak ketara.

Hadir pada majlis tersebut ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan

Sukan, Negara Brunei Darussalam, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad; bakal Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam, Chen Shaochun; Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Kebudayaan, Radio, Televisyen dan Pelancongan Wilayah Zhejiang, Xu Xiao; Presiden Persatuan Brunei-China Satu Jalur Satu Laluan (OBOR), Ang Kian Guan, serta lebih 200 tetamu khas daripada sektor kebudayaan dan pelbagai bidang di negara ini.

Mereka berkumpul bagi menyaksikan detik penting pertukaran dan pembelajaran antara tamadun.

Dalam ucapannya, Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Kebudayaan, Radio, Televisyen dan Pelancongan Wilayah Zhejiang, Ms. Xu Xiao menyatakan bahawa Brunei merupakan hab penting di Laluan Sutra Maritim serta wakil klasik tamadun maritim di Asia Tenggara.

Zhejiang pula katanya merupakan tempat lahirnya tamadun maritim Republik Rakyat China dan penghubung utama Laluan Sutra Maritim purba.

Beliau berharap pameran ini dapat menjadi platform untuk menggalakkan pertukaran dan pembelajaran antara tamadun serta bersama-sama menulis lembaran baharu Laluan Sutra Maritim.

Chen Shaochun pula menegaskan bahawa Republik Rakyat China dan Brunei ialah jiran mesra yang dipisahkan oleh lautan, dan Laluan Sutra Maritim purba telah mengeratkan hubungan kedua-dua negara.

Penganjuran pameran khas ini oleh Zhejiang di Brunei mencerminkan

kepentingan yang diberikan oleh wilayah dan jabatan di Republik Rakyat China terhadap perkembangan hubungan Republik Rakyat China-Brunei, serta menunjukkan momentum kukuh pertukaran rakyat antara kedua-dua pihak yang semakin berkembang.

Pada majlis itu juga menyaksikan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan bersama bakal Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke NBD, serta Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Kebudayaan, Radio, Televisyen dan Pelancongan Wilayah Zhejiang dan Presiden Persatuan Brunei-China OBOR, menyertai upacara memotong reben sebagai tanda perasmian.

Sejurus itu, para tetamu kehormat kemudian dipelawa mengikuti lawatan berpandu ke ruang pameran yang dikhaskan.

Pameran tersebut menampilkan empat bahagian utama iaitu 'Sumber Pasang Surut - Gema Warisan Silam', yang menelusuri asal-usul kehidupan nenek moyang Zhejiang di pesisir laut melalui Budaya Kuahuqiao dan Budaya Hemudu; 'Pesona Pasang Surut - Kehidupan di Pesisir', yang menggambarkan semula kemeriahan perdagangan Laluan Sutra Maritim melalui pameran seperti sutera Hangzhou (Hangluo) dan teh Longjing Tasik Barat; 'Suara Pasang Surut - Luahan Jiwa', yang memaparkan seni rakyat pesisir Zhejiang melalui lukisan nelayan dan kraftangan lakuer bertatahkan mutiara; dan 'Kebangkitan Pasang Surut - Menjelajah Lautan Biru', yang memperlihatkan pencapaian cemerlang Zhejiang dalam ekonomi

marin moden melalui imej Pelabuhan Ningbo Zhoushan dan Jambatan Teluk Hangzhou.

Pameran ini bukan sahaja penghormatan kepada sejarah gemilang Laluan Sutra Maritim, malah menjadi manifestasi nyata dalam era baharu, menggunakan tamadun maritim sebagai penghubung untuk meningkatkan kerjasama antara Zhejiang dan Brunei serta bersama-sama membina komuniti maritim dengan masa depan yang dikongsi bersama.

Pameran tersebut juga menampilkan ruang interaktif khas warisan budaya tidak ketara yang memfokuskan kepada budaya maritim Zhejiang.

Para tetamu dengan bimbingan pewaris warisan budaya juga telah mencuba pelbagai aktiviti unik seperti seni cap ikan dan mewarna lukisan nelayan, serta menikmati teh Longjing Tasik Barat yang merupakan salah satu daripada sepuluh teh paling terkenal di Republik Rakyat China.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan turut menyatakan harapan agar lebih ramai rakyat Brunei akan berkunjung ke pameran ini bagi memahami dengan lebih mendalam keunikan dan pencapaian tamadun maritim Zhejiang serta mengeratkan hubungan rakyat antara kedua-dua pihak.

Pameran bertema ini menzahirkan makna mendalam pembelajaran bersama antara tamadun dalam kerangka Inisiatif Jalur dan Laluan, serta meletakkan asas kukuh bagi kerjasama pragmatik yang lebih luas dan mendalam antara kedua-dua pihak pada masa hadapan.

BUDAYA MEMBACA ASAS PEMBENTUKAN GENERASI BERILMU



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan perasmian tersebut di Atrium, Setia Point, Jalan Jaya Setia.

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Alishahrin Haji Mumin

BERAKAS, Khamis, 23 April. - Amalan membaca bukan sahaja membuka ruang luas kepada penerokaan pelbagai bidang ilmu dan pemikiran baharu, malah turut menjadi wahana penting dalam memperkukuh penguasaan bahasa Melayu sebagai identiti bangsa dan bahasa rasmi negara.

Sehubungan itu, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) melalui Bahagian Perpustakaan petang tadi mengadakan Majlis Perasmian Strategi Membaca Kebangsaan bertempat di Atrium, Setia Point, Jalan Jaya Setia, di sini.

Hadir menyempurnakan perasmian tersebut, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad, selaku tetamu kehormat majlis.

Majlis diadakan sempena Sambutan Hari Buku Sedunia dan dimeriahkan dengan pelbagai pengisian program serta aktiviti, antaranya ceramah, wacana, pameran dan kegiatan yang bertujuan menggalakkan budaya membaca.

Pada majlis ini juga, inisiatif strategik serta pelan tindakan

Strategi Membaca Kebangsaan telah dibarigakan.

Majlis dimulakan dengan ucapan alu-aluan daripada Pemangku Pengarah DBP, Awang Suip bin Haji Abdul Wahab, selaku Pengerusi Majlis yang antara lain menentang melalui strategi ini telah menetapkan, tiga pilar utama sebagai panduan kita bersama.

Iaitu, pertama: minat membaca sejak usia awal melalui pendekatan literasi yang seimbang, melibatkan peranan keluarga dan pendedahan kepada pelbagai bahan bacaan; Kedua: memperkasa masyarakat dengan kemahiran membaca yang pelbagai, termasuk pembacaan mendalam, untuk pembelajaran, serta pembacaan meluas, untuk memperkaya pengetahuan dan pemikiran; dan Ketiga: membudayakan amalan membaca sepanjang hayat, sebagai asas pembinaan ilmu dan identiti bangsa.

"Bagi merealisasikan hasrat ini, pelbagai strategi inisiatif telah dirangka, termasuklah pengukuhan tadbir urus, pembangunan minat membaca secara inklusif, pemanfaatan teknologi digital, serta pelaksanaan kajian dan penyelidikan literasi, secara berfasa sehingga tahun 2035," ujarnya.

Tambahnya, kejayaan strategi ini amat bergantung kepada Pendekatan Senegara, di mana kerjasama erat antara agensi kerajaan, institusi pendidikan, sektor swasta dan peranan ibu bapa sebagai suri teladan, adalah faktor utama bagi memastikan, gerakan

membaca ini memberi impak yang nyata.

Majlis juga turut diserikan dengan ucapan oleh Dr. Awang Haji Md. Rozan bin Dato Paduka Haji Md. Yunos bertajuk 'Memupuk Pembaca Tahan Gangguan: Senjata Kita Menghadapi Tsunami Digital'.

Dalam ucapannya, beliau menekankan kepentingan usaha berterusan dalam mempertahankan budaya membaca sedia ada di samping membina budaya baharu, iaitu 'Pembaca Tahan Gangguan' dalam menghadapi cabaran era digital.

Sebelum majlis berakhir, tetamu kehormat majlis turut menyempurnakan penyampaian hadiah bagi beberapa kategori, iaitu Kerajinan Membaca, Pusat Perhentian Perkhidmatan Perpustakaan Terbaik, Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka Terbaik, Rakan Kolaborasi Perpustakaan Terbaik dan Penggerak Harapan Literasi.

Terdahulu, pada sebelah pagi, majlis dimulakan dengan beberapa sesi ceramah yang disampaikan oleh Pensyarah, Institut Pendidikan Sultan Hassanalk Bolkiah, Universiti Brunei Darussalam (UBD), Dr. Noradinah binti Haji Jaidi, bertajuk 'Bersama Membaca, Bersama Mendidik: Satu Sinergisme Bersepadu'.

Dikuti oleh Penolong Profesor, Pendidikan dan Penjagaan Awal Kanak-Kanak, Institut Pendidikan Sultan Hassanalk Bolkiah, UBD, Dr. Nordiana binti Haji Zakir; serta Pegawai Kesejahteraan Jiwa

Perklinikan, Unit Psikologi Klinikal, Pusat Perkembangan Kanak-Kanak, Kementerian Kesihatan, Dayangku Siti Nor Fatin Hafizah binti Pengiran Samsu, yang menyampaikan ceramah bertajuk 'Kesan Skrin Berlebihan serta Strategi Ibu Bapa Mengawal Penggunaannya'.

Sesi-sesi ini menentang kepentingan membina budaya membaca dalam keluarga sebagai asas pembentukan generasi berilmu.

Strategi budaya membaca ini adalah sangat signifikan dan merupakan antara usaha berterusan dan komitmen padu dalam mendukung hasrat kerajaan untuk membina masyarakat yang berilmu, celik maklumat serta berbudaya membaca dalam menghadapi cabaran era globalisasi dan ekonomi berasaskan pengetahuan.

Usaha ini sekali gus berperanan memelihara identiti, memperkaya warisan serta memperteguh jati diri bangsa, agar terus kekal relevan dan dihargai oleh generasi masa kini dan akan datang.

Hari Buku Sedunia adalah satu sambutan global yang bertujuan untuk menghargai buku, penulis dan budaya membaca.

Peringatan ini juga menekankan kepentingan hak cipta dan perlindungan harta intelek dalam dunia penerbitan dan penulisan.

Sambutan Hari Buku Sedunia disambut oleh lebih 100 buah negara, termasuk Negara Brunei Darussalam.



PEMERINTAH Tentera Udara Diraja Brunei hadir selaku tetamu kehormat majlis (atas). Manakala gambar kanan, para rekrut menadah tangan berdoa semasa berlangsungnya majlis berkenaan.

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

TUTONG, Jumaat, 24 April. - Seramai 201 rekrut lelaki pengambilan ke-179 Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) telah berjaya menamatkan Latihan Asas Ketenteraan melalui Upacara Perbarisan Tamat Latihan yang berlangsung di Padang Kawad Institut Latihan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (IL ABDB), Penanjong Garison, pagi tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pemerintah Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB), Brigedier Jeneral (U) Haji Haszahaidi bin Haji Ahmad Daud.

Turut hadir, timbalan-timbalan pemerintah angkatan tentera, pengarah - pengarah, pegawai - pegawai kanan, pegawai - pegawai dan anggota - anggota Kementerian Pertahanan, serta keluarga dan penjaga para rekrut

yang diraikan.

Upacara dimulakan dengan pemeriksaan perbarisan oleh tetamu kehormat majlis, diikuti dengan penyampaian ucapan rasmi.

Brigedier Jeneral (U) Haji Haszahaidi dalam ucapannya, merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada kesemua 201 rekrut lelaki pengambilan ke-179 atas kejayaan menamatkan Latihan Asas Ketenteraan, di samping menzahirkan penghargaan kepada para jurulatih serta ibu bapa dan penjaga atas sokongan, dorongan dan komitmen berterusan di sepanjang tempoh latihan.

Beliau turut menegaskan bahawa kejayaan berkenaan adalah hasil daripada kecekalan, disiplin, ketahanan dan semangat juang yang telah dipupuk di

201 rekrut lelaki pengambilan ke-179 diraikan



sepanjang kira-kira 14 minggu latihan.

Brigedier Jeneral (U) Haji Haszahaidi seterusnya menekankan bahawa tamatnya latihan asas berkenaan hanyalah permulaan kepada perjalanan para rekrut dalam ABDB, dan mereka akan berhadapan dengan tanggungjawab serta cabaran yang lebih besar apabila melangkah ke peringkat seterusnya dalam kerjaya ketenteraan.

Beliau turut menegaskan kepentingan untuk terus menjunjung disiplin, integriti, semangat bekerjasama, kepimpinan serta nilai-nilai Melayu Islam Beraja, di samping mengulangi titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanalk Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengenai keperluan

untuk membudayakan etika kerja yang bersih, beramanah dan berprinsip demi memelihara kedaulatan, keamanan dan kesejahteraan negara.

Sebagai penghargaan terhadap kecemerlangan yang ditunjukkan sepanjang tempoh latihan, beberapa anugerah telah disampaikan dalam kategori masing-masing.

Bagi rekrut lelaki pengambilan ke-179, anugerah Rekrut Terbaik Keseluruhan telah diberikan kepada Rekrut Haziman bin Rozie, manakala Anugerah Terbaik Kemahiran Ketenteraan pula diberikan kepada Rekrut (U) Awangku Muhammad Akmal Rifa'i bin Pengiran Muhammad Aqim.

Sementara Anugerah Terbaik Latihan Senjata Ringan diterima oleh Rekrut Mohammad Faiz Fikri bin Haji Lamit, manakala Anugerah Terbaik Latihan Fizikal pula diberikan kepada Rekrut Abdullah Abbas bin Awang Abdullah.

Selain itu, Anugerah Platun

Sarjan Terbaik telah disampaikan kepada Laskar Kanan Md. Hamirul Hamiduddin bin Md. Hamran, manakala anugerah Ketua Sekyen Terbaik telah diberikan kepada Lans Koperal Muhammad Ainul Syafiq bin Jafferi, sebagai pengiktirafan terhadap kepimpinan, profesionalisme dan komitmen cemerlang sepanjang latihan.

Upacara diakhiri dengan bacaan doa yang dipimpin oleh Kapten Abdul Mu'iz Azizi bin Zulkifli dari Jabatanarah Agama ABDB (JAMA'AT).

Upacara Perbarisan Tamat Latihan berkenaan bukan sahaja menandakan kejayaan para rekrut menamatkan Latihan Asas Ketenteraan, malah melambangkan peralihan mereka menjadi anggota ABDB yang terlatih, berdisiplin dan bersedia untuk memikul amanah dalam mempertahankan keamanan serta kedaulatan Negara Brunei Darussalam.

4 PEGAWAI HAJI DSSB BERLEPAS KE ARAB SAUDI

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



YANG Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat berlepas kepada rombongan Darussalam Services Sendirian Berhad (atas dan atas kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 22 April. - Seramai empat pegawai haji dari Darussalam Services Sendirian Berhad (DSSB) telah berlepas ke Arab Saudi hari ini bagi membuat persediaan awal untuk menyambut ketibaan bakal jemaah haji yang mengikuti pakej kendalian DSSB.

Rombongan berkenaan diketuai oleh Pengarah Urusan DSSB,

Awang Haji Mahmud bin Haji Mohamed.

Awang Haji Mahmud menjelaskan bahawa pihak DSSB akan mengadakan beberapa siri mesyuarat bersama pelbagai pihak berkepentingan bagi memastikan segala perancangan dan urusan logistik berjalan lancar, termasuk penginapan hotel, pengangkutan, penyusunan bilik



serta penyediaan makanan kepada para jemaah.

Turut menyertai rombongan ialah Penolong Pengurus Am, Jabatan Haji dan Umrah, Pengiran Haji Ibrahim bin Pengiran Haji Bakar; serta dua kakitangan dari Jabatan Haji dan Umrah DSSB.

Hadir sama bagi mengucapkan selamat berlepas kepada rombongan, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan, selaku Pengerusi Darussalam Holdings Sdn. Bhd. Bagi musim haji 1447 Hijrah /

2026 Masihi, daripada jumlah kuota seramai 1,000 orang yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Arab Saudi bagi Negara Brunei Darussalam (NBD), seramai 448 bakal jemaah haji akan mengikuti pakej DSSB bersama 12 pegawai pengiring.

Para jemaah ditawarkan tiga pilihan pakej, iaitu Pakej Delima (Premium), Pakej Fairuz (Sederhana) dan Pakej Zamrud (Ekonomi).

Sebanyak empat penerbangan khas telah diaturkan bagi membawa bakal jemaah haji NBD ke Tanah Suci.

Penerbangan pertama dijadualkan berlepas pada 4 Mei 2026, diikuti penerbangan kedua pada 5 Mei 2026, manakala penerbangan ketiga dan keempat, masing-masing pada 6 Mei 2026 dan 7 Mei 2026.

Pada tahun ini, DSSB turut berbesar hati menyampaikan cenderamata kepada setiap bakal jemaah haji berupa bagasi, pelbagai barangan keperluan serta buku panduan haji.

Sebahagian daripada cenderamata berkenaan akan diagihkan selepas sesi taklimat kepada para jemaah.

Kongsi maklumat, pengalaman berkaitan isu kekeluargaan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 22 April. - Keluarga bahagia bukanlah suatu gagasan yang idealistik semata-mata bahkan merupakan tuntutan agama, keperluan masyarakat dan prasyarat penting kepada kekuatan serta kesejahteraan negara.

Usaha memperkukuh institusi keluarga bukan hanya tugas ibu bapa semata-mata dan bukan juga terhad kepada mahkamah, kementerian atau institusi agama sahaja sebaliknya, ia menuntut iltizam bersama dan gerak kerja yang bersepadu daripada keluarga, masyarakat, masjid, institusi pendidikan, agensi kerajaan, institusi perundangan, badan kebajikan serta pemimpin di semua peringkat.

Dalam hubungan ini, adalah perlu untuk meletakkan pengukuhan keluarga sebagai salah satu keutamaan berterusan dalam pembinaan negara yang bukan sebagai agenda sampingan dan bukan sebagai usaha bermusim sahaja tetapi sebagai pelaburan jangka panjang dalam membina umat yang berilmu,

berakhlak, berdaya tahan dan teguh pegangan imannya.

Perkara tersebut disampaikan oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan dalam Pembentangan Kertas Ceramah Perdana Mu'tamar Antarabangsa Fiqh Al-Ussrah 2025 / 2026 (MUAFIQ 25 / 26), yang seterusnya menyempurnakan perasmian mu'tamar berkenaan yang mengambil tempat di Dewan Tarbiah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), pagi tadi.

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah Ra'es KUPU SB, Profesor Madya Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani; Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim; Timbalan Setiausaha Tetap dan Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap KHEU; pegawai dan kakitangan kerajaan serta para pembentang dan peserta mu'tamar.

Persidangan selama dua hari itu merupakan anjuran KUPU SB melalui Fakulti Syariah dan Pusat

Kajian Fiqh Kontemporari dengan sokongan Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Dengan bertemakan 'Keluarga Bahagia Menjamin Warisan Insan Berkualiti Lagi Beriman', MUAFIQ 25 / 26 telah menarik minat kira-kira 300 orang peserta yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan kerajaan, mahasiswa mahasiswi dan pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi mahupun pra-universiti, pertubuhan bukan kerajaan, pihak swasta dan orang awam.

MUAFIQ 25 / 26 antara lain bertujuan untuk mengukuhkan pembinaan keluarga berkat yang 'sakinah, mawaddah warahmah' di samping memberikan penjelasan kepada masyarakat mengenai pendidikan kekeluargaan termasuk cabaran-cabaran dalam menjalani hidup berkeluarga yang semakin mencengkam dewasa ini.

Mu'tamar ini tidak syak lagi boleh menjadi platform untuk penyebaran ilmu dan perkongsian maklumat serta pengalaman yang



YANG Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama bersama Ra'es KUPU SB hadir pada majlis berkenaan.

Oleh : Ak. Mohd. Zaki Pg. Haji Kasharan
Foto : Ihsan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan

berkaitan dengan isu-isu kekeluargaan di Negara Brunei Darussalam.

Untuk menjadi pusat kajian dan penyelidikan ilmiah di peringkat kebangsaan dan antarabangsa bagi keperluan agama, masyarakat dan negara.

سوروهنجاي فرخدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

Semak Kedudukan Permohonan awda bagi mengetahui status jawatan kosong yang telah dipohon

The screenshot shows a recruitment portal with several sections:

- 1. Iklan jawatan kosong:** Lists various job categories like IPMAHTINGKAT IV, PEGAWAI SAINTRIK, PEMBANTU PELIKS, RANGER, PEGAWAI PERKEBANGSAAN UGAMA, PENKALONG PESURUHJAYA BUREH, and PENYELIDIK DAN PENTERBEPAH KHUSUS (BAHASA ARAB).
- 2. Kalendar saya:** A calendar view for the user.
- 3. kedudukan permohonan:** A section for checking application status, with a red box highlighting the 'Status Permohonan' button.
- 4. aduan saya:** A section for reporting issues.

Below the main navigation, there is a 'Status Permohonan Kerja' table:

Bahagian	Status	Ujian
V	DIJADUALKAN UNTUK UJIAN	00
I	PROSES PERAKUAN	00
II	DIJADUALKAN UNTUK UJIAN	00
IV	TIDAK HADIR	00
I	DITOLAK SELEPAS TEMU DUGA	00
II	PETIHOH DITERIMA	00

On the right, a laptop displays a calendar for June 2022 with a magnifying glass over it.

WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

KUKUHKAN PENGHAYATAN FALSAFAH KEBANGSAAN DALAM KALANGAN MAHASISWA

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Hernie Suliana Haji Othman



REKTOR Universiti Islam Sultan Sharif Ali hadir merasmikan jerayawara tersebut. Turut hadir, Rektor Universitas Islam Negeri Ar-Raniry Banda Aceh, Republik Indonesia, bersama delegasi.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 22 April. – Falsafah Melayu Islam Beraja (MIB) merupakan asas kepada identiti nasional Negara Brunei Darussalam yang menggabungkan nilai-nilai Melayu, ajaran Islam serta sistem pemerintahan beraja.

Dalam konteks semasa, pemahaman yang mendalam terhadap MIB amat penting bagi memastikan kesinambungan jati diri bangsa serta keutuhan institusi negara.

Justeru, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) hari ini mengadakan Jerayawara Melayu

Islam Beraja (MIB) bertempat di Dewan Auditorium UNISSA dan dirasmikan oleh Rektor UNISSA, Dato Seri Setia Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal. Turut hadir, Rektor Universitas Islam Negeri Ar-Raniry Banda Aceh, Indonesia, Profesor Dr. H. Mujiburrahman, M.Ag bersama delegasi.

Selain itu majlis juga dihadiri oleh pegawai-pegawai utama universiti serta melibatkan penyertaan kira-kira 350 pelajar UNISSA.

Program ini merupakan sebahagian daripada tugas akademik pelajar dalam Kursus Melayu Islam Beraja (MIB), dengan

matlamat memperkukuhkan kefahaman dan penghayatan terhadap falsafah kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD).

Antara pengisian utama jerayawara ialah forum MIB yang disampaikan oleh dua tokoh akademik iaitu Dr. Awang Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong dan Dr. Awang Haji Asbol bin Haji Mail yang mengupas isu-isu semasa berkaitan peranan dan relevansi MIB dalam era globalisasi dan perkembangan teknologi digital.

Majlis turut diserikan dengan persembahan sajak oleh Abdul Mursyid Al-Murtadha bin Abdul Hadi yang menetengahkan unsur jati diri dan semangat kebangsaan berlandaskan nilai-nilai MIB.

Selain itu, program jerayawara ini turut menampilkan pelbagai aktiviti menarik termasuk forum santai MIB yang dikendalikan oleh para pelajar, pertandingan lakonan bertemakan MIB, pameran ilmiah serta jualan amal pelajar.

Aktiviti jualan amal ini bertujuan menerapkan nilai 'bekariah, bejariah, beluriah' dalam kalangan mahasiswa sebagai sebahagian daripada pembentukan sahsiah dan etika kerja. Selain itu, kemahiran keusahawanan turut diterapkan bagi membentuk sikap berdikari dalam menghadapi cabaran ekonomi semasa.



FORUM MIB disampaikan oleh dua tokoh akademik iaitu Dr. Awang Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong dan Dr. Awang Haji Asbol bin Haji Mail.

Pelbagai bengkel interaktif juga diunkayahkan seperti Bengkel Menumpah Ambuyat dan Bengkel Pembuatan Kuih Ardang diadakan bagi memperkenalkan serta mengekalkan warisan tradisi kepada generasi muda.

Jerayawara yang bertemakan 'MIB @ Campus : Menyingkap Warisan dan Identiti Melayu Islam Beraja' ini dianjurkan bagi meningkatkan kesedaran dan penghayatan mahasiswa terhadap falsafah kebangsaan melalui pendekatan yang lebih interaktif, kreatif dan berinformasi.

Falsafah MIB merupakan asas kepada identiti nasional NBD yang menggabungkan nilai-nilai Melayu, ajaran Islam serta sistem

pemerintahan beraja. Dalam konteks semasa, pemahaman yang mendalam terhadap MIB amat penting bagi memastikan kesinambungan jati diri bangsa serta keutuhan institusi negara.

Sehubungan itu, program ini diharap dapat mencapai beberapa objektif utama, antaranya meningkatkan kefahaman mahasiswa mengenai konsep dan kepentingan MIB, menyemai rasa bangga terhadap sejarah dan warisan negara, menggalakkan penglibatan aktif pelajar dalam aktiviti berunsur nilai-nilai MIB serta memperkukuhkan peranan institusi pendidikan tinggi dalam memartabatkan falsafah kebangsaan.

Pendekatan proaktif dalam rantai bekalan, perubahan iklim

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Muhammad Asri Awang Haji Abas



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan hadir di forum berkenaan (atas). Manakala gambar kanan, antara perbincangan yang diadakan.

JERUDONG, Rabu, 22 April. - Negara Brunei Darussalam (NBD) melalui Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) selaku Tuan Rumah bagi The 38th Session of the FAO Regional Conference for Asia and Pacific (APRC), menganjurkan Persidangan Pegawai-pegawai Kanan (Senior Officials Meeting - SOM) bermula 20 April 2026 hingga hari ini di The Empire Brunei, di sini.

Persidangan SOM tersebut dipengerusikan oleh Setiausaha Tetap KSSUP, Dayang Hajah Tutiaty binti Haji Abdul Wahab. Dalam ucapannya, Dayang Hajah Tutiaty menekankan kepentingan melangkaui pendekatan reaktif dalam mendepani ketidakpastian rantai bekalan global dan cabaran perubahan iklim.

Menurutnya, tekanan turut diberikan kepada keperluan strategi kolektif melalui penggunaan strategik (*strategic foresight*) dan data yang dipercayai untuk menjangka gangguan terhadap sistem makanan.

Selain itu jelasnya, kepentingan penyelarasan piawaian dan pemupukan pelaburan dalam agromakanan hijau adalah kunci dalam mewujudkan pasaran serantau yang bersepadu, sekaligus menjamin keselamatan makanan jangka panjang dan kemakmuran serantau.

Beliau seterusnya menyatakan keyakinan bahawa asas teknikal yang dibina sepanjang persidangan ini akan menyediakan peta jalan yang kukuh bagi sesi peringkat menteri yang akan datang.

Persidangan tersebut turut dihadiri oleh Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, pegawai-pegawai kanan dari jabatan-jabatan di bawah KSSUP serta wakil agensi-agensi berkepentingan yang berkenaan.

Persidangan serantau, merupakan platform rasmi bagi Menteri-menteri Pertanian serta Ketua Pengarah Pertubuhan Makanan dan Pertanian Bangsa-Bangsa Bersatu (FAO) serta pegawai-pegawai kanan dari



Negara-negara Anggota FAO di rantau Asia Pasifik untuk membincangkan isu-isu berkaitan makanan dan pertanian.

ia bertujuan meningkatkan kerjasama serantau serta menyediakan cadangan dan panduan kepada FAO dalam merangka hala tuju organisasi di peringkat serantau dan global.

Persidangan ini lazimnya diadakan setiap dua tahun dan dihadiri oleh 46 buah Negara Anggota FAO Pemilihan NBD sebagai tuan rumah bagi persidangan kali Ke-38 ini, adalah satu penghormatan, memandangkan ini adalah kali pertama negara menjadi tuan rumah bagi acara di peringkat Bangsa-Bangsa Bersatu.

Penganjuran ini membuka peluang kepada NBD untuk mempamerkan keunikan tradisi, makanan serta pertanian di peringkat serantau, di samping memperkukuh peranan serta jaringan kerjasama dengan negara-negara anggota FAO. Persidangan APRC tahun 2026

turut bertepatan dengan Sambutan Ulang Tahun Ke-80 Penubuhan FAO.

Objektif utama persidangan ini adalah untuk membimbing kerja FAO di rantau Asia dan Pasifik memberikan panduan kepada persidangan FAO global, serta meningkatkan kesepaduan serantau melalui perbincangan strategik antara menteri dan pegawai kanan.

Selain itu, persidangan ini menjadi wadah penting bagi pertukaran pengalaman, kerjasama dan penyelarasan tindakan terhadap isu-isu seperti keselamatan makanan, pertanian lestari, pembangunan luar bandar dan tindakan iklim.

Antara perbincangan semasa persidangan termasuk perkara-perkara yang menjurus kepada mentransformasikan sektor tersebut iaitu perkara dasar dan kawal selia serantau serta global (*regional and global policy and regulatory matters*); keadaan makanan dan pertanian (*state of food and agriculture*) dan

pengukuhan daya tahan sistem agromakanan (*strengthening resilience of agrifood systems*).

Seterusnya, pembiayaan dan pelaburan (*financing and investments*); pandangan strategik (*strategic foresight*); sistem agromakanan berdaya tahan terhadap perubahan iklim (*climate resilient agrifood systems*) dan inisiatif 'Dari Ladang ke Pasaran' (*From Farm to Market*) melalui penyelarasan piawaian kesihatan tumbuhan dan keselamatan makanan.

Kemudian, perbincangan juga meliputi mengenai hubungan pertanian dan perhutanan (*agriculture-forestry linkages*) dan transformasi sistem agromakanan di rantau Pasifik (*transforming agrifood systems in the Pacific*) ke arah pemakanan yang lebih baik.

Persidangan ini akan diteruskan dengan Majlis Pembukaan Rasmi dan Persidangan Peringkat Menteri-menteri bagi negara-negara anggota FAO yang dijadualkan berlangsung bermula esok hingga 24 April 2026.



Sila Imbas Untuk
Khutbah Lengkap




جباتن حال احوال مسجد
JABATAN HAL EHWAL MASJID,
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

DOSA MENDEDAHKAN AIB

Khutbah Jumaat Negara Brunei Darussalam pada 06 Zulkaedah 1447H / 24 April 2026M

TERDAPAT KEADAAN TERTENTU YANG MEMBOLEHKAN AIB SESEORANG DIDEBAHKAN, ASALKAN IA DILAKUKAN DENGAN TUJUAN YANG DIBENARKAN OLEH SYARAK



AIB	MENDEDAHKAN AIB
<p>Sesuatu yang tidak boleh didedahkan atau disebarkan sewenang-wenangnya kepada orang lain.</p>	<p>Termasuk dalam perbuatan ghibah Perbuatan ghibah seperti memakan daging bangkai saudaranya sendiri.</p>

Bahagian Penyelidikan dan Perkembangan, Jabatan Hal Ehwal Masjid,
Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam

Dosa mendedahkan aib



BERTAKWALAH kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenar-benar takwa iaitu dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Hujurat, ayat 10 :
Tafsirnya : "Sesungguhnya orang-orang yang beriman itu bersaudara maka damaikanlah antara dua saudara kamu (yang bertelingkah) itu dan bertakwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat".

Ukhuwah merupakan sendi dan tunjang kepada kekuatan perpaduan umat Islam. Sebagai umat Islam, kita bertanggungjawab untuk menyempurnakan hak-hak persaudaraan dengan saling menjaga kehormatan saudara seagama kita demi kerukunan hidup beragama, bermasyarakat dan bernegara. Daripada Abu Darda Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "Barang siapa yang membela kehormatan saudaranya sesama Muslim, maka Allah akan membelanya daripada neraka kelak di hari kiamat". (Hadis Riwayat Imam Tirmizi)

Betapa besarnya nilai persaudaraan dalam agama Islam sehingga kita dianjurkan untuk saling menjaga kehormatan dan menutup aib serta keburukan sesama kita. Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "Tidaklah seseorang hamba menutup aib hamba yang lain di dunia, melainkan Allah tutup aib hamba itu di hari kiamat". (Hadis Riwayat

Imam Muslim)

Sesungguhnya aib adalah sesuatu yang tidak boleh didedahkan atau disebarluaskan sewenang-wenangnya kepada orang lain. Namun begitu, kita sering lalai dan melupakan peringatan ini. Tanpa disedari, kita kerap mendedahkan keaiban orang lain, sedangkan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah memberikan amaran tegas terhadap perbuatan tersebut. Tidakkah kita bimbang jika Allah Subhanahu Wata'ala membuka aib kita pula di dunia mahupun di akhirat kelak?

Daripada Ibnu Umar Radiallahuanha bahawa pada satu hari Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam naik mimbar dan bersabda yang bermaksud : "Wahai sekalian manusia yang beriman dengan lidaunya, namun belum masuk iman ke dalam hatinya. Janganlah engkau sekalian mengumpat orang Islam dan jangan membuka aib mereka kerana sesungguhnya orang yang membuka aib saudaranya yang Muslim, maka Allah Subhanahu Wata'ala akan membuka aibnya. Dan sesiapa yang aibnya dibuka oleh Allah Subhanahu Wata'ala maka dia akan membukanya sekalipun di dalam rumahnya". (Hadis Riwayat Imam Tirmizi)

Imam Syafii Rahimahullah berpesan berpesan bahawa : "Sebesar-besarnya keaiban (keburukan) adalah engkau mengira keburukan orang lain sedangkan keburukan tersebut terdapat dalam dirimu sendiri".

Ramai dalam kalangan manusia lalai daripada menilai kekurangan dan dosa sendiri, sebaliknya sibuk mencari-cari kesalahan orang lain. Sedikit sahaja terlihat keaiban seseorang, maka ia segera memperkatakan dan menyebarkan tanpa rasa bersalah. Lebih menyedihkan, dengan kemudahan media sosial pada hari ini, hanya dengan hujung jari, aib seseorang boleh tersebar luas dan menjadi tular dalam sekelip mata. Di manakah letaknya rasa takut kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala? Tidakkah kita kluatir jika Allah Subhanahu Wata'ala membuka aib kita pula satu hari nanti?

Seorang Muslim hendaklah memahami betapa pentingnya menjaga aib. Antara aib yang wajib dipelihara ialah rahsia dalam rumah tangga. Seorang suami atau isteri tidak seharusnya dengan sengaja membuka rahsia mahupun menjaja kisah aib rumah tangga mereka kepada orang lain. Tindakan sebegini bukan sahaja mencemarkan maruah pasangan, malah boleh menggugat keharmonian dalam rumah tangga. Daripada Abu Said Al-Khudri Radiallahuanhu dia berkata bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud : "Sesungguhnya antara manusia yang paling buruk di sisi Allah pada hari kiamat kelak ialah suami isteri yang bersama, lalu dia menyebarkan rahsianya".

(Hadis Riwayat Imam Muslim)

Namun begitu, terdapat keadaan tertentu yang membolehkan aib seseorang didedahkan, asalkan ia dilakukan dengan tujuan yang dibenarkan oleh syarak. Antaranya termasuklah mengadu kepada pihak berkuasa tentang kezaliman yang dilakukan oleh seseorang, mendedahkan perbuatan maksiat yang dilakukan secara terang-terangan, meminta bantuan bagi menghapuskan kemungkaran dan memberi peringatan kepada orang ramai tentang individu atau perbuatan yang jelas membawa kemudaratan dan keburukan.

Sesungguhnya setiap insan diciptakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala dengan kelebihan dan kekurangan masing-masing. Maka apabila kita terlihat perbuatan aib yang dilakukan oleh seseorang secara sembunyi, tidak dibenarkan sama sekali untuk kita menyebarkannya kepada orang lain. Islam mengajarkan kita agar menutup aib bukan menghebahkannya. Sebaliknya, kewajipan kita adalah menasihatinya dengan penuh hikmah iaitu di saat dia bersendirian, dalam suasana yang tertutup dan jauh daripada pandangan manusia. Itulah akhlak seorang Muslim sejati yang menjaga maruah saudara seagamanya sebagaimana dia ingin maruahnya sendiri dipelihara. Daripada Ya'la Radiallahuanhu bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "Sesungguhnya Allah Azza Wajalla Maha Pemalu dan Tertutup, Dia menyukai sifat malu dan tertutup". (Hadis Riwayat Imam Abu Daud)

Dalam era media baharu ini, terdapat segelintir masyarakat yang menyalahgunakan media sosial dan aplikasi telefon pintar dengan menyebarkan perkara-perkara yang boleh mengaibkan diri sendiri serta orang lain sama ada melalui penulisan, gambar mahupun video. Tindakan ini bukan sahaja mencemarkan maruah, malah boleh mengundang dosa dan fitnah yang berpanjangan.

Sebagai orang yang beriman, kita hendaklah sentiasa menjaga diri daripada menyakiti orang lain sama ada melalui perbuatan mahupun tutur kata. Ini kerana membuka atau mendedahkan aib seseorang termasuk dalam perbuatan *ghibah* yang sangat ditegah dalam Islam. Ingatlah, Allah Subhanahu Wata'ala mengumpamakan perbuatan *ghibah* itu seperti memakan daging bangkai saudaranya sendiri. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Hujurat, ayat 12 :

Tafsirnya : "Wahai orang-orang yang beriman! Jauhilah kebanyakan daripada prasangka, sesungguhnya sebahagian prasangka itu dosa. Dan janganlah sebahagian kamu mengumpat sebahagian yang lain. Adakah seseorang daripada

kamu suka memakan daging saudaranya yang telah mati? Maka sudah tentu kamu berasa jijik kepadanya. Dan bertakwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah Maha Penerima taubat lagi Maha Pengasih".

Selain itu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ada mengajarkan satu doa dalam hadis Baginda agar diamalkan, supaya aib diri kita sentiasa terpelihara dan dijaga oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Daripada Ibnu Umar Radiallahuanhuma bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sering mengulang-ulang doa ini pada waktu pagi dan petang :

Ertinya : "Ya Allah, aku memohon keselamatan di dunia dan akhirat. Ya Allah, aku memohon kepada-Mu kemaafan dan keselamatan pada agamaku dan duniaku, pada ahli keluargaku dan harta bendaku. Ya Allah, tutuplah auratku (aib dan kelemahanku) dan amankanlah ketakutanku. Ya Allah, peliharalah aku daripada bahaya yang datang dari hadapanku, dari belakangku, dari kananku, dari kiriku, dari atasku dan aku berlingkungan dengan keagungan-Mu daripada tergelincir dari bawahku". (Hadis Riwayat Abu Daud)

Sesungguhnya kemuliaan dan kehebatan seseorang insan bukanlah semata-mata kerana dirinya, akan tetapi kerana Allah Subhanahu Wata'ala telah menutup aib seseorang itu dengan limpahan kasih sayang-Nya. Berapa ramai daripada kalangan kita yang kelihatan mulia di mata manusia, sedangkan jika Allah Subhanahu Wata'ala membuka walaupun sedikit sahaja aib kita, nescaya hilanglah segala pujian dan penghormatan. Maka pelihara dan jagalah aib saudara kita sebagaimana kita mengharap agar Allah Subhanahu Wata'ala memelihara dan menjaga aib kita. Janganlah kita menjadi orang yang sanggup membuka dan menyebarkan keaiban orang lain kerana azab dan ancaman Allah Subhanahu Wata'ala amat berat terhadap orang yang suka mendedahkan keaiban.

Akhirnya, marilah kita bermuhasabah dan berusaha menjaga setiap tutur kata serta tingkah laku kita agar tidak terjerumus melafazkan sesuatu atau melakukan perkara yang mengundang dosa dan kemurkaan Allah Subhanahu Wata'ala. Semoga dengan usaha ini, kita tergolong dalam kalangan hamba yang dikasihi-Nya, bukan dalam kalangan mereka yang dibukakan aibnya di dunia mahupun di akhirat kelak. *Amin Ya Rabbal Alamin.*

Tafsirnya : "Sesungguhnya orang-orang yang suka menyebarkan perbuatan keji (tuduhan palsu) dalam kalangan orang-orang yang beriman, mereka akan beroleh azab yang pedih di dunia (dengan pelaksanaan hukum had) dan di akhirat (dengan api neraka). Dan Allah mengetahui (perkara yang sebenarnya) sedangkan kamu tidak mengetahuinya". (Surah An-Nur, ayat 19)

NBD alami keadaan cuaca panas melampau

Siaran Akhbar dan Infografik :
Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 22 April. - Negara Brunei Darussalam (NBD) pada masa ini berada dalam fasa peralihan monsun, yang lazimnya akan berterusan sehingga hujung Mei 2026.

Sejak 8 April yang lalu, tiada turunan hujan yang signifikan direkodkan di Stesen Pencerapan Cuaca di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.

Setakat ini, jumlah turunan hujan yang direkodkan bagi April 2026 adalah sebanyak 65.7 milimeter (mm), iaitu sekitar 70 peratus lebih rendah berbanding jumlah purata normal bagi April, iaitu 242mm.

NBD telah mengalami keadaan cuaca panas melampau sebanyak empat hari pada bulan ini, iaitu

pada 14 hingga 17 April 2026. Bagi bulan ini, beberapa Stesen Pencerapan Cuaca Automatik, Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam (BDMD) telah merekodkan suhu maksimum harian tertinggi sekurang-kurangnya 35 darjah Celsius.

Aktiviti turunan hujan dijangka berlaku di beberapa kawasan negara pada 22 dan 23 April 2026. Walau bagaimanapun, keadaan cuaca diramalkan kembali panas dan kering sehingga hujung minggu ini dengan aktiviti turunan hujan yang minimum berlaku terutamanya di kawasan pedalaman.

Manakala, suhu maksimum harian dijangkakan berada dalam

lingkungan 33 darjah Celsius hingga 37 darjah Celsius.

Orang ramai adalah dinasihatkan untuk mengambil perhatian dan seterusnya mengambil langkah-langkah berpatutan berikutan keadaan cuaca panas dan kering yang dijangka berterusan sehingga hujung minggu ini.

Maklumat cuaca terkini boleh diperoleh melalui aplikasi mudah alih Brunei WX, atau dengan menghubungi peramal cuaca yang bertugas di Pusat Ramalan Cuaca melalui Talian Cuaca 114.

Selain itu, orang ramai juga boleh melayari laman sesawang www.met.gov.bn serta mengikuti saluran rasmi kami di Facebook (@bruneiweather), Instagram (@brunei.weather), Telegram dan WhatsApp (Brunei Weather).

HARI INOVASI 2026 UNISSA SERLAHKAN KREATIVITI DIGITAL, TEKNOLOGI BAHARU



■ Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali



REKTOR Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) hadir selaku tetamu kehormat pada Hari Inovasi 2026 anjuran UNISSA, melalui Fakulti Teknologi Islam (atas kiri dan atas kanan). Hari Inovasi 2026 mempamerkan 25 projek pelajar melalui Pameran Projek Tahun Akhir, yang memberi peluang untuk penilaian, penglibatan industri, serta penyertaan dalam pertandingan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

GADONG, Rabu, 22 April. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), melalui Fakulti Teknologi Islam, telah berjaya menganjurkan Hari Inovasi 2026 diadakan bersempena World Creativity and Innovation Day bertemakan 'Step Out and Innovate: Digital Creativity and Emerging Technologies' (Melangkah Keluar dan Berinovasi: Kreativiti Digital dan Teknologi Baharu), iaitu menggalakkan pemikiran kreatif dan keberanian untuk menghasilkan penyelesaian inovatif bagi menghadapi cabaran masa hadapan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Rektor

UNISSA, Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal.

Dalam ucap terna, dekan fakulti menekankan kepentingan menyediakan graduan yang sedia masa hadapan selaras dengan Wawasan Brunei 2035, terutamanya dalam melahirkan individu berkemahiran tinggi yang mampu menyumbang kepada ekonomi yang dinamik dan mampan.

Fokus tahun ini terhadap bidang animasi, Kecerdasan Buatan (AI), dan teknologi 3D imersif mencerminkan kepentingan bidang-bidang tersebut yang semakin berkembang dalam ekonomi

digital.

Seiring dengan perkembangan teknologi digital, Innovation Day 2026 memberi fokus kepada bidang Digital Creativity dan Emerging Technologies, termasuk animasi (3D dan 2D), media digital, AI, serta teknologi imersif seperti VR dan AR.

Acara ini turut melibatkan penyertaan daripada rakan industri, termasuk Red Circle Sdn. Bhd. dan RGB Studio Sdn. Bhd. dari Malaysia, yang berkongsi pandangan mengenai teknologi baharu dan jangkaan industri.

Antara pengisian utama termasuk Forum Industri

mengenai trend masa hadapan dalam kreativiti digital serta bengkel praktikal yang memfokuskan kepada AI dan animasi 3D, sekali gus memberikan pendedahan praktikal dan kemahiran dunia sebenar kepada para pelajar.

Satu mercu tanda penting dalam acara tersebut adalah pengumuman penubuhan Kelab AI dan Animasi 3D, yang bertujuan untuk menyemai bakat pelajar dan menggalakkan tekno-usahawan.

Inisiatif ini dibina berasaskan pencapaian terdahulu dalam animasi 3D, termasuk pengiktirafan melalui Anugerah Inovasi Multimedia Islam, yang

membuktikan potensi pelajar dalam menghasilkan kandungan digital yang bernilai.

Hari Inovasi 2026 juga mempamerkan 25 projek pelajar melalui Pameran Projek Tahun Akhir, yang memberi peluang untuk penilaian, penglibatan industri, serta penyertaan dalam pertandingan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Acara ini memperkukuh komitmen UNISSA dalam menyepadukan inovasi dengan nilai etika, bagi memastikan kemajuan teknologi terus memberi khidmat kepada masyarakat dengan cara yang bertanggungjawab dan bermakna.

Delegasi FAO APRC terokai keunikan, pembangunan NBD



SUASANA kunjungan lawatan delegasi di Nana Agro Farm.



PARA delegasi bergambar ramai semasa lawatan ke Nana Agro Farm.

■ Berita dan Foto : Ak. Mohd. Zaki Pg. Haji Kasharan

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 24 April. - Bersempena dengan penganjuran Persidangan Serantau Pertubuhan Makanan dan Pertanian Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (FAO) bagi Asia dan Pasifik (APRC) Sesi ke-38 yang dikendalikan di Negara Brunei Darussalam (NBD) pada kali ini, beberapa program turut diadakan

termasuklah lawatan ke dua buah lokasi berasingan pada pagi tadi.

Program lawatan berkenaan diadakan adalah bagi memberi peluang kepada para delegasi untuk mengenali dengan lebih dekat keunikan dan pembangunan NBD.

Para delegasi mula-mula berpeluang mengunjungi Nana Agro Farm yang berada di

Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP), Tungku 'A', di sini.

Sesi taklimat telah disampaikan oleh Pengurus Ladang berkenaan, Awang Muhammad Wafiy bin Haji Norhalim sebelum para delegasi dibawa melawat ke beberapa fasiliti dan lokasi yang terdapat di ladang berkenaan.

Ladang yang berkeluasan empat hektar berkenaan mengoperasikan penanaman

sayur komersial dengan menggunakan sistem pertanian hidroponik dan penanaman rumah hijau yang dilindungi bagi menghasilkan tanaman seperti sayur-sayuran dan Timun Jepun.

Sejurus setelah itu, para delegasi beredar ke lokasi kedua, iaitu Barramundi Group (B) Sdn. Bhd. (Barramundi Group) yang terletak di Kampung Serasa

dengan dialu-alukan oleh Pengurus Besarinya, Alex Chiam, dan seterusnya menyampaikan taklimat mengenai operasi Barramundi Group kepada para delegasi.

Barramundi Group merupakan sebuah syarikat akuakultur terkemuka pengkhususan dalam pengeluaran barramundi (*Lates calcarifer*) melalui sistem moden dan mampan.

MEMPERKUKUH KERJASAMA, PENYELESAIAN PRAKTIKAL SISTEM AGRIMAKANAN

JERUDONG, Rabu, 22 April. - Setiausaha Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP), Dayang Hajah Tutiaty binti Haji Abdul Wahab menjelaskan bahawa sistem agrimakanan di seluruh Asia dan Pasifik semakin terbebani akibat ketidaktentuan iklim dan kekangan sumber, turun naik pasaran, kebimbangan keselamatan makanan serta perubahan demografi yang menjejaskan tenaga kerja pertanian.

Namun di sebalik cabaran itu katanya, terdapat peluang yang

jelas untuk memodenkan sistem, memanfaatkan inovasi, dan membina sistem agrimakanan yang lebih berdaya tahan, inklusif dan mampan.

"Pada masa yang sama, kita perlu menyedari konteks yang lebih menyeluruh dalam persekitaran operasi kita. Ketegangan geopolitik dan konflik yang berterusan terus mengganggu rantaian bekalan, meningkatkan kos makanan, tenaga dan input pertanian, serta mewujudkan ketidaktentuan dalam pasaran global," ujarnya semasa Asia-Pacific Food Forum (APFF)

berlangsung di The Empire Brunei, hari ini.

Bagi banyak negara, khususnya yang bergantung kepada import, tambahnya lagi, cabaran ini bukan sesuatu yang jauh; ia memberi kesan langsung kepada kemampuan, aksesibiliti dan kestabilan sistem makanan.

Beliau menambah, hal ini menekankan keperluan mendesak untuk kita semua memperkukuh daya tahan dan mengurangkan kerentanan dalam sektor agrimakanan.

Di Negara Brunei Darussalam (NBD), jelasnya lagi, pendekatan yang diambil adalah jelas dan tersusun, dengan penekanan terhadap pengukuhan keselamatan makanan melalui pengeluaran berasaskan kualiti serta nilai tambah, memastikan apa yang dihasilkan adalah selamat, berdaya saing dan bertanggungjawab terhadap alam sekitar.

Pada masa yang sama, katanya, kita menyedari bahawa pertumbuhan mesti seimbang dengan kelestarian. Tambahnya lagi, pemeliharaan sumber semula jadi bukan satu pilihan, ia merupakan asas penting bagi menjamin keselamatan makanan dan daya tahan jangka panjang.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

Foto : Muhammad Asri Awang Haji Abas

"Transformasi juga perlu berteraskan manusia. Wanita terus memainkan peranan penting di sepanjang rantaian nilai agrimakanan dan pemerksaan mereka bukan sahaja meningkatkan produktiviti, malah memperkukuh kesejahteraan komuniti secara keseluruhan.

"Begitu juga, golongan belia membawa inovasi, keusahawanan dan perspektif baharu. Jika kita ingin memastikan sistem makanan kekal relevan pada masa hadapan, kita perlu melabur dalam keupayaan, kepimpinan dan penyertaan mereka," ujarnya. Beliau menambah, forum ini bukan sekadar platform perbincangan, malah merupakan platform untuk tindakan.

"Pelaburan perlu berasaskan sains dan inovasi. Kerjasama harus melangkaui dialog kepada pelaksanaan. Dan dasar perlu mewujudkan persekitaran yang kondusif bagi memperluas dan mengekalkan penyelesaian mampan," katanya.

Beliau menyeru semua pihak agar merebut peluang ini untuk memperkukuh kerjasama,



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan hadir merasmikan forum tersebut (atas). Manakala gambar kiri, antara yang hadir di forum tersebut.

memajukan penyelesaian praktikal, dan komited terhadap kemajuan yang boleh diukur di samping membentuk sistem agrimakanan yang menghasilkan pengeluaran yang lebih baik, pemakanan yang lebih sihat, persekitaran dan kehidupan yang lebih baik untuk rakyat kita.



APFF bincang usaha memperkukuh sistem agrimakanan berdaya tahan



ASIA-Pacific Food Forum berkenaan telah berlangsung di The Empire Brunei, dengan kehadiran Setiausaha Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, dan sekitar 150 peserta yang terdiri daripada penggubal dasar, wakil sektor swasta, ahli akademik, pemimpin belia dan rakan-rakan pembangunan dari seluruh rantau Asia Pasifik (atas, atas kanan dan bawah kanan).

JERUDONG, Rabu, 22 April. - Bersempena Sesi Ke-38 Persidangan Serantau FAO bagi Asia dan Pasifik (APRC), Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP), dengan kerjasama Pertubuhan Makanan dan Pertanian Bangsa-Bangsa Bersatu (FAO), pagi tadi menganjurkan Asia-Pacific Food Forum (APFF) berlangsung di The Empire Brunei, di sini.

Hadir dan seterusnya merasmikan forum tersebut ialah Setiausaha Tetap KSSUP, Dayang Hajah Tutiaty binti Haji Abdul Wahab. APFF menandakan satu pencapaian penting sebagai penganjuran julung kalinya di Negara Brunei Darussalam (NBD)

yang dianjurkan di bawah APRC.

Forum tersebut menampilkan pegawai kanan FAO serta wakil peringkat tinggi dari rantau ini, termasuk Menteri-menteri Pertanian dari Bhutan dan Vanuatu serta agensi-agensi kerajaan dan peneraju industri. Forum ini menghimpunkan sekitar 150 peserta yang terdiri daripada penggubal dasar, wakil sektor swasta, ahli akademik, pemimpin belia dan rakan-rakan pembangunan dari seluruh rantau Asia Pasifik. Sesi-sesi utama forum adalah seperti Catalyzing Investment in Agrifood Systems, yang menumpukan kepada kerjasama awam-swasta serta mekanisme pembiayaan yang inovatif dan One

Country One Priority Product (OCOP), yang mengetengahkan peranan sains dan inovasi dalam meningkatkan produktiviti, daya saing dan kemampuan.

Selain itu, International Year of the Woman Farmer 2026, yang mengiktiraf sumbangan penting wanita dalam sistem agrimakanan dan Youth Leadership in Agrifood Transformation, yang menonjolkan inovasi serta penyelesaian yang dipacu oleh golongan belia dalam sektor tersebut.

Forum ini turut mencerminkan komitmen NBD dalam memperkukuh sektor agrimakanan melalui inovasi, penjaan nilai tambah dan kerjasama antarabangsa, selaras dengan



keutamaan negara dalam memperkukuh keterjaminan makanan dan mempelbagaikan ekonomi. Di peringkat serantau dan global, APFF telah menyumbang kepada memperkukuh sistem agrimakanan yang lebih mampan, berdaya tahan dan inklusif.

Forum ini juga menyediakan

wadah bagi membincangkan cabaran-cabaran semasa termasuk perubahan iklim, gangguan rantaian bekalan dan isu keselamatan makanan, di samping menyokong Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) serta visi FAO iaitu 'Four Betters'.



PEMERKASAAN PERANAN WALI MEMBINA INSTITUSI KELUARGA HARMONI



SETIAUSAHA Tetap (Kemasyarakatan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat majlis yang berlangsung di Dewan Tarbiyah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan.

Oleh : Nurdiyana Rajami

Foto : Nurdiyana Rajami, ihsan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 23 April. – Mu'tamar Antarabangsa Fiqh Al-Ushrah 2025/2026 (MUAFIQ 25/26), anjuran Fakulti Syariah dan Pusat Kajian Fiqh Kontemporari, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) dengan sokongan Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), yang berlangsung selama dua hari, berakhir petang tadi dengan Sesi Pembentangan Ucapnama III dan

Pembentangan Resolusi.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis yang berlangsung di Dewan Tarbiyah, KUPU SB ialah Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), KKBS, Dayang Hajah Norashikin binti Haji Johari.

Turut hadir ialah Ra'ees KUPU SB, Profesor Madya Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani; pegawai dan kakitangan kerajaan serta para pembentang dan peserta MUAFIQ 25/26.

MUAFIQ 25/26 telah merumuskan keseluruhan 10

resolusi yang merangkumi lima tema utama iaitu Pemantapan Teras Akidah dan Akhlak dalam Pendidikan Islam; Pengintegrasian Maqasid Syariah dalam Pengurusan Rumah Tangga; Mendepani Cabaran Era Digital dan Teknologi Moden; Kesejahteraan Mental, Emosi dan Sosial secara Inklusif; serta Peranan Institusi Masjid dan Pendidikan Dalam Pemerikasaan Keluarga.

Ini termasuklah cadangan pelan tindakan yang meliputi antaranya Merangka pendidikan pra-perkahwinan dan pasca-perkahwinan secara integratif yang melibatkan semua

agensi yang berkaitan; Merangka pelan kerjasama strategik antara institusi agama, perancang kewangan dan NGO untuk penyediaan alat mitigasi risiko ekonomi keluarga; dan Memperkuat kerjasama sinergi antara Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), JAPEM dan perkhidmatan sokongan keluarga untuk intervensi berasaskan data yang relevan.

Terdahulu, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Universiti Sains Islam Malaysia, Profesor Dato' Dr. Nik Salida Suhaila Nik Saleh dalam Pembentangan Ucapnama III, bertajuk 'Memperkasa Wali

Sebagai Wasilah Sakinah: Ke Arah Melahirkan Generasi Rabbani' menekankan peranan penting wali dalam membina institusi keluarga yang harmoni.

Dengan memperkukuh ilmu katanya, tanggungjawab dan kepimpinan wali, sesebuah keluarga dapat dibimbing berlandaskan nilai agama, akhlak yang baik serta keseimbangan emosi.

Tegasnya lagi, wali yang berperanan dengan baik menjadi pelindung dan pembimbing dalam memastikan perkahwinan dibina atas asas yang kukuh, menjaga kebajikan ahli keluarga serta mewujudkan suasana rumah tangga yang positif.

Ia seterusnya akan menyumbang kepada pembentukan Generasi Rabbani yang beriman, berakhlak mulia, berilmu dan berpegang teguh kepada ajaran Islam.

Tidak syak lagi, pemerikasaan wali merupakan langkah penting dalam melahirkan keluarga sejahtera yang seterusnya membentuk masyarakat yang berkualiti dan berdaya tahan.

Sebanyak satu pembentangan Kertas Perdana, tiga pembentangan Kertas Ucapnama, 25 kertas kerja sesi selari di samping Forum Keluarga Islam telah disampaikan dalam MUAFIQ 25/26 ini.

Resolusi MUAFIQ 25 / 26 dibentangkan



PEMBENTANG Resolusi MUAFIQ 25 / 26 berkenaan telah disampaikan oleh Ketua Jawatankuasa Kerja (Bahagian Pelapor dan Resolusi) MUAFIQ 25 / 26 (bawah), sementara gambar atas, sebahagian daripada para hadirin.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 23 April. – Mu'tamar Antarabangsa Fiqh Al-Ushrah 2025 / 2026 (MUAFIQ 25 / 26), anjuran Fakulti Syariah dan Pusat Kajian Fiqh Kontemporari, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) dengan sokongan Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) yang telah

melabuhkan tirainya petang tadi di Dewan Tarbiyah, KUPU SB telah merumuskan keseluruhan 10 resolusi yang merangkumi lima tema utama.

Pembentang Resolusi MUAFIQ 25 / 26 berkenaan telah disampaikan oleh Ketua Jawatankuasa Kerja (Bahagian Pelapor dan Resolusi) MUAFIQ 25 / 26, Dr. Awang Haji Noralizam bin Haji Aliakbar.

Tema pertama ialah 'Pemantapan Teras Akidah dan Akhlak dalam Pendidikan Keluarga Islam' yang menjelaskan mengenai memperkasa peranan wali iaitu mengiktiraf peranan wali sebagai pembimbing spiritual, pelindung emosi dan pendidik adab dalam institusi keluarga, bukan sekadar fungsi perundangan teknikal.

Ia juga menyentuh mengenai *ibrah* sejarah dan keagamaan iaitu dengan menjadikan sejarah Nabi Ibrahim Alaihissalam sebagai model utama dalam membina keluarga yang berasaskan tauhid,

kepimpinan melalui dialog dan kesediaan menghadapi ujian spiritual.

Di samping itu, melaksanakan model pendidikan akidah yang bersepadu merangkumi dimensi Iman (kognitif), Islam (ibadah) dan Ihsan (penghayatan rohani) dalam konteks Falsafah Melayu Islam Beraja (MIB).

Seterusnya, tema kedua ialah 'Pengintegrasian Maqasid Syariah dalam Pengurusan Rumah Tangga' yang menekankan mengenai strategi keharmonian iaitu menerapkan prinsip Maqasid Syariah (pemeliharaan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta) sebagai kerangka sistematik untuk menangani isu perceraian dan konflik rumah tangga.

Begitu juga diuraikan dalam tema ini mengenai membina ekonomi keluarga berdaya tahan iaitu dengan mengadaptasi prinsip Fiqh Mu'amalat (berhemat, *wasatiyyah*, menabung dan syukur) sebagai asas literasi kewangan keluarga. Begitu juga dengan menggalakkan tadbir urus kewangan keluarga yang patuh syariah dan sistematik bagi menghadapi ketidakpastian ekonomi global.

Dalam tema ketiga pula berkaitan 'Mendepani Cabaran Era Digital dan Teknologi Moden' yang menghuraikan perihwal pemanfaatan Kecerdasan Buatan (AI) secara berhemat dan beretika iaitu menggunakan AI sebagai pelengkap dalam pendidikan keluarga untuk mempercepat perkembangan kognitif, namun mestilah diseimbangkan dengan adab, akhlak dan pengawasan ibu bapa yang rapi.

Selain itu, turut ditekankan dalam tema ini ialah mengenai mengadaptasi Fiqh al-Ushrah dalam era digital iaitu dengan menghasilkan panduan Fiqh

al-Ushrah yang spesifik untuk cabaran digital (komunikasi, privasi, keselamatan maklumat dan pengurusan media sosial). Seterusnya memperkasa program pendidikan pasca-perkahwinan dan khidmat kaunseling keluarga dengan modul *digital literacy* dan pengurusan konflik berkaitan teknologi.

Tema keempat ialah 'Kesejahteraan Mental, Emosi dan Sosial secara Inklusif' iaitu menjelaskan mengenai kesihatan mental wanita iaitu pembedayaan pendekatan interdisiplin yang menggabungkan psikologi moden dengan prinsip *wasatiyyah* dan Maqasid Syariah untuk menjaga kesejahteraan mental wanita sebagai tunjang kestabilan keluarga.

Di samping itu, turut ditekankan dalam tema ini ialah perihwal inklusiviti Orang Kelainan Upaya (OKU) dan warga emas iaitu dengan memperkasakan status OKU melalui inisiatif Corporate Social Responsibility (CSR) yang inklusif serta memberikan sokongan kerohanian dan emosi kepada warga emas untuk menghadapi cabaran kehidupan khususnya dalam berkeluarga.

Manakala tema kelima ialah 'Peranan Institusi Masjid dan Pendidikan Dalam Pemerikasaan Keluarga' yang meliputi pemerikasaan institusi masjid dan pendidikan iaitu dengan mengukuhkan peranan institusi masjid sebagai pusat pembangunan keluarga melalui program keagamaan serta meningkatkan keberkesanan pengajaran mata pelajaran Fiqh Munakahat di institusi pendidikan dengan pendekatan yang lebih interaktif dan efektif serta operasional-aplikatif melalui konsep 'Maqasid Tarbawi Ushrah'.

Begitu juga, turut dijelaskan

Oleh : Nurdiyana Rajami
Foto : Nurdiyana Rajami, Ihsan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan

mengenai indeks kebahagiaan iaitu mengenai keperluan membangunkan 'Indeks Kebahagiaan Keluarga' berasaskan nilai al-Sa'adah (sakinah, mawaddah dan rahmah) sebagai kayu ukur holistik bagi kesejahteraan ekosistem keluarga di Negara Brunei Darussalam.

Ini termasuklah cadangan pelan tindakan yang meliputi antaranya merangka pendidikan pra-perkahwinan dan pasca-perkahwinan secara integratif yang melibatkan semua agensi yang berkaitan termasuk modul pembangunan wali berasaskan tiga dimensi iaitu transformasi minda (autoriti sehingga amanah), kemahiran komunikasi berasaskan nilai *nubuwwah*, dan literasi ilmu fardu ain. Dalam hal ini, Pusat Kajian Fiqh Kontemporari, KUPU SB boleh bertindak sebagai urus setia.

Cadangan pelan tindakan seterusnya ialah merangka pelan kerjasama strategik antara institusi agama, perancang kewangan dan NGO untuk penyediaan alat mitigasi risiko ekonomi keluarga (perencanaan, perlindungan dan edukasi) ke arah pembentukan keluarga yang bahagia dan harmoni.

Selain itu, memperkuat kerjasama sinergi antara Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), JAPEM dan perkhidmatan sokongan keluarga untuk intervensi berasaskan data yang relevan juga menjadi salah satu cadangan pelan tindakan MUAFIQ 25 / 26. Ini dapat diungkapkan dengan penubuhan jawatankuasa pandu lintas-agensi bagi merangka modul latihan, panduan digital dan pelan tindakan kebangsaan.



MEMBINA EKONOMI KELUARGA BERDAYA TAHAN PERLUKAN SINERGI DISIPLIN

Oleh : Nurdiyana Rajami
Foto : Nurdiyana Rajami, Ihsan Kolej Universiti Perguruan
Agama Seri Begawan



PEMBENTANGAN bertajuk 'Membina Ekonomi Keluarga Berdaya Tahan Menerusi Penghayatan Prinsip Kewangan Fiqh Mu'amalat' telah disampaikan oleh Ra'es KUPU SB (kiri). Manakala gambar kanan, semasa berlangsungnya Forum Keluarga Islam dengan tajuk 'Gen Z : Iman Dijiwai, Peribadi Terpuji, Keluarga Diberkati'.

25/26), yang berlangsung pagi tadi di Dewan Tarbiah, Kolej Universiti Perguruan Agama Seri Begawan (KUPU SB).

Pembentangan bertajuk 'Membina Ekonomi Keluarga Berdaya Tahan Menerusi Penghayatan Prinsip Kewangan Fiqh Mu'amalat' berkenaan disampaikan oleh Ra'es KUPU SB, Profesor Madya Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani.

Tegas Profesor Madya Dr. Abdul Nasir lagi, Fiqh Mu'amalat bukan sekadar hukum yang mengatur urusan kewangan, tetapi juga sebagai kerangka ekonomi mikro yang mengatur aliran sumber, perlindungan hak dan agihan kekayaan dalam unit keluarga.

Tambahnya, membina ekonomi



keluarga berdaya tahan memerlukan sinergi antara disiplin dan literasi kewangan yang berteraskan Maqasid Syariah.

Manakala, pada sebelah petang pula, MUAFIQ 25/26 diteruskan lagi dengan Forum Keluarga Islam yang mengetengahkan tajuk 'Gen Z : Iman Dijiwai, Peribadi Terpuji, Keluarga Diberkati'.

Forum antara lain membicarakan tentang kepentingan keibubapaan hari ini yang memerlukan hubungan yang penuh dengan elemen hikmah dan positif, lebih-lebih dalam membina komunikasi yang ideal antara ibu bapa dan anak.

Institusi keluarga seharusnya memainkan peranan mereka sebagai agen yang bertanggungjawab mendidik dan membentuk sahsiah yang cemerlang dan terbilang dalam diri anak, sekali gus melahirkan Gen Z yang beriman dan berperibadi terpuji.

Forum berkenaan telah menampilkan tiga ahli panel, iaitu Penolong Pensyarah, Pusat Kajian Fiqh Kontemporari, KUPU SB, Awang Hilman bin Haji Salim; Pegawai Ugama, Bahagian Khidmat Nasihat Keluarga, Jabatan Hal Ehwal Syariah, Kementerian Hal Ehwal Ugama,

Awang Abdul Muid bin Hariel; dan Pegawai Kerja Sosial, Jabatan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dayang Noramalizan binti Haji Jamal.

Forum dipengerusikan oleh Penolong Pensyarah Fakulti Pendidikan dan Sains Kemasyarakatan, KUPU SB, Pengiran Siti Katijah binti Pengiran Sulaiman.

MUAFIQ 25/26 akan diteruskan lagi esok dengan pembentangan Kertas Utama II, pembentangan Kertas Utama III dan sesi Sidang Selari, bertempat di KUPU SB.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 22 April. – Pematuhan dan penghayatan terhadap prinsip-prinsip utama kewangan Fiqh Mu'amalat berteraskan nilai-nilai Islam dapat mewujudkan dan meningkatkan kestabilan ekonomi keluarga, yang bukan sahaja stabil dari segi kewangan, malah membina kesejahteraan holistik yang diberkati dan mampan dalam jangka masa panjang.

Perkara berkenaan dikongsikan dalam Pembentangan Kertas Utama I, Mu'tamar Antarabangsa Fiqh Al-Ussrah 2025/2026 (MUAFIQ

Sekolah Sukan raikan pelajar cemerlang

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 22 April. - Sekolah Sukan petang tadi meraikan Majlis Konvokesyen Penuntut Peringkat BC GCE 'O' Level dan IGCSE Kelas 2025 bertempat di Dewan Puteri, Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri (STPRI).

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan, Penolong Superintendent 2 Jabatan Sekolah-sekolah, Kementerian Pendidikan, Dayang Jaliah binti Abdullah Ulat.

Turut hadir, Pengetua Sekolah Sukan, Awang Alexander bin Bandang serta ibu bapa dan penjaga serta para penerima majlis berkenaan.

Atur cara dimulakan dengan perarakan masuk penerima hadiah dan seterusnya bacaan Surah Al-Alaq ayat 1 hingga ayat 6 yang dibacakan oleh penuntut Tahun 10.1, 2026, Awang Arsyad Naufal bin Mohamad Faizalabdillah.

Manakala, terjemahan pula dibacakan oleh penuntut Tahun 11.2, 2025 Sekolah Sukan, Awang Syafiq Aiman bin Rosmadi.

Majlis diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Awang Alexander, selaku Pengerusi Majlis dan diselajurkan dengan tayangan video.

Majlis diteruskan dengan penyampaian Certificate of Completion kepada semua penuntut yang telah menamatkan pengajian di Sekolah Sukan pada 2025, iaitu seramai 66 penuntut yang disempurnakan oleh Pengetua Sekolah Sukan.

Selapas itu, tetamu kehormat majlis pula menyampaikan Anugerah Penuntut Cemerlang yang memperoleh lima kredit ke atas, Anugerah Best Progress (peningkatan terbaik dari Qualifying Exam 2025 ke BC GCE 'O' Level 2025), Anugerah Penuntut yang memperoleh 'A' dan 'A*',

Anugerah Best Athlete in Sport, Anugerah Best Athlete in Fitness, Anugerah Athletic Excellence, Anugerah Penuntut Terbaik dalam aliran sukan, Anugerah Penuntut Terbaik dalam Program AM (Sains) dan Anugerah Penuntut Terbaik secara keseluruhan.

Seterusnya, tetamu kehormat majlis juga menyampaikan Anugerah Pencapaian Cemerlang mengikut subjek dan Anugerah Peningkatan Terbaik.

Pada majlis berkenaan, ucapan khas telah dibaca oleh wakil penerima hadiah, iaitu Awang Nur Taufiqillah Hakimah bin Abdul Abu Talib dari Tahun 11.1, 2025; dan juga Dayang Fitri Noorsabreln Syafinna Radnasari binti Adimodaamin dari Tahun 11.1, 2025.

Diikuti dengan penyampaian Anugerah Penghargaan kepada guru-guru Tahun 8 yang disampaikan oleh Pengerusi Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) Sekolah Sukan, Kol. (B) Dayang Hajah Suriyati binti Junaidi. Manakala guru-guru Tahun 11 pula disampaikan oleh Timbalan Pengetua Akademik dan Pentadbiran Sekolah Sukan, Dayang Norjalina binti Haji Jaafar.

Bagi penyampaian Anugerah Penghargaan kepada jurulatih-jurulatih Tahun 8 dan Tahun 11 pula disampaikan oleh Timbalan Pengetua Sukan, Sekolah Sukan, Awang Haji Azrin bin Haji Aji.

Sementara itu, Anugerah Pencapaian Cemerlang (Above National Level) dan Anugerah Peningkatan Terbaik dari 2024 ke 2025 (mengikut subjek) kepada guru-guru yang mencapai peningkatan peratus bagi BC GCE 'O' Level dan IGCSE disampaikan oleh tetamu Kehormat majlis.



PENOLONG Superintendent 2 Jabatan Sekolah-sekolah, Kementerian Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan penyampaian anugerah (kiri dan bawah). Manakala gambar atas, Pengetua Sekolah Sukan selaku Pengerusi Majlis turut menyempurnakan penyampaian sijil.

Bacaan doa dipimpin oleh Pegawai Pelajaran Sekolah Sukan, Awang Haji Md. Azrol Azmin bin Haji Ahmad.

Sebelum bersurai, para penerima anugerah bergambar ramai bersama tetamu kehormat majlis.



BENTUK GENERASI BELIA BERAKHLAK MULIA, BERDAYA SAING



SESI bergambar ramai pada Program Pejuang Fajr Kali Ke-18 yang telah mengambil tempat di Masjid An-Na'im, Kampung Panchor Mengkubau (kiri). Manakala gambar bawah kiri, Tazkirah Subuh telah disampaikan oleh Penolong Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

MUKIM MENTIRI, Jumaat, 24 April. - Dalam usaha memperkukuhkan peranan belia sebagai agen dakwah serta

pelaksana Al-Amr Bil Ma'ruf Wa An-Nahyu 'Anil Munkar, Badan Sukarelawan Belia Da'ie dengan sokongan Urus Setia Program Keagamaan Belia, Pusat Da'wah

Islamiah (PDI) serta kerjasama Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid An-Na'im, Kampung Panchor Mengkubau pagi tadi menganjurkan Program Pejuang Fajr Kali Ke-18 di Masjid An-Na'im, Kampung Panchor Mengkubau.

Program ini merupakan salah satu inisiatif berterusan dalam meningkatkan kesedaran, khususnya dalam kalangan belia agar bangun menunaikan Sembahyang Fardu Subuh secara berjamaah, di samping memupuk semangat kebersamaan, silaturahim serta mengimarahkan masjid melalui aktiviti-aktiviti bermanfaat.

Acara dimulakan dengan Sembahyang Sunat Tahajud yang dipimpin oleh Ahli Jawatankuasa Badan Sukarelawan Belia Da'ie.

Diikuti dengan Sembahyang Fardu Subuh Berjamaah yang diimamkan oleh Imam Masjid An-Na'im, Kampung Panchor Mengkubau.

Setelah itu program diteruskan dengan bacaan Surah Al-Kahfi yang turut dipimpin oleh wakil Badan Sukarelawan Belia Da'ie.

Sebagai pengisian rohani, program diserikan lagi dengan Tazkirah Subuh bertajuk 'Kisah Salman AlFarisi: Keseimbangan antara Tuntutan Ukhrawi dan Duniawi' yang disampaikan oleh Penolong Pegawai Perkembangan Ugama, PDI, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Muhammad Safwan bin Mohd. Suffian.

Program ini mendapat sambutan yang amat baik dengan kehadiran kira-kira 150 orang peserta terdiri daripada jemaah masjid, pegawai-pegawai kerajaan, pesara, para belia termasuk mahasiswa dan mahasiswi universiti, alumni Akademi Dakwah serta orang awam.

Rakaman program boleh didapati melalui laman Instagram rasmi Belia Da'ie untuk tontonan dan manfaat orang ramai.

Program seperti ini diharapkan akan terus menjadi platform yang berkesan dalam membentuk generasi belia yang berakhlak mulia, berdaya saing serta istiqamah dalam mengimarahkan masjid dan melaksanakan tuntutan agama.



Jiwa tabah, bersedia menjadi tetamu Allah

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 24 April. - Ibadah haji merupakan sebuah perjalanan yang mendambakan perubahan besar dalam kehidupan. Ia bukan sekadar kunjungan ke Tanah Suci, bahkan merupakan medan tarbiah yang menguji seluruh dimensi kemanusiaan seorang hamba.

Namun, sering kali persiapan lebih tertumpu kepada aspek material, sedangkan hakikat kejayaan sebagai tetamu Allah terletak pada kesediaan memperbaharui diri. Oleh itu, para bakal haji hendaklah mempersiapkan jiwa yang tabah, cekal dan bersedia menghadapi suasana di Tanah Suci yang serba luar biasa.

Perkara tersebut antara inti pati Tazkirah Subuh bertajuk 'Menuju Redha Ilahi: Bekalan Terbaik Tetamu Allah' yang disampaikan oleh Da'ie Bertauliah Majlis Ugama Islam Brunei, Awang Abdul Hadi Nasrullah bin Muhammad Ashraf,

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

TAZKIRAH Subuh telah disampaikan oleh Da'ie Bertauliah Majlis Ugama Islam Brunei (kanan), sementara gambar kiri, para hadirin di program tersebut.

bagi menyerikan Program 'Masjidku Makmur, Negara Berkat' yang diadakan pada awal pagi tadi di Masjid Omar 'Ali Saifuddin, di ibu negara.

Program dimulakan dengan Sembahyang Fardu Subuh Berjamaah, diikuti bacaan Wirid serta Tazkirah Subuh.

Program 'Masjidku Makmur, Negara Berkat' diunggayahkan dengan tujuan untuk mengajak umat Islam di negara ini agar memakmurkan masjid melalui amalan beribadah secara berjamaah, pengajian ilmu dan pelaksanaan aktiviti keagamaan.

Di samping membentuk



masyarakat yang berdisiplin, bertanggungjawab serta saling menghormati, program ini juga berperanan menanam rasa cinta terhadap masjid sebagai rumah Allah.

Selain itu, untuk memupuk semangat Negara Zikir dan Negara Berkat melalui penghayatan ajaran Islam dalam kehidupan seharian, sekali gus menyumbang kepada kesejahteraan dan kemakmuran negara berasaskan nilai-nilai Islam.

Selamatkan Usus Awda.
Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa* Doktor awda hari ini atau layari www.ppkk.gov.bn

*Sasaran pemeriksaan: Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.





**JABATAN KEMAJUAN PELANCONGAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER
UTAMA DAN PELANCONGAN**

Bilangan Sebut Harga:
JKP / LTK / 2026 – 2027 / 03

Bilangan Sebut Harga:
JKP / LTK / 2026 – 2027 / 04

Bilangan Sebut Harga:
JKP / SH / 2026 – 2027 / 06

Tajuk Sebut Harga:
Supply And Delivery Of 'Mesra'
Campaign Merchandise

Tajuk Sebut Harga:
Provision Of Integrated Creative
Development Services For
Nationwide Mesra Campaign

Tajuk Sebut Harga:
Appointment Of An Agency
For Conducting, Monitoring,
And Managing Mystery
Shopper System Under
The Nationwide Mesra Campaign

Tarikh Tutup

Tarikh Tutup Sebut Harga:

Tarikh Tutup

Sebut Harga:

12 Mei 2026

Sebut Harga:

12 Mei 2026

Jam 2.00 Petang

Khamis,

Jam 2.00 Petang

Yuran Setiap

Satu Sebut Harga :

Jam 2.00 Petang

Yuran Setiap

BND10.00

Yuran Setiap Satu

BND10.00

(Tidak Dikembalikan)

BND5.00

(Tidak Dikembalikan)

*Pembayaran Adalah

(Tidak Dikembalikan)

*Pembayaran Adalah

Secara Dalam Talian*

*Pembayaran Adalah

Secara Dalam Talian*



**JABATAN RADIO
TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI**



**JABATAN BANDARAN
KUALA BELAIT DAN SERIA
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**



**JABATAN PERBENDAHARAAN
KEMENTERIAN KEWANGAN
DAN EKONOMI**



**JABATAN PERHUTANAN
KEMENTERIAN SUMBER-
SUMBER UTAMA DAN
PELANCONGAN**

1. Tajuk Sebut Harga:

Bilangan Tawaran:

RTB / K / 01 / 26 - 27
Unit Drama TV: Perkhidmatan
Penggambaran dan Penyunting
Drama Bersiri (13 EP X 30 mins)
dan Episode Hari Raya Aidilfitri
(60 min X 2 EP)

01 / BBS / SH / BPL /
2026-2027

2. Tajuk Sebut Harga:

RTB / K / 03 / 26 – 27
Unit Drama TV: Perkhidmatan
Penggambaran dan Penyuntingan
Drama One-Off Sepanjang Tahun
2026

Keterangan Projek:

1. Supply And Delivery Of
Cleaning Materials
2. Supply And Delivery Of
Hardware Items
For Jabatan Bandaran
Kuala Belait And Seria

Yuran Tawaran:

BND5.00
(Non - Refundable)

Tarikh Tutup

Tawaran:
Selasa
28 April 2026
Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran :
JPKK / JKSH2627-QTN.03 / FSS

Tajuk Tawaran:
The Supply And Delivery
Of Fifteen Thousand
(15,000) Pieces Of
Negara Brunei Darussalam's
Flag 3' X 6' Cotton Printed With
State Colour And State Crest
In Red Colour On One Side
For The Treasury Department,
Ministry Of Finance and
Economy

Tarikh Tutup / Jam :

2 Mei 2026
Sabtu
9.00 Pagi

Tawaran:


JPH / 002 / SH / 2572 /
2026 - 2027
Tender To Bid For
The Rights To Harvest,
Extract, And Remove
Forest Produce
(Primarily Acacia Trees)
Within Designated Areas
Of The Berakas Forest Reserve,
Brunei Muara District

Tarikh Tutup Tawaran:

Khamis,
14 Mei 2026
2.00 Petang



جانب كاجي جواجا بروني دارالسلام



**JABATAN KAJICUACA
KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI**

**Tawaran adalah
dipelawa bagi :**

**Bilangan dan
Tajuk Sebut Harga:**
JKBD / 2026 / SH-01
Two (2) Years Term
Contract For Cleaning
The Headquarter Building
Of Brunei Darussalam
Meteorological Department

**Bilangan dan
Tajuk Sebut Harga:**
JKBD / 2026 / SH-02
Two (2) Years Term
Contract For Cleaning
The Meteorological Station
Of Brunei Darussalam
Meteorological Department

Tarikh Tutup

Sebut Harga:
Rabu
6 Mei 2026
Jam 9.00 Pagi



**JABATAN DAERAH
BRUNEI DAN MUARA
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Tawaran Bilangan :
JDBM / QSTOR / 001 / 2026
Tawaran Sebut Harga Bagi
Membekalkan Alat-Alat Pembersih
Selama Satu Tahun
Bagi Jabatan Daerah Brunei dan
Muara Bandar Seri Begawan

Tarikh Tutup :
Selasa, 5 Mei 2026



**JABATAN PERKHIDMATAN
ELEKTRIK
JABATAN TENAGA
JABATAN PERDANA MENTERI**

**Jemputan Untuk
Memberi Tawaran**

Bilangan Tawaran :
JPE / LTK / JAN / 131 / 2025

Tajuk Tawaran :
Provision For Electronic Overhead
Travelling Crane Health Check,
Rectification And Certification At
DES Power Stations

Tarikh Tutup:
Selasa, 5 Mei 2026
Jam 2.00 Petang

Yuran Tawaran:
BND500.00 (Tidak Dikembalikan)

Tempat Tutup:
Pengerusi
Lembaga Tawaran Kecil,
Jabatan Perdana Menteri,
Lobi Utama, Aras 1
Bangunan
Jabatan Perdana Menteri,
Jalan Perdana Menteri,
Bandar Seri Begawan, BB 3913,
Negara Brunei Darussalam.

Kelayakan :
Pemborong Yang Berdaftar
Dengan Kementerian
Kewangan Bagi Perkhidmatan
ROCBN

Dokumen-dokumen tawaran dan
penerangan-penerangan yang
lanjut bolehlah diperolehi di
Kaunter Unit Tawaran dan
Sebut harga, Tingkat Empat (4),
Jabatan Perkhidmatan Elektrik,
Jabatan Perdana Menteri.



**JABATAN KEMAJUAN PELANCONGAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER
UTAMA DAN PELANCONGAN**

Bilangan Sebut Harga:
JKP / SH / 2026 – 2027 / 5

Tajuk Sebut Harga:
Reprinting Of Brunei Tourism
Brochures

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis,
7 Mei 2026
Jam 2.00 Petang

**Yuran Setiap
Satu Sebut Harga:**
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)
*Pembayaran adalah
Secara Dalam Talian*



Bilangan Sebut Harga:
JKP / SH / 2026 – 2027 / 3

Tajuk Sebut Harga:
Provision Of Design,
Copywriting & Printing For Brunei
Tourism Brochures

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis, 7 Mei 2026
Jam 2.00 Petang

**Yuran Setiap Satu
Sebut Harga:**
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)
*Pembayaran Adalah Secara
Dalam Talian*



Bilangan Sebut Harga:
JKP / SH / 2026 – 2027 / 4

Tajuk Sebut Harga:
Provision Of Traditional Music
Performances For 2026 - 2027

**Tarikh Tutup
Sebut Harga:**
Khamis,
7 Mei 2026
Jam 2.00 Petang

**Yuran Setiap Satu
Sebut Harga:**
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)
*Pembayaran Adalah
Secara Dalam Talian*



Bilangan Sebut Harga:
JKP / LTK / 2026 – 2027 / 02

Tajuk Sebut Harga:
Appointment Of A Training
Provider Or Insitution For The
Delivery Of Nationwide Service
Excellence Training Under The
Nationwide Mesra Campaign

Tarikh Tutup Sebut harga:
12 Mei 2026
Jam 2.00 Petang

Yuran Setiap Satu Sebut Harga :
BND10.00 (Tidak Dikembalikan)
*Pembayaran Adalah Secara
Dalam Talian*



Bilangan Tawaran:
JKP / SH / 2026 – 2027 / 07

Tajuk Tawaran:
Provision Of
Integrated Marketing Services
For Brunei MYCE 2026

Tarikh Tutup Tawaran:
Khamis,
30 April 2026
Jam 2.00 Petang



**JABATAN DAERAH BELAIT
KEMENTERIAN HAL
EHWAL DALAM NEGERI**

Sebut Harga:
JDB / 1.1 / 2026 /
PERSEMBAHAN KHAS / A / 2026

Nama Projek:
Sebut Harga Bagi Pakej
Pengendalian Persembahan Khas
Sempena Sambutan Perayaan
Ulang Tahun Keputeraan
Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan dan
Yang Di-Pertuan
Negara Brunei Darussalam
Yang Ke-80 Bagi
Daerah Belait Tahun 2026.

Tarikh Tutup:
Selasa,
5 Mei 2026,
Jam 2.00 Petang



**JABATAN PENGAJIAN ISLAM
KEMENTERIAN HAL
EHWAL UGAMA**

1. Bilangan Sebut Harga :
KHEU / JPI / JKS / PPS(E) /
2026 - 2027
Perkhidmatan Pembuangan
Sampah Tempoh 2 Tahun Bagi
Zon 'E'

2. Bilangan Sebut Harga :
KHEU / JPI / JKS / PPS(K) /
2026 - 2027
Perkhidmatan Pembuangan
Sampah Tempoh 2 Tahun
Bagi Zon 'K'

Di Bawah Kawalan
Jabatan Pengajian Islam,
Kementerian Hal Ehwal Ugama
Negara Brunei Darussalam
Tahun 1447H - 1448H /
2026M - 2027M

Tarikh Tutup:
Rabu,
18 Zulkaedah 1447H /
6 Mei 2026M



**JABATAN BANDARAN
BANDAR SERI BEGAWAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Bilangan Rujukan:
JBBSB / SH / 2026 – 2027 / 04 /
SPA / 02

Tajuk Sebut Harga :
Tawaran Bagi Pembaikan Trak
Sampah Dan Trak Sweeper Bagi
Jabatan Bandaran
Bandar Seri Begawan

**Hari, Tarikh
dan Jam Tutup:**
Khamis,
30 April 2026
Jam 2.00 Petang

**Keterangan Lanjut Boleh
Diperoleh Dari:**
Seksyen Pemuliharaan Aset,
Bahagian Pengurusan
Pemuliharaan Estet, Di Tingkat 3,
Bangunan Blok 1 (B1),
Jabatan Bandaran
Bandar Seri Begawan,
Jalan Seri Beribi, Gadong BE1118,
Bandar Seri Begawan



**KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
DAN INFOKOMUNIKASI**

**Bilangan dan
Tajuk Sebut Harga :**
MTIC_SH02-2026 / 2027
Sebut Harga Bagi Pembelian
Lesen Fortigate UTP Dan
Forticare Untuk 15 Unit
Access Point
Bagi Kementerian Pengangkutan
Dan Infokomunikasi (MTIC)

Tarikh Tutup :
Rabu, 13 Mei 2026
Jam 2.00 Petang



**KEMENTERIAN HAL EHWAL
LUAR NEGERI**

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
MFA / PENT / 02 / 2026
Membekal Dan Menghantar
(1) Satu Unit Kenderaan Baharu
SUV With Two-Wheel Drive
(2WD) Untuk Kementerian Hal
Ehwal Luar Negeri

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
28 April 2026
Jam 2.00 Petang



**JABATAN RADIO
TELEVISYEN
JABATAN PERDANA MENTERI**

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga :**
RTB / K / 07 / 26-27
Unit Realiti TV :
Perkhidmatan Penggambaran
dan Pos Produksi
(Penyuntingan)
Rancangan TV
(9 Episode X 60 Minit)

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga :**
RTB / K / 08 / 26-27
Unit Realiti TV : Perkhidmatan
Penggambaran dan Pos Produksi
(Penyuntingan) Rancangan TV
(14 Episode X 30 Minit)

Bayaran Yuran :
BND5.00
(Tidak dikembalikan)
(Termasuk e-dokumen)

Salinan Kertas :
BND5.00
(Jika perlu dan tidak dikembalikan)
(Hardcopy)

Tarikh Tutup :
Rabu,
29 April 2026,
jam 2.00 Petang





KEMENTERIAN PERTAHANAN

Pemberitahuan Tawaran

Rujukan Bilangan dan Tajuk Tawaran:
MINDEF / DFA / CCAU / 05 (1)
Purchase Of Buggy Car Vehicle
For The Royal Brunei Armed
Forces

Tarikh Mula Tawaran:
13 April 2026

Yuran Tawaran:
BND50.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah seminggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu **Isnin, 11 Mei 2026.**

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
19 Mei 2026
2.00 Petang



Rujukan Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2025 / GCAU / RPK / TA / 8009
Permohonan Pembelian Alat Kelengkapan Tali Bagi Unit Rejimen Pasukan Khas, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (RPK ABDB)

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah seminggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu **Selasa, 12 Mei 2026.**

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
19 Mei 2026
Jam 2.00 Petang



Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2026 / GCAU / TL / TA / 6001
Permohonan Pembelian Boots Half Wellington White Untuk Kegunaan Anggota-Anggota Tentera Laut Diraja Brunei

Yuran Tawaran:
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah satu (1) minggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu

Selasa, 12 Mei 2026.

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
19 Mei 2026,
2.00 Petang



JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar Di Dalam

Kelas :
V sahaja

Kategori :
B01

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSBM004 / 2026

Bil. Projek
2026DBSBM / PDB.02

Nama Projek:
Kerja-kkerja Membaik Pulih Bangunan Flat Kelamin, Perumahan Balai Polis, Bandar Seri Begawan

Yuran Tawaran :
BND500.00
(Tidak dikembalikan)

Kelas :
III dan IV sahaja

Kategori :
B01 dan KPB02

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSBM005 / 2026

Bil. Projek
2026DBSBM / JKR.02

Nama Projek:
Kerja-Kerja Penggantian Bumbung Dan Pembaikan Aluminium Composite Cladding Bangunan Utama Jabatan Perkhidmatan Bangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama

Yuran Tawaran :
BND50.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :
Selasa,
28 April 2026

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
12 Mei 2026
Tidak lewat
jam 2.00 Petang



Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Di Dalam

Kelas:
V & VI Sahaja

Kategori:
KA01

Tarikh Mengambil Dokumen Tawaran:
1 April 2026

Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Tawaran :
Tidak Lewat Dari Jam 3.00 Petang, Selasa, 21 April 2026

Tarikh Tutup Tawaran:
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang, Selasa, 28 April 2026

Bilangan:
JKR / DOR / SRM 14 / 2026

Nama Projek :
Pengurusan Berintegrasi Bagi Kerja-Kerja Pemeliharaan Rutin dan Perabot Keselamatan Jalan Raya Di Lebuhraya Muara Tutong.

Yuran Tawaran :
BND500.00 (Tidak Dikembalikan)

E-Dokumen:
Tidak Ada



KEMENTERIAN PERTAHANAN

Rujukan Tawaran :
MINDEF / DFA / FY2026 / ITAU / TA / GEN / 003
[JPPK / LTK / 02 / 2026]
Three (3) Years Term Contract For The Operational Maintenance And Corrective Repair Works Of Housing Within MINDEF Hiring Acomodations At Pangsa Idaman, Perumahan RIPAS and Seri Complex Flat

Yuran Tawaran:
BND30.00 (Tidak dikembalikan)

Yuran Dokumen
(MINDEF SOR 2019):
(Tidak Dikembalikan)
BND500.00 satu set
(dalam bentuk CD)*

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah pada **Selasa, 5 Mei 2026**

Tarikh Tutup Tawaran:
19 Mei 2026 (Selasa)



Rujukan Tawaran :
MINDEF / DFA / FY2026 / ITAU / TA / GEN / 002
[JPPK / LTK / 01 / 2026]
Three (3) Years Term Contract For The Operational Maintenance And Corrective Repair Works Of RBAF Facilities Within Protected Area

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran Dokumen
(MINDEF SOR 2019):
(Tidak Dikembalikan)
BND500.00 satu set
(dalam bentuk CD)*

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah pada **Selasa, 5 Mei 2026**

Tarikh Tutup Tawaran:
19 Mei 2026
(Selasa)



Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2026 / GCAU / TL / TA / 6002
Pembelian Alat Pengeledahan Kapal (Ship Boarding) Bagi Kegunaan Komando Tier 2 Grup Tindak Permukaan Laut

Yuran Tawaran:
BND 10.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah satu (1) minggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu

Selasa, 12 Mei 2026.

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
19 Mei 2026,
2.00 Petang



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI

Rujukan Tawaran:
JPA / 1.4 / UPP / KONTRAK

Tajuk Tawaran:
Membekal Dan Menjahit Pakaian Seragam Pembantu Pejabat Lelaki dan Perempuan Di Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan Kerajaan

Bayaran Tawaran:
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup:
Selasa,
5 Mei 2026




**JABATAN DAERAH TUTONG
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**
1. Bilangan Tawaran:

JDT / UTS / HK-80 / 2026 / 01

Tajuk Tawaran:

Sebut Harga Bagi Menyediakan dan Membekal Persantapan / Perjamuan Semasa Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Bercemar Duli Ke Majlis Ramah Mesra dan Junjung Ziarah Bersama Rakyat dan Penduduk Daerah Tutong Sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-80 Bagi Daerah Tutong

2. Bilangan Tawaran:

JDT / UTS / HK-80 / 2026 / 02

Tajuk Tawaran:

Sebut Harga Perkhidmatan Sewaan, Membekal dan Memasang Sistem P.A, Sistem Bunyi dan Sistem Pencahayaan Bagi Acara Pentas Perayaan Sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-80 Bagi Daerah Tutong

3. Bilangan Tawaran:

JDT / UTS / HK-80 / 2026 / 03

Tajuk Tawaran:

Sebut Harga Membekal dan Memasang Khemah Roder Tentage Bagi Acara Pentas Perayaan Sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-80 Bagi Daerah Tutong

Yuran Tawaran:

BND5.00

Tarikh Tutup :

 Isnin,
11 Mei 2026

1. Bilangan Tawaran:

JDT / UTS / HK-80 / 2026 / 04

Tajuk Tawaran:

Menyediakan Perkhidmatan Pengurusan Acara (Event Management) Bagi Persembahan Khas Majlis Ramah Mesra dan Junjung Ziarah Bersama Rakyat dan Penduduk Daerah Tutong Sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-80 Bagi Daerah Tutong

2. Bilangan Tawaran:

JDT / UTS / HK-80 / 2026 / 05

Tajuk Tawaran:

Perkhidmatan Percetakan Kad-Kad Jemputan, Kad-Kad Masuk, Buku Menu, Buku Program dan Lembaran Kenangan Bagi Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk Daerah Tutong

3. Bilangan Tawaran:

JDT / UTS / HK-80 / 2026 / 06

Tajuk Tawaran:

Sebut Harga Membekal dan Memasang Khemah Bagi Upacara Menaikkan dan Menurunkan Bendera Sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-80 Bagi Daerah Tutong

4. Bilangan Tawaran:

JDT / UTS / HK-80 / 2026 / 07

Tajuk Tawaran:

Sebut Harga Bagi Perkhidmatan Sewaan, Membekal Dan Memasang Sistem P.A, Sistem Bunyi dan Sistem Pencahayaan Bagi Latihan dan Acara Kemuncak Persembahan Khas Sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-80 Bagi Daerah Tutong

Yuran Tawaran:

BND5.00

Tarikh Tutup :

 Isnin,
11 Mei 2026

**INSTITUT PENDIDIKAN
TEKNIKAL BRUNEI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN**
Bilangan Tawaran:

 IBTE / TB / 005 / TK26-27
[CCA-APR-2026]

Keterangan:

Perkhidmatan Pembekalan, Pembuatan dan Penghantaran Baju CCA Lengkap Dengan Logo Rasmi "IBTE" Bagi Pelajar-Pelajar Institut Pendidikan Teknikal Brunei, Negara Brunei Darussalam Bagi Tempoh Kontrak Empat (4) Tahun

**Bayaran Yuran /
Dokumen Tawaran:**

 BND30.00
(Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran tidak dikembalikan)

Bilangan Tawaran:

 IBTE / TB / 006 / TK26-27
[CT-APR-2026]

Keterangan:

Perkhidmatan Pembekalan, Pembuatan dan Penghantaran Baju Coverall (Fire-Retardant Dan Non Fire-Retardant) Dan Tudung (Fire-Retardant) Lengkap Dengan Logo Rasmi "IBTE" Bagi Pelajar-Pelajar Institut Pendidikan Teknikal Brunei, Negara Brunei Darussalam Bagi Tempoh Kontrak Empat (4) Tahun

**Bayaran Yuran / Dokumen
Tawaran:**

 BND50.00
(Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran tidak dikembalikan)

Bilangan Tawaran:

 IBTE / TB / 0074 / TK26-27
[SB-APR-2026]

Keterangan:

Perkhidmatan Pembekalan dan Penghantaran Kasut / But Keselamatan (Safety Shoes / Boots) Bagi Pelajar-Pelajar Institut Pendidikan Teknikal Brunei, Negara Brunei Darussalam Bagi Tempoh Kontrak Empat (4) Tahun

**Bayaran Yuran /
Dokumen Tawaran:**

 BND50.00
(Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran tidak dikembalikan)

**Tarikh Tutup
Dan Waktu:**

 20 Mei 2026
(Tidak lewat Jam 2.00 Petang)


 سورونجاي فرخدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

**IKLAN JAWATAN KOSONG
PERKHIDMATAN AWAM**

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

PERINGATAN PENTING

1. Teliti Skim Iklan sebelum memohon.
2. Profili yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat kelayakan skim iklan akan ditolak.
1. Lengkapkan Profil PSCR 2.0 (www.recruitment.gov.bn)
2. Lengkapkan Kelulusan (Deputian / Jemputan serta subjek / bidang kelulusan)
3. Muat naik dokumen kelulusan yang lengkap (Fotografi dan pengiraan Poin Kelulusan Pengiraan Kelulusan (PSPK) yang berkesan)
4. Tandakan " " pada kotak semak "Jawatan Sekarang" di dalam ruangan "Pengalaman Kerja Kerajaan"
5. Lengkapkan Maklumat (Borang / paparan / Papan Perkhidmatan Awam / Isian bilah / kelayakan profesional dan lain-lain yang diperyaratkan di dalam skim iklan)



JAWATAN, TANGGA GAJI DAN BILANGAN IKLAN	URUS SETIA PENGAMBILAN	KEKOSONGAN	JENIS IKLAN	TARIKH TUTUP PERMOHONAN
1. PEMBANTU MERINYU PEMASANGAN JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK JABATAN PERDANA MENTERI D.1-2-3 EB.4-5 (BAHAGIAN IV) 2026/APR/06/JPM	JABATAN PERDANA MENTERI	01	7(A)	29 APRIL 2026
2. PENOLONG PEGAWAI PERPUSTAKAAN TINGKAT I KEMENTERIAN KESIHATAN C.3-4 EB.5 (BAHAGIAN III) 2026/APR/02/KKS	KEMENTERIAN KESIHATAN	01	7(A)	29 APRIL 2026
3. PENYELIA RUMAH-RUMAH JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN D.3 EB.4-5 (BAHAGIAN IV) 2026/APR/02/KKBS	KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN	02	7(A)	04 MEI 2026
4. PEKERJA AM TINGKAT KHAS KEMENTERIAN KESIHATAN D.1-2-3 EB.4-5 (BAHAGIAN IV) 2026/APR/04/KKS	KEMENTERIAN KESIHATAN	10	7(A)	04 MEI 2026
5. PEGAWAI PERANGKAIAN JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK, KEMENTERIAN KEWANGAN B.2 EB.3 (BAHAGIAN II) 2026/APR/01/KKW	KEMENTERIAN KEWANGAN	01	7(A)	04 MEI 2026
6. PEGAWAI BAHASA DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN B.2 EB.3 (BAHAGIAN II) 2026/APR/04/KKBS	KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN	01	7(A)	04 MEI 2026
7. JURUTEKNIK BAHAGIAN PENYAKIT JANTUNG PERCUBAAN/TERLATIH JABATAN PERKHIDMATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN, KEMENTERIAN KESIHATAN M.4 EB.5-6 (BAHAGIAN IV) 2026/APR/05/KKS	KEMENTERIAN KESIHATAN	07	7(A) JKK-MOH	04 MEI 2026
JAWATAN, TANGGA GAJI DAN BILANGAN IKLAN	URUS SETIA PENGAMBILAN	JENIS IKLAN	TARIKH TUTUP PERMOHONAN	
1. INSPEKTOR PERCUBAAN PASUKAN POLIS DIRAJA BRUNEI, JABATAN PERDANA MENTERI PD.9 (BAHAGIAN III) 2026/APR/08/JPM	PASUKAN POLIS DIRAJA BRUNEI	7(A) LUAR BIDANG KUASA	06 MEI 2026	
2. PENOLONG Penguasa Polis PASUKAN POLIS DIRAJA BRUNEI, JABATAN PERDANA MENTERI PD.13 (BAHAGIAN II) 2026/APR/07/JPM	PASUKAN POLIS DIRAJA BRUNEI	7(A) LUAR BIDANG KUASA	06 MEI 2026	

 SEBARANG PERTANYAAN BOLEH DIKEMUKAKAN KEPADA PASUKAN POLIS DIRAJA BRUNEI SEPERTI BERIKUT:
EMEL: cpu@police.gov.bn
NO. TELEFON: 2459500 EXT 725.

TANDA KEPRIHATINAN, SOKONGAN TERHADAP KESEJAHTERAAN PENDUDUK MEMERLUKAN

■ Berita dan Foto : Ihsan Media Team, Mukim Berakas 'B'



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 22 April. - Di bawah payung Program Sentuhan Ihsan : Menyantuni Komuniti, satu lawatan ziarah telah diadakan ke kediaman seorang penduduk

bersama Pemangku Ketua Kampung Madang, Awang Mohamad Norfarzulillah bin Haji Gapar.

Semasa lawatan berkenaan, barangan asasi telah disampaikan sebagai tanda keprihatinan dan sokongan berterusan terhadap kesejahteraan penduduk yang memerlukan, sekali gus membantu meringankan beban kehidupan harian penerima selain mendapatkan beberapa maklumat mengenai keadaan rumah beliau yang memerlukan perhatian khas.

Program Sentuhan Ihsan yang membawa *tagline* 'Keprihatinan Menghidupkan Harapan' berteraskan nilai ihsan, kebersamaan dan keprihatinan, merupakan inisiatif berterusan dalam menyantuni komuniti tanpa mengira latar belakang.

Program berkenaan telah mula diperkenalkan pada bulan Ramadan yang lalu melalui penganjuran 'Sentuhan Ihsan : Ramadan' serta 'Sentuhan Ihsan : Kasih Anak Yatim', yang menjadi titik permulaan kepada pelaksanaan berterusan inisiatif kebajikan berkenaan.

Kehadiran rombongan berkenaan mencerminkan komitmen berterusan kepimpinan penghulu bersama ketua-ketua dan pemangku-pemangku ketua



PENGHULU Mukim Berakas 'B' bersama Pemangku Ketua Kampung Madang di kediaman seorang penduduk Kampung Madang, di mana barangan asasi telah disampaikan sebagai tanda keprihatinan dan sokongan berterusan terhadap kesejahteraan penduduk yang memerlukan (atas dan kiri).

kampung (PMKK) dalam mendekati masyarakat serta memastikan kebajikan penduduk sentiasa diberi perhatian, selaras dengan saranan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman pada sesi muzakarah baru-baru ini, iaitu agar

pendekatan turun padang dan pemantauan kebajikan penduduk terus diperkukuh menerusi perkhidmatan kepada masyarakat.

Bantuan kebajikan, tidak harus hanya tertumpu pada bulan-bulan tertentu sahaja, namun sepanjang tahun dan setiap masa mengikut keperluan.

Kempen kebersihan tekankan kepentingan melestarikan alam sekitar



SERAMAI 67 peserta, termasuk 45 kakitangan dari VAM@BRN Sdn. Bhd. dan 22 sukarelawan dari Green Brunei dan V-Fast Brunei menyertai kempen kebersihan di Kampung Ayer dan telah mengumpulkan sebanyak 32 beg sisa seberat 188.8 kilogram (kiri dan bawah kiri).

Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, serta Jabatan Kerja Raya, dan Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi di bawah Kementerian Pembangunan, mencerminkan pendekatan pelbagai pihak yang kukuh terhadap penjagaan alam sekitar.

Pengarah Serantau, Asia, EARTHDAY.ORG, Karuna Singh, berkata: "Kita digalakkan untuk melihat kepimpinan belia dan penyertaan komuniti memacu Great Global Cleanup. Inisiatif seperti ini menunjukkan kuasa tindakan kolektif dalam mengurangkan pencemaran dan melindungi laluan air di seluruh dunia".

Kampung Ayer terus menghadapi cabaran daripada sisa domestik dan serpihan terapung, memahami keperluan untuk tindakan yang diterajui komuniti yang berterusan untuk melindungi kawasan budaya yang penting ini.

Inisiatif ini menyokong Wawasan Brunei 2035 dan Dasar Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam (BNCCP), khususnya Strategi 10 mengenai kesedaran dan pendidikan.



■ Siaran Akhbar dan Foto : Green Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 22 April. - Sempena Hari Bumi (Earth Day) Ke-56, VAM@BRN Sdn. Bhd. dan Green Brunei menganjurkan kempen membersihkan sungai di Kampung Ayer, sebagai sebahagian daripada kempen 'Great Global Cleanup'.

Inisiatif tersebut menghimpunkan 67 peserta, termasuk 45 kakitangan dari VAM@BRN Sdn. Bhd. dan 22 sukarelawan dari Green Brunei dan V-Fast Brunei.

Pasukan telah ditempatkan di tiga lokasi iaitu di Kampung Setia 'B', Kampung Sungai Kebun dan Kampung Bakut, sekitar Kampung Ayer, salah satu perkampungan atas air terbesar

di dunia.

Sebanyak 32 beg sisa seberat 188.8 kilogram telah dikutip dari sungai dan laluan air sekitarnya.

Pengurus Kanan VAM@BRN Sdn. Bhd., Shuhei Oda, memulakan acara dengan ucapan alu-aluan, beliau menekankan kepentingan perlindungan alam sekitar, acara diteruskan dengan pembahagian pasukan ke zon masing-masing.

Kempen tersebut turut disokong oleh agensi kerajaan utama, termasuk Jabatan Daerah Brunei dan Muara, Jabatan Bandar Seri Begawan, Jabatan Bomba dan Penyelamat di bawah

DERMAGA WEEKEND NIGHT MARKET MEMPERKASA USAHAWAN TEMPATAN



PERASMIAN Dermaga Weekend Night Market disempurnakan oleh Pemangku Pengerusi Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan (atas kiri dan atas kanan).

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 23 April. - Dermaga Weekend Night Market membuka tirai malam ini dengan Majlis Perasmiannya di Kawasan Lapang Dermaga



Diraja yang disempurnakan oleh Pemangku Pengerusi Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan, Pengiran Haji Liyan bin Pengiran Haji Mohammad. Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan telah melantik Syarikat AIZ Event Planner and Management untuk mengendalikan Dermaga Weekend Night Market setiap hujung minggu, dengan variasi vendor dan aktiviti yang sentiasa diperbaharui bagi menawarkan pengalaman yang berbeza kepada pengunjung

SEKITAR Dermaga Weekend Night Market yang dikendalikan oleh Syarikat AIZ Event Planner and Management (kiri dan atas kanan).



setiap kali kunjungan.

Inisiatif ini direka sebagai platform untuk memperkasakan usahawan tempatan, khususnya peniaga makanan dan pengusaha produk kreatif, di samping menghidupkan suasana santai dan meriah di kawasan ikonik Dermaga Diraja.

Para pengunjung akan dapat menikmati pelbagai pilihan makanan tempatan, persembahan muzik secara langsung serta pelbagai aktiviti komuniti yang sesuai untuk semua peringkat umur.

Acara ini bukan sekadar sebuah pasar malam biasa, tetapi satu usaha berterusan untuk membina ekosistem yang menyokong pertumbuhan perusahaannya kecil dan sederhana serta menghidupkan semula suasana malam di ibu negara.



"Fokus kami adalah untuk mewujudkan ruang di mana komuniti dapat berkumpul, menyokong peniaga tempatan dan menikmati pengalaman yang autentik. Ini adalah tentang 'lokal untuk lokal'," menurut wakil penganjur. Orang ramai dijemput untuk hadir bersama keluarga dan rakan-rakan bagi merasai sendiri suasana unik Dermaga Weekend Night Market.

Meningkatkan pengetahuan, kemahiran kreatif seni memanik

Berita dan Foto : Nurdiyana Rajami



BENGKEL Kemahiran Asas Memanik tersebut memberikan pengenalan mengenai peralatan bahan-bahan memanik, asas dan teknik sulaman manik, di samping memberi peluang para peserta membuat praktikal kemahiran.

TUTONG, Rabu, 22 April. - Jabatan Belia dan Sukan (JBS), Cawangan Daerah Tutong telah menganjurkan satu program, iaitu Bengkel Kemahiran Asas Memanik selama dua hari bermula hari ini sehingga 23 April 2026, bertempat di Pusat Belia Tutong.

Bengkel yang bermula seawal

jam 8.00 pagi hingga 4.00 petang berkenaan merupakan satu inisiatif yang bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran para peserta bengkel terhadap kemahiran kreatif dan teknologi secara asas dan praktikal.

Seramai 25 belia yang berumur

di antara 18 hingga 35 tahun telah menyertai bengkel berkenaan. Tenaga pengajar bagi bengkel tersebut ialah Dayang Ajitah binti Haji Lampong, dari Pusat Pembangunan Belia.

Antara pengisian bengkel adalah para peserta diberikan pengenalan mengenai peralatan bahan-bahan memanik, asas dan teknik sulaman manik. Selain itu, mereka juga berpeluang untuk membuat praktikal kemahiran yang mereka peroleh.

Manakala, pada hari kedua pula, mereka akan dinilai semua hasil sulaman manik dari segi kemasan dan kreativiti masing-masing. Selain menimba pengalaman dari segi kemahiran asas memanik, para peserta juga didedahkan dengan nilai keusahawanan.

Berkesempatan ditemu bual oleh Pelita Brunei, Penolong Penyelaras Program Bengkel Kemahiran Asas Memanik, Dayang Nurul Azira binti Mohammad Suhaimi Al-Islam antaranya menjelaskan, seni memanik merupakan satu bentuk kraf tangan yang mempunyai nilai estetik dan juga potensi komersial.

"Oleh itu, begitu penting untuk generasi masa kini mempelajari dan memelihara kemahiran ini agar ia tidak hilang ditelan zaman,

malah boleh dikembangkan sebagai satu sumber pendapatan.

"Kami juga begitu berharap agar para peserta dapat memanfaatkan segala ilmu yang dipelajari sepanjang bengkel ini sama ada sebagai hobi mahupun kemahiran yang boleh dikembangkan ke arah keusahawanan.

"Kami juga berharap bengkel seperti ini akan terus mendapat

sambutan pada masa yang akan datang," ujarnya.

Sehubungan dengan itu, majlis penutup dan penyampaian sijil bagi bengkel berkenaan akan diadakan pada hari kedua sebelah petang yang akan disempurnakan oleh Ketua Cawangan JBS, Daerah Tutong, Dayang Amhra Farahiyah binti Haji Mohd. Hamdilah.

Semak kesahihan maklumat sebelum dikongsikan

Siaran Akhbar: Pasukan Polis Diraja Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 23 April. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) ingin menjelaskan kepada orang ramai bahawa mesej tular di media sosial, yang menyatakan dua individu tempatan telah melakukan rompakan maruah dan kini bersembunyi di hotel serta sedang dicari oleh pihak polis, adalah maklumat palsu dan tidak benar.

PPDB memaklumkan bahawa tidak ada sebarang laporan atau aduan berkenaan kejadian tersebut telah diterima dan siasatan telah dijalankan bagi mendapatkan punca bagi fitnah tersebut.

Penyebaran dokumen pengenalan diri individu-individu berkenaan secara tular di media sosial tanpa sebarang asas adalah perbuatan yang tidak bertanggungjawab. Tindakan sedemikian bukan sahaja menjejaskan maruah dan kesejahteraan mangsa yang difitnah, malah boleh mengganggu ketenteraman awam.

PPDB menyeru orang ramai agar tidak menyebarkan sebarang maklumat yang tidak disahkan oleh pihak berkuasa, dan supaya sentiasa menyemak kesahihan sesuatu maklumat sebelum dikongsikan.

PPDB ingin mengingatkan bahawa menyebarkan maklumat palsu merupakan satu kesalahan di sisi undang-undang dan boleh didakwa mengikut Seksyen 500 Kanun Hukuman Jenayah (Penggagal 22) dan Seksyen 34 Akta Ketenteraman Awam (Penggagal 148) yang membawa hukuman penjara dan / atau denda, jika sabit kesalahan.



Buku artifak budaya, rentas tradisi generasi sepanjang zaman

Oleh : Ak. Jefferi Pg. Durahman
Foto : Jabatan Penerangan

PERTUBUHAN Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) mengisytiharkan 23 April sebagai Hari Buku Sedunia dengan tujuan untuk menggalakkan budaya membaca, penerbitan dan pemeliharaan hak cipta buku.

Di samping itu, ia merupakan sambutan global yang bertujuan untuk menghargai buku, penulis dan budaya membaca. Kepentingan membaca untuk keseronokan dan menggalakkan individu terutamanya kanak-kanak dan remaja untuk memilih bahan bacaan yang mereka gemari tanpa tekanan atau paksaan.

Hari Buku Sedunia 2026 sebagai satu lagi usaha besar untuk menginspirasi masyarakat agar mencintai buku dan suka membaca khususnya dalam kalangan kanak-kanak dan seluruh masyarakat amnya. Usaha ini juga merupakan upaya dalam menekankan lagi tentang kepentingan membaca sebagai jambatan ilmu kepada semua kalangan masyarakat.

Buku dan peranannya

Buku memainkan peranan penting dalam memajukan kehidupan manusia dari segi memahami trend, konsep dan fenomena baharu. Melalui buku, manusia dapat memajukan diri mereka, taraf kedudukan mereka serta memberikan pandangan baharu dalam bidang tertentu.

Buku juga boleh dianggap sebagai artifak budaya kerana kandungannya merentas tradisi, bangsa serta generasi untuk sepanjang zaman. Penggunaan buku bukan sahaja memberikan impak dan perjalanan pengetahuan untuk setiap generasi, tetapi

juga turut menghubungkan generasi dari satu abad ke abad yang lain. Bahkan penulisan buku juga turut dianggap sebagai sesuatu yang istimewa kerana buku memberikan peluang kepada pembaca untuk mendekati dan menyentuh tamadun di seluruh dunia dalam pelbagai cara dari segi rohani dan intelek. Buku juga disifatkan sebagai harta yang tidak ternilai kerana di dalamnya terkandung ekspresi pengetahuan yang disatukan untuk dikongsi dengan orang lain.

Buku juga selain sebagai bahan bacaan di mana jua kita menginginkannya, buku juga dapat menambahkan pengetahuan dan meningkatkan daya pemikiran manusia. Menerusi buku, konsep yang berbeza dapat didedahkan dan pelbagai warna budaya di seluruh dunia dapat diperkenalkan. Buku menerusi pembacaan terhadapnya dapat menyuntik kesedaran tentang kepelbagaian masyarakat dan tamadun yang terdapat di seluruh dunia apabila seseorang itu dapat meneroka masa lalu, kini dan masa hadapan di samping dapat menyelesaikan pelbagai masalah.

Menghilangkan tekanan / mengukuhkan ingatan, kemahiran bahasa

Membaca buku merupakan ubat paling mujarab untuk menghilangkan tekanan kerana dengan membaca, seseorang akan dibawa ke dunia imaginasi. Dunia bukan sahaja dapat meringankan beban tetapi dapat memupuk kreativiti dan dapat memberi inspirasi serta mendorong pembaca mengubah kehidupan menerusi aura dan tenaga positif. Ianya juga dapat mengaktifkan ingatan visual kerana ketika ingatan tersebut diaktifkan, cerita akan tergambar di hadapan

mata dan sekiranya pembacaan dilakukan dengan lebih kerap secara spontan, pembaca akan dapat menghafal isi kandungan buku tersebut dan di sinilah buku merupakan medium terpenting untuk meningkatkan daya ingatan. Apa yang istimewanya, membaca buku dapat menjadikan seseorang pembaca tersebut menguasai pelbagai bahasa hanya dengan membaca buku.

Objektif Hari Buku Sedunia

Antara objektif sambutan ini diadakan adalah untuk memperkasa budaya membaca yang berterusan dalam kalangan masyarakat, menggalakkan masyarakat terutama kanak-kanak meneroka dan menikmati keseronokan membaca buku, mendedahkan kepada generasi muda tentang peri pentingnya membaca buku, menggalakkan masyarakat berkarya melalui amalan budaya membaca yang dapat membina keyakinan diri dan mampu meningkatkan kemahiran berkomunikasi apabila berhadapan dengan khalayak ramai.

Sambutan ini juga bertujuan untuk menyuntik budaya membaca terutamanya generasi muda dan menanamkan sikap cintakan ilmu melalui aktiviti yang berkaitan dengan pembacaan.

Sambutan Hari Buku Sedunia disambut adalah untuk meningkatkan minat membaca di kalangan masyarakat global. Dalam konteks ini, ianya bukan hanya sekadar mengenang jasa para penulis, tetapi juga sebagai ajakan untuk masyarakat agar terlibat dalam dunia literasi.

Perlindungan terhadap hak cipta penulis menjadi fokus penting, dengan harapan agar generasi muda dapat mengenali nilai dari karya intelektual. Generasi sekarang

diharapkan untuk mulai mencintai buku, yang tidak hanya memberikan hiburan tetapi juga pengetahuan berharga.

Lebih dari sekadar sambutan, Hari Buku Sedunia yang jatuh setiap 23 April ini adalah pengingat akan kekuatan buku dalam menghubungkan masa lalu dengan masa depan, memperkaya pengetahuan, dan membentuk karakter individu. Penekanan pada perlindungan hak cipta dan pentingnya literasi menjadi warisan yang akan terus hidup dalam generasi mendatang.

Tujuan memperingati Hari Buku Sedunia

Buku adalah jendela dunia, buku juga bagaikan jendela menuju dunia lain dengan setiap halaman baru, buku memperkenalkan kita pada orang-orang baharu, budaya baharu dan idea-idea baharu. Tujuan memperingati Hari Buku dan hak cipta sedunia adalah:

- Menghormati warisan sastera dunia melalui pengenalan karya para penulis legenda
- Mendorong minat membaca, khususnya di kalangan anak-anak dan generasi muda
- Meningkatkan kesedaran akan pentingnya buku sebagai sumber pengetahuan dan transformasi sosial
- Melindungi hak cipta sebagai bentuk penghargaan terhadap kreativiti penulis dan penerbit.

Buku juga dimengertikan sebagai jendela pengetahuan dan wawasan, buku juga membuka akses terhadap ilmu pengetahuan, sejarah, budaya dan perspektif baru yang memperkaya cara berfikir. Dengan membaca seseorang itu juga dapat meraih idea-idea terkini dan membantu mengembangkan kemampuan berfikir kritis dan empati.



مُسَابَقَةُ مَبَاحِ الْقُرْآنِ

 بهائين ديواس فوٹو گمشاد

 تاحون ۱۴۴۷ھ / ۲۰۲۶م

PESERTA QARI

 Yang Mulia Ahmad Zulwaqar bin Haji Suhaili	 Yang Mulia Pengiran Muhd Amirul Aiman bin Pengiran Haji Marjuki	 Yang Mulia Awangku Adi Nazri bin Pengiran Haji Jofri
 Yang Mulia Awang Haji Hazwan bin Haji Salim	 Yang Mulia Awang Mohammad Ayob bin Ali	 Yang Mulia Awang Ahmad Naufal bin Haji Nor Asman



مُسَابَقَةُ مَبَاحِ الْقُرْآنِ

 بهائين ديواس فوٹو گمشاد

 تاحون ۱۴۴۷ھ / ۲۰۲۶م

PESERTA QARIAH

 Yang Mulia Dayangku Siti Ummi Syazana binti Pengiran Haji Marjuki	 Yang Mulia Dayang Amal Nazirah binti Haji Asmat	 Yang Mulia Nur Amal Atiqah @ Aida binti Haji Sudirman
 Yang Mulia Dayangku Alma Hazirah binti Pengiran Haji Jofri	 Yang Mulia Dayang Nureen binti Mohd Salleh	 Yang Mulia Dayang Nurhaneyah binti Nordin

2382525 / 2382301 / 2382302

WWW.MORA.GOV.BN

KHEU.BRUNEI

Memperkukuh usaha memartabatkan penghayatan Al-Quran

Oleh : Hezlinawati Haji Abd Karim
 Foto : Jabatan Penerangan
 Poster : Kementerian Hal Ehwal Ugama

MUSABAQAH Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi akan diadakan selama tiga malam berturut-turut mulai pada hari Isnin, Selasa dan Rabu, 27, 28 dan 29 April 2026M bertempat di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas. Seramai enam peserta akan memperdengarkan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran pada malam pertama musabaqah diadakan iaitu tiga peserta qari dan tiga peserta qariah, manakala enam peserta lagi akan memperdengarkan bacaan mereka pada malam kedua diadakan, juga tiga peserta qari dan tiga peserta qariah.

Penganjuran musabaqah tahun ini yang bertemakan 'Mengukuhkan Pembelajaran Al-Quran dan Menghayati Ajarannya' antara lain bertujuan untuk memberi pendedahan dan dorongan kepada para qari dan qariah negara dalam mempertingkatkan mutu bacaan Al-Quran, menggalakkan masyarakat Islam di negara ini mendalami ilmu tajwid dan kaedah bacaan yang betul, serta memupuk kecintaan terhadap Al-Quran sebagai panduan hidup.

Pada Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1446H / 2025M, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah :

"Musabaqah Membaca Al-Quran seperti ini memainkan peranan besar dalam meningkatkan kecintaan umat Islam terhadap Al-Quran. Bacaan yang tartil dan

indah menyentuh hati, sementara penghayatan isi kandungannya menggerakkan akal untuk berfikir secara mendalam dan bijaksana. Firman Allah Subhanahu Wata'ala, dalam Surah Al-An'am ayat 50 yang tafsirnya : "Tidakkah kamu mahu berfikir?".

Ayat ini titah baginda menyeru umat Islam untuk menggunakan akal dengan penuh hikmah, berpandukan Al-Quran dalam segala aspek kehidupan. Kebawah Duli Yang Maha Mulia seterusnya bertitah akal yang sihat adalah asas kepada masyarakat yang maju dan sejahtera. Kecemerlangan akal titah baginda lagi hanya dapat dicapai apabila ia dipandu oleh wahyu Ilahi iaitu Al-Quran. Al-Quran mendidik akal untuk mengenal perkara-perkara baik dan buruk, memberi pertimbangan yang adil, serta menyatukan ilmu duniawi dengan nilai-nilai ukhrawi. Oleh itu, titah Baginda usaha menjaga kesahihan dan kesucian mushaf Al-Quran adalah satu amanah yang mesti diberi perhatian utama.

Bengkel Taranum

Sebagai persiapan sebelum berlangsungnya Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1447H / 2026M ini, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Bahagian Kemajuan Syiar Islam telah mengunyahkayahkan Bengkel Taranum Al-Quran bagi Tahun 1447H / 2026M. Bengkel diadakan selama lima hari berturut-turut bermula 22 hingga 26 Syaaban 1447H bersamaan 10 hingga 14 Februari 2026M lalu bertempat di Dewan Multaqa, Bangunan Tambahan, KHEU.

Bengkel seumpama ini berperanan sebagai platform kepada para qari dan qariah negara untuk menjalani latihan secara bersemuka bersama pembengkel yang berpengalaman dan berkemahiran dalam bidang bacaan Al-Quran. Melalui bengkel ini, para peserta berpeluang meneliti serta mempertingkatkan mutu bacaan mereka secara lebih terperinci, di samping memperluas ilmu pengetahuan dalam bidang teranum dan ilmu Al-Quran.

Bengkel yang dibimbing oleh pembengkel jemputan dari Malaysia itu antara lain mempunyai objektif untuk memastikan para qari dan qariah bersiap sedia untuk menyampaikan bacaan yang terbaik dan persembahan yang berkualiti tinggi setaraf dengan qari dan qariah antarabangsa. Dengan adanya bengkel itu juga diharap

akan dapat memperkasa bacaan qari dan qariah dengan kaedah-kaedah bacaan dan lagu Al-Quran yang segar dan berbeza daripada lazimnya.

Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Kebangsaan merupakan projek tahunan KHEU yang dilaksanakan secara berperingkat, bermula dengan peringkat saringan kebangsaan, diikuti dengan peringkat separuh akhir dan seterusnya peringkat akhir kebangsaan. Dengan penganjuran musabaqah berkenaan juga diharap ia terus menjadi platform yang berprestij dalam melahirkan lebih ramai qari dan qariah berkualiti serta memperkukuh usaha negara dalam memartabatkan syiar Islam dan penghayatan Al-Quran di Negara Brunei Darussalam. Musabaqah tahun ini dikendalikan bersama oleh KHEU, Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Pendidikan, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi dan Data Stream Digital Sendirian Berhad.



UTAMAKAN KESEDARAN, PENJAGAAN KESIHATAN DI TEMPAT KERJA



PEMBENTANGAN telah disampaikan oleh Neurosurgery Medical Officer dari Brunei Neuroscience Stroke and Rehabilitation Centre of Jerudong Park Medical Centre, Dr. Theint Thiri Nway (atas kanan). Sementara gambar atas, para kakitangan Brunei Methanol Company Sdn. Bhd. yang hadir di sesi berkenaan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 22 April. - Sempena dengan Hari Kesihatan Sedunia 2026 yang diraikan pada 7 April 2026, Brunei Methanol Company Sdn. Bhd. (BMC) mengukuhkan komitmennya terhadap kesejahteraan pekerja melalui ceramah kesedaran kesihatan yang diadakan hari ini. Inisiatif berkenaan dilaksanakan dengan kerjasama Brunei Neuroscience Stroke and Rehabilitation Centre (BNSRC) of Jerudong Park Medical Centre (JPMC), sebagai sebahagian daripada usaha berterusan mereka untuk memperluaskan kesedaran mengenai strok di luar persekitaran klinikal ke komuniti tempat kerja, selaras dengan inisiatif kesedaran Hari Strok Sedunia. Sesi berkenaan menampilkan pembentangan yang bermanfaat oleh Neurosurgery Medical Officer dari BNSRC, Dr. Theint Thiri

Nway. Ceramah tertumpu kepada pendidikan mengenai strok, pencegahan serta pengenalpastian awal simptom, dengan penekanan khusus kepada strok hemoragik di bawah tema 'Understanding Hypertensive Hemorrhagic Stroke: A Silent Killer'. Mesej utama yang ditekankan melalui sesi berkenaan ialah kepentingan tindak balas yang pantas dalam kes strok yang disyaki, dengan menegaskan bahawa 'Every Minute Counts' dalam meningkatkan kadar kelangsungan hidup dan mengurangkan komplikasi jangka panjang. Para peserta turut dibimbing tentang cara mengenal pasti tanda amaran awal strok, membantu mengurangkan kelewatan dari permulaan simptom hingga rawatan, seterusnya menyokong hasil pemulihan yang lebih baik. Untuk meningkatkan lagi penglibatan dan pembelajaran, program berkenaan turut

Siaran Akhbar dan Foto : Brunei Methanol Company Sdn. Bhd.



merangkumi simulasi pesakit strok, permainan interaktif, pameran pendidikan serta soal jawab. Aktiviti-aktiviti berkenaan memberikan pemahaman praktikal secara langsung kepada para pekerja dalam format yang mudah difahami dan menarik. Melalui inisiatif berkenaan, BMC terus memupuk budaya tempat kerja yang mengutamakan kesedaran kesihatan, pencegahan dan penjagaan, di samping mengukuhkan kerjasama dengan rakan kongsi penjagaan kesihatan dalam memajukan kesejahteraan masyarakat.

Sebuah syarikat dikenakan denda kompaun BND4,000

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Daerah Brunei dan Muara



SYARIKAT yang disasarkan dalam operasi berkenaan telah diarahkan untuk membersihkan dan menjelaskan denda kompaun atas kesalahan di bawah Akta Kesalahan-kesalahan Rampaian (Penggagal 30) dalam tempoh masa tujuh hari.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 22 April. - Jabatan Daerah Brunei dan Muara (JDBM) melalui Bahagian Perlesenan dan Penguatkuasaan telah melaksanakan Operasi Bersih di kawasan Kampung Mulaut. Sasaran operasi kali ini adalah sebuah syarikat yang menggunakan tanah milik kerajaan sebagai tempat membuang dan melonggokkan sampah tanpa kebenaran. Syarikat berkenaan telah ditawarkan denda kompaun berjumlah BND4,000 atas kesalahan di bawah Akta Kesalahan-kesalahan Rampaian (Penggagal 30). Tawaran kompaun berkenaan adalah pada 21 April 2026. Syarikat tersebut ialah Vaithi Automobile Services Sdn. Bhd. dan didapati melakukan kesalahan di bawah Bab 12 (1) (e) (i), dan Bab 12 (1) (f) (i), masing-masing dikenakan denda kompaun berjumlah BND2,000.

Syarikat berkenaan diarahkan untuk membersihkan dan menjelaskan denda kompaun dalam tempoh masa tujuh hari. Jika gagal, kes berkenaan akan di bawa ke mahkamah di bawah Akta Kesalahan-kesalahan Rampaian (Penggagal 30), iaitu sabit kesalahan boleh membawa hukuman tidak melebihi BND30,000 bagi syarikat atau

penjara tidak melebihi 12 bulan atau kedua-duanya sekali. Pihak JDBM juga ingin memohon kerjasama orang ramai untuk menyalurkan sebarang maklumat mengenai pembuangan sampah yang menyalahi undang-undang dengan menyertakan alamat lokasi berserta gambar-gambar melalui pesanan WhatsApp di talian +673 8321581.

Pastikan patuhi peraturan keselamatan, kesihatan tempat kerja

Siaran Akhbar : Autoriti Kebangsaan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 22 April. - Autoriti Kebangsaan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar (SHENA) mengumumkan bahawa baru-baru ini tindakan penguatkuasaan telah diambil berikutan satu pemeriksaan yang dijalankan di sebuah tapak kerja pembinaan yang terletak di Jalan Lasuk, Kampung Lugu.

Tindakan penguatkuasaan berkenaan adalah berkaitan dengan kegagalan untuk mematuhi Peraturan 4, Penyediaan Peti Pertolongan Cemas di bawah Peraturan-peraturan Keselamatan dan Kesihatan Tempat Kerja (Pertolongan Cemas).

Sehubungan dengan itu, satu denda kompaun berjumlah BND500 telah dikenakan dan telah diselesaikan sepenuhnya.

Susulan daripada pemeriksaan berkenaan, pihak yang bertanggungjawab ke atas premis berkenaan telah mengambil langkah-langkah pembetulan yang perlu bagi menangani ketidakpatuhan yang di kenal pasti.

SHENA menegaskan dan menyarankan semua pihak yang berkepentingan hendaklah mematuhi Akta Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja, Penggal 277 serta peraturan-peraturan di bawahnya pada setiap masa.

Mana-mana penghuni premis yang gagal mematuhi Peraturan-peraturan Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja (Pertolongan Cemas) adalah suatu kesalahan dan, jika disabitkan, boleh dikenakan denda tidak melebihi BND5,000.

SHENA akan terus menjalankan pemeriksaan dan mengambil tindakan penguatkuasaan yang sesuai mengikut peruntukan undang-undang bagi melindungi pekerja, orang awam dan alam sekitar.



NORWAY BERHASRAT PERKENAL LARANGAN MEDIA SOSIAL UNTUK REMAJA BAWAH 16 TAHUN



STOCKHOLM, 24 April. - Norway merancang untuk melarang remaja dan kanak-kanak di bawah usia 16 tahun daripada mengakses media sosial, lapor agensi berita NTB pada Jumaat menerusi kenyataan Perdana Menteri Jonas Gahr Store. Langkah ini menjadikan negara Nordik itu yang terbaru mengikut jejak langkah Australia, lapor Agensi Berita

Jerman (dpa).

Satu cadangan perundangan dijadual dibentangkan di parlimen menjelang akhir tahun ini, kata Store, sambil menyatakan yang beliau memikirkan tentang larangan media sosial sejak hari pertama memegang jawatan sebagai perdana menteri.

Di bawah rancangan itu, remaja hanya akan dibenarkan

menggunakan platform seperti Instagram, Snapchat dan TikTok bermula 1 Januari pada tahun mereka mencecah usia 16 tahun.

Cadangan berkenaan mengikut langkah serupa dibuat oleh Australia, yang menjadi negara pertama menyekat akses media sosial bagi individu di bawah 16 tahun pada Disember lalu.

Tindakan itu mencetuskan

perdebatan serupa di seluruh dunia, di tengah-tengah kebimbangan yang semakin meningkat mengenai kesan media sosial terhadap kesejahteraan mental dan emosi kanak-kanak.

Keselamatan kanak-kanak dan golongan muda adalah "antara keutamaan dalam pelan kerajaan untuk Norway", kata Store.

Pada Khamis, ahli parlimen di Republik Türkiye turut mengundi untuk menyokong larangan akses media sosial bagi remaja di bawah usia 15 tahun.

Sekatan dijadualkan berkuat kuasa dalam tempoh enam bulan selepas undang-undang baharu itu ditandatangani oleh Presiden Recep Tayyip Erdogan. - ©BERNAMA

Sekolah, taska ditutup di Sweden susulan ugutan, suspek ditahan

HELSINKI, 23 April. - Beberapa sekolah dan taska di Sweden ditutup pada Rabu sebagai langkah berjaga-jaga susulan ugutan kemungkinan keganasan, menurut pihak berkuasa tempatan, lapor Xinhua.

Penutupan itu melibatkan beberapa institusi pendidikan termasuk prasekolah, sekolah rendah, sekolah menengah atas

serta pusat pendidikan dewasa di Borlange, sebuah perbandaran kira-kira 200 kilometer barat laut ibu negara Sweden, Stockholm.

Pengarah Perbandaran Jorgen Olsson berkata dalam sidang media bahawa maklumat mengenai ugutan itu mula tersebar dalam kalangan pelajar pada Isnin dan sampai kepada kakitangan sekolah pada Selasa.

Beliau berkata pihak perbandaran memilih untuk bertindak secara proaktif.

Seorang penolong ketua polis wilayah berkata dalam sidang media yang sama bahawa polis melancarkan operasi besar, namun belum mengenal pasti sumber ugutan setakat tengah hari waktu tempatan.

"Kami kini menjalankan banyak temu bual untuk

mengesan punca ugutan itu," katanya, sambil menjelaskan sumber polis yang besar dikerahkan.

Kemudian pada Rabu, polis menahan seorang suspek yang dipercayai dalang di sebalik ugutan, menurut Sveriges

Television (SVT).

Kes itu disiasat sebagai ugutan jenayah serius terhadap sekumpulan individu. Ketua komunikasi Perbandaran Borlange, Daniel Falt memberitahu SVT, sudah tiada lagi ancaman berterusan.

Agensi berita Sweden, Tidningarnas Telegrambyra (TT) melaporkan yang individu yang ditahan ialah seorang lelaki lewat usia belasan tahun.

Sekolah dan taska dijangka dibuka semula pada Khamis. - ©BERNAMA

Universiti Islam Madinah buka kemasukan menerusi platform 'Study In Saudi Arabia'

MADINAH, 22 April. - Universiti Islam Madinah mengumumkan pembukaan permohonan untuk program akademiknya menerusi platform 'Study in Saudi Arabia', mengalu-alukan pelajar dari seluruh dunia, lapor Agensi Akhbar Saudi (SPA).

Permohonan tersedia untuk kedua-dua biasiswa dalam

dan luaran padaperingkat sarjana muda dan pascasiswazah.

Universiti berkenaan memaklumkan permohonan akan diterima dari 19 April hingga 21 Mei melalui platform dalam talian itu, yang menyediakan maklumat terperinci mengenai syarat kemasukan, program yang

ada dan prosedur permohonan.

Inisiatif ini mencerminkan usaha universiti dalam menarik pelajar antarabangsa dan meningkatkan pertukaran akademik, menyokong misi pendidikannya dan sejajar dengan objektif Wawasan Saudi 2030 untuk membangunkan pendidikan. - ©BERNAMA

Polis cedera, mayat wanita ditemukan dalam insiden serangan beruang di Jepun

MORIOKA (Jepun), 22 April. - Mayat seorang wanita ditemukan di wilayah Iwate, timur laut Jepun pada Selasa selepas seorang anggota polis cedera akibat diserang beruang ketika operasi mencari orang hilang, lapor Agensi Berita Kyodo.

Menurut polis, jika kematian itu disahkan berpunca daripada serangan beruang, ia akan menjadi kes pertama seumpamanya di Jepun tahun ini. Kali terakhir kes sedemikian direkodkan ialah pada

3 Nov tahun lepas di Yuzawa, menurut Kementerian Alam Sekitar Jepun.

Data kementerian menunjukkan 13 orang terbunuh akibat serangan beruang di Jepun pada 2025. Di Iwate, lima orang maut antara Julai hingga Oktober, termasuk empat kes pada Oktober.

Polis berkata anggota polis berusia 56 tahun itu terserempak dengan seekor beruang di kawasan anak sungai di Shiwa pada pagi Selasa ketika

menjalankan operasi mencari orang hilang.

Tidak lama kemudian, mayat seorang wanita dewasa ditemukan tidak jauh dari lokasi berkenaan. Anggota polis itu mengalami kecederaan pada bahagian lengan dan muka.

Menurut pihak berkuasa, seekor beruang betina berukuran 1.3 meter panjang telah ditembak mati oleh pemburu yang menyertai pasukan pencarian. - ©BERNAMA

Perdagangan Malaysia – Kemboja meningkat hampir 50 peratus pada suku pertama

PHNOM PENH, 22 April. - Perdagangan dua hala antara Malaysia dan Kemboja meningkat 49.4 peratus pada suku pertama tahun ini, didorong oleh eksport Malaysia berjumlah RM1.5 bilion (US\$373 juta).

Sementara itu, eksport Kemboja ke Malaysia turut mencatat pertumbuhan dengan laporan terbaharu Jabatan Kastam dan Eksais Am Kemboja menganggarkan penghantaran bernilai RM218 juta (US\$55 juta)

bagi tempoh Januari hingga Mac.

"Peningkatan itu menunjukkan permintaan yang berterusan dan mengukuhkan keyakinan pembeli antarabangsa, sekali gus memastikan kestabilan rantaian bekalan dan rantaian nilai," kata jurucakap Kementerian Perdagangan Penn Sovicheat, seperti dilaporkan Kampuchea Thmey Daily.

Malaysia kini merupakan rakan dagang ketujuh terbesar Kemboja

di antara 20 negara yang disenaraikan oleh jabatan itu.

Secara tradisinya, Malaysia mengeksport peranti elektronik, produk petroleum, alat ganti automotif, makanan dan minuman yang mendapat permintaan tinggi dalam kalangan kelas pertengahan negara itu yang berjumlah 17 juta orang.

Kemboja pula mengeksport tekstil, pakaian, beras kasar dan kasut ke Malaysia. - ©BERNAMA

Pihak berkuasa Mexico dakwa penembak pelancong asing tiru insiden Columbine

MEXICO CITY, 22 April. - Lelaki yang membunuh seorang pelancong warga Kanada dan mencederakan 13 yang lain pada Isnin di Pyramid of the Moon, antara tarikan pelancongan utama di Mexico, didakwa terpengaruh dengan pelaku pembunuhan beramai-ramai di Columbine, Amerika Syarikat (AS), menurut pihak berkuasa Mexico.

Menurut Anadolu Ajansi, Julio Cesar Ramirez, 27, yang melepaskan tembakan ke arah pelancong di Teotihuacan, sebuah tapak arkeologi di Negeri Mexico, membunuh diri selepas berdepan dengan pasukan Pengawal Kebangsaan.

Pihak berkuasa Mexico mengesahkan identiti penyerang dan memaklumkan bahawa dia membawa pisau, peluru serta bahan bacaan berkaitan pembunuhan beramai-ramai Columbine, iaitu insiden tembakan di sebuah sekolah di Colorado pada 1999 yang menyaksikan dua pelajar sekolah menengah membunuh 12 orang sebelum membunuh diri.

Penyerang itu bersenjatakan sepucuk pistol keluaran 1968, peluru berkaliber .38 dan sebilah senjata tajam.

Pada sidang media Selasa, Pendakwa Raya Jose Luis Cervantes Martinez berkata suspek dipercayai bertindak di bawah pengaruh insiden Columbine.

"Dapatan awal menunjukkan profil psikopat yang dicirikan oleh kecenderungan meniru kejadian yang berlaku di tempat lain, pada waktu lain dan dilakukan oleh individu lain. Kecenderungan ini dikenali sebagai copycat," katanya.

Rakaman audio dan video yang tular di media sosial menunjukkan Jasso Ramirez mengugut pelancong asing dengan mengatakan dia akan 'mengorbankan' mereka sambil melaungkan kenyataan berbau xenofobia.

Menurut pihak berkuasa, sebaik tiba di lokasi, pasukan Pengawal Kebangsaan berbalas tembakan dengan Ramirez dan mencederakannya pada kaki.

Suspek kemudian membunuh diri dengan menembak kepalanya sendiri menggunakan revolver miliknya.

Menurut ketua keselamatan Mexico Omar Garcia Harfuch, pasukan keselamatan akan dikerahkan ke tapak pelancongan di seluruh negara, manakala usaha pemantauan dan risikan akan dipertingkatkan.

"Rondaan fizikal dan siber juga akan diperluas, diterajui Pengawal Kebangsaan dan Pusat Risikan Kebangsaan bagi mengenal pasti serta mencegah sebarang ancaman," tulis Harfuch di platform media sosial X milik AS.

Insiden tembakan yang menyasarkan pelancong asing itu berlaku hanya beberapa hari sebelum Mexico dijadual menjadi tuan rumah Piala Dunia FIFA 2026 bersama AS dan Kanada.

Pada sidang media, Presiden Claudia Sheinbaum menggesa orang ramai supaya bertenang dan memberi jaminan bahawa protokol keselamatan telah disediakan bagi melindungi pengunjung.

"Mexico selamat untuk dikunjungi, terbukti apabila 16 juta orang tiba antara Januari hingga Februari, termasuk 16 juta pelawat asing," katanya. - ©BERNAMA

SEORANG WARGA ASING DITAHAN TERLIBAT SINDIKET 'MACAU SCAM'

■ **Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei**



SEORANG suspek telah ditahan kerana disyaki terlibat dalam sindiket Macau Scam, beberapa peranti elektronik termasuk telefon pintar dan tablet, serta sebuah kenderaan telah dirampas bagi membantu siasatan lanjut (atas dan bawah).

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 22 April. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) telah berjaya menahan seorang suspek yang disyaki terlibat dalam sindiket scam penyamaran atau Macau Scam dalam satu operasi yang dijalankan oleh Daerah Polis Brunei Muara (DPBM) bersama Bahagian Siasatan Jenayah Siber (BSJS), Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ).



Operasi berkenaan dilaksanakan hasil daripada maklumat yang disalurkan oleh orang awam.

Suspek, seorang lelaki warganegara asing berumur 23 tahun, ditahan kerana disyaki bertindak sebagai runner dengan menyamar sebagai pegawai kerajaan bagi memperdaya mangsa. Beliau didapati mengumpul wang secara terus daripada mangsa yang telah diugut dan dimanipulasi melalui panggilan telefon oleh ahli sindiket yang lain.

Hasil operasi berkenaan, beberapa peranti elektronik termasuk telefon pintar dan tablet, serta sebuah kenderaan telah dirampas bagi membantu siasatan lanjut.

Kes berkenaan disiasat di bawah Kanun Keseksaan Jenayah (Penggala 22) dan Akta Penyalahgunaan Komputer (Penggala 194).

Pihak PPDB menegaskan bahawa perbuatan menyamar sebagai anggota penguatkuasaan dan kakitangan perbankan bagi memperdaya orang ramai merupakan satu kesalahan serius di sisi undang-undang.

Sebarang penglibatan dalam aktiviti sedemikian, termasuk bertindak sebagai runner mahupun pemilik akaun keldai, akan dikenakan tindakan undang-undang yang tegas tanpa kompromi.

Pihak PPDB turut memaklumkan bahawa sejumlah besar kes berkaitan penipuan dalam talian, scam penyamaran atau Macau Scam telah dilaporkan sejak kebelakangan ini dan angka berkenaan amat membimbangkan.

Sehubungan dengan itu, orang ramai digesa agar lebih peka dan berwaspada, terutamanya terhadap individu yang mendakwa sebagai pegawai kerajaan, agensi



Lelaki tempatan didenda miliki barang tegahan

■ **Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid**

TUTONG, Rabu, 22 April. - Seorang lelaki warga tempatan didakwa di Mahkamah Majistret Tutong atas satu pertuduhan kerana memiliki barang tegahan kastam, iaitu enam karton dan 51 paket rokok pelbagai jenis.

Majistret, Abdul Azim bin Othman membuat keputusan berkenaan selepas Johari bin Jaraie, 47 tahun, didapati bersalah terhadap pertuduhan mengikut Seksyen 146(1)(d) Perintah Eksais 2006 dan dijatuhkan hukuman.

Defendan ditangkap oleh Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (Cawangan Kuala Belait) pada 28 Oktober 2024, pukul 5.09 petang di sebuah rumah di kawasan Kampung Kebia, Tutong.

Defendan dihukum denda mahkamah sebanyak BND10,180 atau 10 bulan pemenjaraan jika gagal membayar keseluruhan denda. Semua barang yang terlibat iaitu rokok dihukum rampas untuk diserahkan ke kerajaan bagi tujuan dimusnahkan.

Padah akibat rasuah

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 23 April. - Bekas Kerani Kaunter di Jabatan Buruh, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri mengaku bersalah atas kesalahan menerima rasuah sebanyak BND200.

Mahkamah telah mensabitkan Noor Rasidah binti Othman berumur 36 tahun atas kesalahan menerima rasuah di bawah Bab 6(a) Akta Pencegahan Rasuah, Penggal 131, suatu kesalahan yang boleh dihukum dengan denda sehingga BND30,000 dan penjara sehingga tujuh tahun.

Defendan telah melakukan kesalahan pada bulan Februari 2019 daripada pemilik sebuah agensi pekerjaan tempatan agar mempercepatkan proses permohonan Lesen Pekerja Asing yang dihadapi oleh agensi pekerjaan tempatan tersebut.

Perbicaraan kes tersebut dikendalikan oleh Yang Arif Majistret Syaffina binti Shahif manakala Timbalan Pendakwa Raya, Jordan Tiah Teck Chiun sementara defendan tidak diwakili peguam bela. Penjatuhan hukuman bagi kes ini akan ditetapkan pada 25 April 2026, pukul 3.00 petang.

kerajaan tidak akan meminta wang atau maklumat peribadi yang sensitif melalui panggilan telefon atau pertemuan tidak rasmi.

Orang ramai juga diingatkan agar tidak terlibat dalam sebarang bentuk kegiatan penipuan dalam apa jua keadaan sekalipun.

BNOTM pupuk semangat berpasukan, ketengahkan gaya hidup sihat

>> **Muka 32**

Beliau turut menekankan bahawa kejohanan ini bukan sahaja tertumpu kepada pengiraan langkah, malah turut menggalakkan pendekatan kesejahteraan yang lebih menyeluruh melalui misi kesihatan harian, semangat berpasukan dan amalan gaya hidup sihat.

Sehubungan itu, orang ramai juga digalakkan untuk terus memanfaatkan dan menggunakan aplikasi BruHealth sebagai platform yang menyokong amalan hidup sihat secara berterusan, sambil menantikan pengumuman Kejohanan BNOTM pada masa akan datang.

Majlis diteruskan dengan menyaksikan tayangan video sorotan yang memaparkan detik-detik utama serta pencapaian

sepanjang kejohanan berlangsung.

Dilancarkan pada September 2025, Kejohanan BNOTM 2025 merupakan kesinambungan kepada inisiatif-inisiatif kebangsaan terdahulu yang bertujuan menggalakkan kehidupan aktif dan penjagaan kesihatan secara pencegahan. Kempen ini mencatatkan penyertaan seramai 23,090 peserta di seluruh negara yang secara kolektif berjaya mencapai 7,745,808,632 langkah sepanjang tempoh lima bulan. Melalui cabaran pengiraan langkah, penyertaan berpasukan dan misi bulanan, kejohanan ini berjaya memupuk amalan gaya hidup yang lebih sihat merentasi pelbagai sektor di Negara Brunei Darussalam.

Majlis diteruskan lagi dengan penyampaian hadiah dan anugerah bagi mengiktiraf peserta cemerlang dalam pelbagai kategori. Antaranya

termasuk Anugerah Best of the Best, yang diberikan kepada sektor dengan purata langkah tertinggi dalam kategori Kerajaan, Institusi Pengajian Tinggi dan Swasta; Anugerah Most Active Team – Silver bagi pasukan dengan purata langkah tertinggi; dan Anugerah Most Engaged Team – Gold bagi pasukan dengan jumlah ahli tertinggi.

Selain itu, Pingat BNOTM turut disampaikan kepada peserta dalam kategori Public Community Team dan Public Individual sebagai pengiktirafan atas komitmen dan penyertaan konsisten sepanjang kejohanan.

Majlis turut diteruskan dengan Cabutan Bertuah Bulanan Ke-5 (Month 5 Grand Lucky Draw) yang menyaksikan pengumuman 10 pemenang utama. Majlis diakhiri dengan sesi bergambar ramai dan

■ **Oleh : Nooratini Haji Abas**
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

jamuan ringan bagi para jemputan.

Kementerian Kesihatan turut merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua rakan kongsi dan penaja atas sokongan dalam menjayakan Kejohanan BNOTM 2025. Sumbangan mereka, termasuk penajaan hadiah dan sokongan terhadap pelbagai aktiviti kempen, telah memainkan peranan penting dalam meningkatkan penglibatan dan penyertaan orang ramai.

Kejohanan BNOTM merupakan sebahagian daripada usaha berterusan Kementerian Kesihatan untuk memperkukuh penjagaan kesihatan secara pencegahan dan menangani penyakit-penyakit tidak berjangkit (NCD) melalui galakan aktiviti fizikal secara berkala dalam

kalangan penduduk. Kementerian Kesihatan kekal komited untuk meneruskan inisiatif seumpama ini bagi menyokong keutamaan negara dan Wawasan Brunei 2035.

Turut hadir di majlis tersebut ialah Pemangku Setiausaha Tetap, Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Rafidah binti Haji Gharif; Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Pengurusan), Kementerian Kesihatan, Pengiran Mohammad Khiruddin bin Pengiran Haji Yusoff; ketua-ketua jabatan, pegawai dan kakitangan Kementerian Kesihatan, serta jemputan daripada sektor kerajaan, institusi pengajian tinggi, sektor swasta, Public Community Team dan Public Individual, termasuk para pemenang cabutan bertuah kejohanan.



SUKAN PANTAI ASIA KE-6 DIRASMIKAN



KONTINJEN negara terdiri daripada lapan orang dengan membawa empat orang atlet (tiga lelaki dan seorang wanita) bagi dua acara sukan iaitu Teqball dan Athletics (kiri). Kehadiran para atlet dan pegawai kontinjen NBD dalam perarakan tersebut jelas mempamerkan imej negara yang berdisiplin, bersatu padu dan berkeyakinan di pentas antarabangsa (kiri sekali).

sebagai penganjur yang tiada tandingan sejak menganjurkan Sukan Olimpik musim panas dan musim sejuk dan pelbagai temasya Sukan Asia dan temasya Sukan Pantai ini telah menambah kepada legasi sukan Republik Rakyat China.

Dalam kenyataannya juga membawa duta-duta atlet yang berperanan sebagai duta keamanan ketika dunia mengalami cabaran pergolakan peperangan dan perpecahan.

Dengan temasya ini akan membawa harapan, silaturahmi dan kemanusiaan yang menjadi simbol harapan untuk keamanan dunia.

Majlis pembukaan di akhiri dengan penyalaan obor Lighting of the Cauldron oleh enam orang atlet berprestij menandakan bermulanya secara rasmi Sukan Pantai Asia Ke-6.

Siaran Akhbar dan Foto : Urus Setia Kontinjen Negara Brunei Darussalam Sukan Pantai Asia Ke-6

SANYA, REPUBLIK RAKYAT CHINA, Jumaat, 24 April. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkihah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Olympic Council of Asia Honorary Executive Board Member dan Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Pembukaan Rasmi Sukan Pantai Asia Ke-6.

Majlis Pembukaan Rasmi Sukan Pantai Asia Ke-6 telah diadakan dengan penuh gilang-gemilang berlangsung di Sanya Yasha Park.

Majlis Pembukaan dan pembuka tirai temasya Sukan Pantai Asia Ke-6 dimulakan dengan Lagu Kebangsaan Republik Rakyat China, seterusnya disusuli dengan tiga segmen persembahan yang penuh gemilang dan mempamerkan identiti budaya Hainan.

Persembahan turut mempamerkan Sanya sebagai destinasi pelancongan yang dinamik serta memperlihatkan kekayaan sumber laut dan keindahan suasana pantai di Sanya, Republik Rakyat China yang sangat sesuai bagi pelbagai jenis sukan pantai.

Acara Parade of Athletes

dimulakan dengan 45 negara ahli Olympic Council of Asia (OCA) dan kontinjen Negara Brunei Darussalam (NBD) diketuai oleh Pengiran Abdul Raub bin Pengiran Haji Ghani selaku Chef de Mission kontinjen NBD.

Manakala pembawa bendera negara adalah Awang Ismail Ang dari sukan Teqball dan Dayang Qurratul Ain binti Irwan dari sukan Athletics.

Kontinjen negara terdiri daripada lapan orang dengan membawa empat orang atlet iaitu tiga lelaki dan seorang wanita bagi dua acara sukan iaitu Teqball dan Athletics.

Kehadiran para atlet dan pegawai kontinjen NBD dalam perarakan tersebut jelas mempamerkan imej negara yang berdisiplin, bersatu padu dan

berkeyakinan di pentas antarabangsa.

Penyertaan ini bukan sahaja menjadi simbolik kepada permulaan temasya, malah turut menyuntik motivasi kepada para atlet untuk memberikan prestasi terbaik sepanjang kejohanan.

Temasya ini dirasmikan oleh Chinese State Councilor, Her Excellency Shen Yiqin, manakala ucapan alu-aluan disampaikan oleh President of OCA, His Excellency Sheikh Joaan bin Hamad Al Thani, dan President of the 6th Asian Beach Games Sanya 2026 Organizing Committee and Governor of Hainan Province, His Excellency Liu Xiaoming.

Menurut Presiden OCA, negara Republik Rakyat China telah diberikan pujian tertinggi

BNOTM pupuk semangat berpasukan, ketengahkan gaya hidup sihat

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 23 April. - Kementerian Kesihatan pagi tadi mengadakan

Majlis Penutup Kejohanan BN on the Move 2025 (BNOTM) bertempat di Dewan Al-'Afiah,



YANG Berhormat Menteri Kesihatan hadir selaku tetamu kehormat di Majlis Penutup Kejohanan BN on the Move 2025 yang telah mengambil tempat di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan.

Kementerian Kesihatan.

Majlis ini adalah bagi menandakan berakhirnya kempen seluruh negara yang telah berlangsung selama lima bulan, bermula 28 September 2025 hingga 15 Februari 2026.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dibacakan oleh Awang Muhd. Khaironisa bin Haji Zainin, diikuti dengan ucapan alu-aluan yang disampaikan oleh Pemangku Ketua Pusat Promosi Kesihatan, Dr. Emrina Niszdarinah binti Haji Abdul Rani.

Dalam ucapan tersebut, beliau menekankan bahawa Kejohanan BNOTM 2025 telah berjaya menarik penyertaan serta sokongan yang menggalakkan

dari pelbagai sektor, mencerminkan komitmen negara yang semakin meningkat ke arah

gaya hidup yang lebih sihat dan aktif.

>> Muka 31

Tahukah Awda

BLOODKAD merupakan satu aplikasi yang membantu menyelaras proses pendermaan darah secara digital dan pengurangan penggunaan kertas dari segi pendaftaran penderma darah, pengisian borang pemeriksaan kesihatan dan tempahan slot menderma. BloodKad dihasilkan oleh Nextcloud Technologies. Pada tahun 2017, First Blood telah dijenamakan semula sebagai BloodKad sehingga sekarang. Penggunaan BloodKad diwajibkan oleh Kementerian Kesihatan melalui Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleh (RIPAS) dan Jerudong Park Medical Centre bagi orang ramai yang berhasrat untuk menderma darah untuk memuat turun aplikasi ini.

SUMBER : <http://www.hbk.gov.bn/>

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

ISLAM MENGAJARKAN KITA AGAR MENUTUP AIB BUKAN MENGHEBAHKANNYA